

فتيقن تيتاه

PETIKAN TITAH

"BETA percaya, kecemerlangan yang dikehendaki daripada guru-guru itu adalah luas, meliputi kecemerlangan di bidang tugas masing-masing, kecemerlangan akademik dan juga kecemerlangan di segi rohani dan perwatakan." - Titah sempena Sambutan Hari Guru Tahun 1999.



قليت بروني Pelita Brunei

DITERBITKAN PADA TIAP-TIAP HARI RABU

مايسن ايمان

MANISNYA IMAN

"KATAKANLAH: Adakah sama orang-orang yang mengetahui dengan orang-orang yang tidak? Sesungguhnya orang yang berakallah yang dapat menerima pelajaran." - Surah Az-Zumar ayat 9.

TAHUN 45 BILANGAN 39 RABU 27 SEPTEMBER, 2000, 28 جمادي الآخر, PERCUMA

http://www.brunet.bn/news/pelita/pelita1.htm email: pelita@brunet.bn Talian penting PELITA BRUNEI: (02) 383941/(02) 383804 Faks: (02) 381004/(02) 380507

Sekolah agama diletakkan di bawah Kementerian Pendidikan

Bina bangsa di atas wadah ilmu, agama - titah

Oleh Sahari Akim dan Abdullah Asgar



CEMERLANG ... Kebawah Duli Yang Maha Mulla Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan Anugerah Guru Cemerlang Dalam Bidang Komputer sempena Sambutan Hari Guru 2000 kepada Cikgu Awang Haji Yusoff bin Awang Haji Mohammad.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulla Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan Anugerah Guru Cemerlang Dalam Bidang Pendidikan Agama kepada Cikgu Dayang Hajjah Miri binti Haji Tejuddin.

PENDAFTARAN MENUNAIKAN FARDU HAJI MASIH DIBUKA

BERAKAS, 20 September. - Jabatan Urusan Haji, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam memaklumkan bahawa pendaftaran menunaikan fardu haji bagi musim haji tahun 1421 Hijrah/ 2001 Masihi masih lagi dibuka, dan akan ditutup pendaftarannya pada hari Sabtu, 9 Rejab, 1421 Hijrah bersamaan dengan 7 Oktober, 2000 Masihi jam 4.00 petang.

Oleh Sahari Akim dan Abdullah Asgar

Bawa perubahan baru yang lebih unggul

Tidak ada masa untuk berlengah - titah

BANDAR SERI BEGAWAN, 23 September. - Kebawah Duli Yang Maha Mulla Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah, tenaga manusia yang hendak kita capai bukanlah setakat yang dapat memenuhi kehendak-kehendak biasa dan lazim, tetapi hendaklah yang berupaya untuk membawa perubahan-perubahan baru yang baik dan lebih unggul lagi.

Baginda bertitah, bahawa matlamat utama perguruan dan pendidikan itu ialah untuk menghasilkan sumber tenaga manusia yang berkualiti yang

diasaskan kepada berbagai-bagai tuntutan dan keperluan yang meliputi sosioekonomi dan politik negara.

"Kita perlu memperolehi yang sesuai dengan era globalisasi yang tidak bersempadan. Kita tidaklah boleh bersikap pasif lagi, tetapi adalah perlu untuk bersikap proaktif selaras dengan kemajuan," titah baginda.

"Kita dituntut untuk berada di hadapan dan bukannya di belakangnya," titah baginda di Majlis Sambutan Hari Guru yang diadakan di Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, Berakas.

Baginda menambah titah, adalah disadari bahawa semua itu tidak mungkin dicapai dalam masa yang singkat, namun rancangan dan usaha hendaklah digembiang daripada sekarang

dan tidak ada masa untuk berlengah-lengah kerana segala-galanya itu berlaku begitu cepat seperti cepatnya kemajuan, maka cabaran-cabaran juga adalah lebih cepat lagi.

Kebawah Duli Yang Maha Mulla bertitah, ia turut memerlukan langkah yang lebih cepat di samping pengetahuan dan bakat yang semuanya itu mengahendaki perancangan dan usaha-usaha yang gigih.

BERAKAS, 23 September. - Majlis Pelajaran Kebangsaan Negara Brunei Darussalam dikehendaki membentuk falsafah pendidikan negara dengan hasrat ia mampu melahirkan individu insani terbaik yang benar-benar berilmu di samping beriman dan bertakwa.

Falsafah itu hendaklah benar-benar seimbang untuk mencapai kebajikan di dunia dan kebajikan di akhirat dan ia tidak boleh pincang kerana jika ia pincang maka akan pincanglah ummah.

Kebawah Duli Yang Maha Mulla Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menekankan perkara tersebut ketika bertitah di Majlis Sambutan Hari Guru Kali Ke-10 bertempat di Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah.

Menurut titah baginda, dengan mengambil kira matlamat yang luhur itu maka Majlis Pelajaran Kebangsaan Negara juga dikehendaki supaya meneliti dan membuat persediaan-persediaan yang rapi bagi sekolah-sekolah agama di negara ini diletakkan di bawah Kementerian Pendidikan.

Baginda seterusnya bertitah, bahawa untuk tujuan itu satu dasar kekal lagi mantap hendaklah diwujudkan supaya pendidikan agama dan pendidikan umum itu sama-sama seimbang serta jiwa-menjiwai.

Menyebut penyatuan sistem dan pentadbiran pendidikan itu titah baginda, ia memanglah mudah bahkan selari dengan semangat kenegaraan tetapi dalam masa yang sama jangan lupa bahawa pelaksanaan dan kenyataan yang menepati sebutan tadi adalah lebih ditunggu-tunggu dan dialu-alukan.

"Jangan ia menjadi khabar tanpa rupa atau seperti telaga tanpa air atau pohon tanpa buah. Elakkan berseronok di atas kekecewaan bangsa. Pendidikan itu amanah sementara agama pula adalah teras segala-galanya. Jika agama lemah maka akan lemahlah bangsa.

Kita mesti bina bangsa kita di atas wadah ilmu dan agama. Kedua-duanya mestilah bersepadu tidak boleh dipisah-pisahkan. Di sinilah kita akan tumbuh, anak-anak dan generasi kita akan tumbuh. Janganlah ada yang tercicir tidak dapat menyertai pertumbuhan yang bermutu ini," titah baginda.

APEC
2000
BRUNEI DARUSSALAM

46

HARI LAGI



PELITA BRUNEI
DITERBITKAN PADA TIAP-TIAP HARI RABU

27 SEPTEMBER, 2000 BERSAMAAN 1421, جمادي الآخر 28

Dari Sidang Pengarang

دغن نام الله يغمها
قصوره دان مها قبايغ

PENYATUAN SISTEM DAN PENTADBIRAN PENDIDIKAN

BIDANG pendidikan di Negara Brunei Darussalam akan menempah satu lagi sejarah apabila sistem dan pentadbiran sekolah-sekolah agama di negara ini yang pada masa ini ditadbir oleh Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama akan diletakkan di bawah Kementerian Pendidikan. Ini bermakna pendidikan agama dan pendidikan umum akan disatukan supaya keduanya lebih seimbang dan dapat menjitai antara satu sama lain. Walau bagaimanapun pelaksanaan sistem ini belum jelas kerana ia masih dalam perancangan.

Tetapi matlamat dan inspirasinya adalah jelas, iaitu untuk menghasilkan sumber tenaga manusia yang berkualiti bagi memenuhi pelbagai tuntutan dan keperluan kehidupan berbangsa dan bernegara termasuk fardu kifayah yang meliputi sosioekonomi dan politik negara. Matlamat ini perlu kita gapai dan capai sesuai dengan era globalisasi yang tidak bersempadan. Kita tidak ada pilihan melainkan membuang sikap pasif dan menukarnya dengan sikap proaktif selaras dengan cepadnya kemajuan.

Kalau begitu, tenaga manusia yang hendak kita capai bukanlah setakat yang dapat memenuhi kehendak-kehendak biasa dan lazim tetapi hendaklah yang berupaya untuk membawakan perubahan-perubahan baru yang lebih baik dan lebih unggul lagi. Kita memang menyedari semua ini bukan mudah untuk dicapai dalam masa yang singkat, tetapi bukan juga masanya untuk kita berleluasa kerana sekarang segalanya berlaku dengan begitu cepat, bagaimana cepadnya kemajuan maka cabaran-cabarannya juga akan lebih pantas lagi. Oleh kerana itu kita dituntut supaya berada di hadapan dan bukannya di belakang kemajuan itu.

Sebenarnya langkah penyatuan ini bukanlah suatu tindakan yang ganjil atau digalangi oleh sebarang masalah di antara pihak-pihak yang berkenaan. Kerana kalau kita singkap sejarah pendidikan agama di negara ini, ia bermula dalam pendidikan umum yang kemudiannya diadakan pendidikan agama dengan kunkulunya tersendiri secara berasingan dan mempunyai guru-guru agama yang khusus. Tetapi tempat belajar masih menumpang di bangunan sekolah-sekolah umum yang memaksa ianya diadakan di sebelah petang. Lama selepas itu barulah kerajaan membina bangunan sekolah-sekolah agama mengikut keutamaannya.

Institut Pengajian Islam yang dulunya juga di bawah Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama kini telah diserapkan ke Universiti Brunei Darussalam menjadi Institusi Pengajian Islam Sultan Omar 'Ali Saifuddin.

Daripada perkembangan tersebut kita dapat gambaran bahawa hasrat kerajaan untuk menyatukan sistem dan pentadbiran pendidikan sekolah-sekolah agama dengan sekolah-sekolah umum itu adalah langkah bijak dan kena pada tempatnya di mana kita menghadapi alaf baru dan dunia tanpa sempadan.

Namun demikian, seperti yang dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam baru-baru ini, menyatukan sistem dan pentadbiran pendidikan itu memanglah mudah, bahkan selari dengan semangat kenegeraan. Tetapi dalam pada itu kita jangan lupa bahawa pelaksanaan dan kenyataan yang menepati sebutan tadi adalah lebih ditunggu-tunggu dan dialu-alukan. Baginda tidak mahu hasrat yang murni itu hanya akan menjadi khabar tanpa rupa atau seperti telaga tanpa air atau pohon tanpa buah. Dan bahkan baginda menegaskan, elakkan berseronok di atas kekecewaan bangsa. Pendidikan itu amanah sementara agama pula adalah teras segala-galanya, jika agama lemah maka lemahlah bangsa.

Ke arah itu, Majlis Pelajaran Kebangsaan Negara Brunei Darussalam dikehendaki supaya membentuk falsafah pendidikan negara dengan hasrat supaya ianya mampu melahirkan individu-insani yang terbaik yang benar-benar berilmu di samping juga beriman dan bertakwa. Falsafah ini hendaklah benar-benar seimbang untuk mencapai dua matlamat kebajikan iaitu kebajikan di dunia dan kebajikan di akhirat. Ia tidak boleh pincang kerana jika pincang akan pincang pulalah ummah. Memandang betapa luhurnya hasrat ini, Majlis Pelajaran Kebangsaan Negara adalah juga dikehendaki supaya meneliti dan membuat persediaan-persediaan yang rapi bagi sekolah-sekolah agama di negara ini diletakkan di bawah Kementerian Pendidikan.

Maka usaha ini adalah usaha yang besar ke arah membina bangsa kita di atas wadah ilmu dan agama. Keduanya mestilah bersepadu tidak boleh dipisah-pisahkan. Di sinilah kita akan tumbuh, anak-anak dan generasi kita akan tumbuh. Janganlah ada yang tercicir tidak dapat menyertai pertumbuhan yang bermutu ini. Para pentadbir, guru-guru, ibu bapa dan masyarakat seluruhnya hendaklah memahami tujuan ini di mana kita semua adalah para penyumbang terhadap kejayaan bersama.

Jika tidak mahu tertinggal mencapai ilmu terkini

TANAMKAN MINAT BUDAYA MEMBACA

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

SAYA sukacita mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Persatuan Pembacaan dan Literasi Negara Brunei Darussalam kerana telah menjemput saya hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyampaikan Anugerah Perpustakaan/Bilik Sumber di majlis yang berkebakikan di pagi ini.

Soal menjadikan membaca sebagai budaya bagi semua peringkat masyarakat di negara ini terutama sekali muda-mudi yang masih berada di bangku sekolah dan guru-guru, para pendidik yang seharusnya memberikan contoh dan demikian juga ibu bapa sebagai kesinambungan budaya membaca yang bermula dari rumah ini, adalah merupakan satu kenyataan yang tidak memerlukan perbincangan. Yang penting diingat ialah minat membaca memang sudah ditanamkan dari datuk nenek kita, sudah berakar umbi tetapi sayangnya tidak mengembang dan tidak pula diperluaskan, masyarakat kita pada amnya pada waktu ini ternyata atau kedapatan belum dapat dikatakan sebagai masyarakat yang mempunyai budaya membaca.

Kerajaan melalui Kementerian Pendidikan telah banyak menjalankan usaha untuk 're-activate' budaya membaca sebagai satu perkara yang afdal, sekurang-kurangnya sejak 11 tahun dahulu iaitu dari tahun 1989. Dari segi perbelanjaan sahaja kerajaan telah membelanjakan tidak kurang dari \$4.5 juta, belum termasuk gaji kakitangan dan kemudahan-kemudahan yang lain.

Sekarang budaya membaca bukan sahaja afdal bahkan 'urgent' perlu disegerakan kiranya masyarakat kita tidak mahu tertinggal dalam perlumbaan dalam mencapai ilmu yang terkini. Dalam pada itu, kita sama-sama bersyukur jika dilihat dari segi keperluan membaca dan menulis, peratus literasi di negara ini telah sampai kepada 95 peratus, yang merupakan satu pencapaian yang boleh dikategorikan di kalangan negara-negara yang telah maju seperti antara negara-negara Eropah dan seumpamanya. Namun demikian, jika kita lihat daripada banyaknya kertas yang diimport oleh negara ini, bilangan buku-buku yang terdapat dan kederasan buku-buku itu diedaran dari tangan ke tangan, kita masih jauh dari peringkat yang diperlukan.

Bagi mereka yang pernah ke negara-negara Eropah, misalnya ke United Kingdom, budaya membaca telah begitu luas sehingga jarang sekali seseorang itu didapati duduk saja-saja melainkan sekurang-kurangnya membaca surat khabar. Peringkat yang paling tinggi lagi ialah bagi mereka yang pernah ke negara Jepun, menaiki kereta dalam tanah atau 'underground' yang seimbang dengan MRT di Republik Singapura, dalam manusia bersejak-sesak itu, ada duduk, ada berdiri seakan-akan kesesakan itu seperti sardin, pun manusia itu masih memegang buku kecil atau surat khabar dilipat-lipat pada meneruskan pembacaan. Hasil pembacaan ini kita boleh lihat sekarang bagaimana dinamik perkembangan ekonomi dan teknologinya dan kukuhnya asas sosial di negara itu.

Dalam agama kita, dalam kitab suci Al-Quran, begitu banyak ayat-ayat yang menekankan keperluan untuk 'membaca' ini yakni 'belajar' sehingga antara ayat-ayat terawal diturunkan ialah 'bacalah' yakni 'pelajirlah'. Sekarang 'bacalah' itu ialah dimaksudkan bukan sahaja sebagai literasi menulis dan membaca bahkan 'Information Communication Technology' (ICT), yang merupakan satu corak budaya komunikasi yang diglobalisasikan yang menyatukan perkembangan sains dan teknologi yang juga disebut sebagai 'Information Technology', yang sekarang sudah dijuntaikan di seluruh dunia termasuklah wilayah kita di sebelah sini sebagai alat untuk mencapai perkembangan ekonomi yang maksima, perkembangan pendidikan yang cepat dan tepat dan perkembangan sosial yang lebih terjamin yang semuanya menuju ke arah kestabilan politik.

Bagi negara yang berkeupayaan serta komited kepada penggunaan IT atau ICT ini, adalah mereka yang termasuk dalam golongan sebagai masyarakat yang berpengetahuan, berkemahiran, berinovatif, berdaya maju, lebih matang, lebih berdisiplin, insya-Allah jika dibandingkan dengan negara-negara yang belum memasuki atau belum mempunyai kemampuan menceburkan diri ke dalam golongan itu.

Alhamdulillah, Kementerian Pendidikan telah pun memberikan penekanan yang serius dan sewajarnya dalam meningkatkan dan meluaskan pendidikan dan kemahiran ICT di kesemua peringkat pendidikan. Insya-Allah, dalam tahun-tahun yang akan datang adalah diharapkan setiap guru dan pelajar-pelajar di semua peringkat pendidikan akan sekurang-kurangnya tahu menggunakan peralatan ICT atau menjadi 'computer literate'. 'Computer literate' inilah seharusnya akan dijadikan sebagai sukut-sukat literasi.



UCAPAN Menteri Pendidikan yang juga Pemangku Sementara Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz di Majlis Penyampaian Anugerah Perpustakaan/Bilik Sumber Sekolah-sekolah Negara Brunei Darussalam pada hari Khamis 19 Rabiulawal, 1421 bersamaan dengan 22 Jun, 2000 di Dewan Serbaguna, Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan, Kampong Rimba.

Dalam hal ini, kita berharap bukan sahaja ICT patut dimajukan dalam semua kementerian bahkan lebih-lebih lagi pihak swasta dan dengan berganding bahu di antara kerajaan dengan swasta kita patut sama-sama mendapatkan kemanfaatan yang tertinggi dari pemakaian ICT ini. Dari sebab itulah penubuhan satu badan nasional seperti yang diumumkan baru-baru ini oleh Menteri Perhubungan patut mendapat sambutan dari seluruh sektor swasta dan masyarakat di negara ini dengan tujuan bukan sahaja untuk menganjurkan perkembangan ICT sebagai satu yang bersepadu dan sehaluan bagi negara ini, bahkan mungkin dalam proses itu Negara Brunei Darussalam dapat menjadikan bidang ICT ini sebagai satu khidmat yang dapat diniagakan bagi negara lain yang memerlukan perkhidmatan itu.

Serentak dengan ini, kita sebagai sebuah negara yang kecil tidak punya pilihan melainkan menuju ke arah 'high technology'. Sebagai satu langkah untuk mempercepatkan dan memperluaskan ilmu pengetahuan terutama sekali bahagian kejuruteraan dan teknikal, selain dari penghantaran pelajar-pelajar ke negara-negara seperti United Kingdom, Australia, New Zealand, Malaysia, Kementerian Pendidikan sekarang sedang membuat urusan untuk meneliti kesesuaian kursus-kursus yang ada di Jerman yang dipercayai mempunyai kualiti yang tinggi sebagai satu langkah untuk meningkatkan lagi keperluan sumber tenaga manusia. Insya-Allah, kita mempunyai rancangan untuk menghantar pelajar-pelajar kita ke Jerman dalam bidang kejuruteraan

dan teknikal mulai pada tahun ini.

Saya penuh berharap pelajar-pelajar kita akan sama-sama merebut peluang ini walaupun ianya merupakan sebagai satu langkah permulaan iaitu sama ada melalui biasiswa kerajaan ataupun secara persendirian.

Bersabit dengan ini, saya bersyukur dan sukacita mengambil ingatan bahawa nampaknya Skim Pinjaman Pendidikan yang pada mulanya disahut oleh Hongkong and Shanghai Bank itu sekarang telah mendapat sambutan yang begitu luas dari lain-lain bank dan institusi-institusi kewangan seperti TAIB yang telah menghadapkan syarat-syarat yang begitu baik yakni 'competitive' dan pengendaliannya insya-Allah akan diteruskan dengan terperinci bagi semua institusi-institusi kewangan yang berkecenderungan dan bersedia untuk menjayakan skim ini demi untuk kepentingan pelajar-pelajar kita pada masa ini dan lebih-lebih lagi di masa-masa yang akan datang.

Akhirnya saya sukacita mengucapkan tahniah yang setinggi-tingginya dan penghargaan kepada seluruh anggota Persatuan Pembacaan dan Literasi Negara Brunei Darussalam yang saya perhatikan tidak kendur-kendurnya memikirkan dan mengunggulkan projek pada meningkatkan minat membaca yang mana saya penuh yakin budaya membaca ini akan terus dapat diperluaskan dengan akar umbinya yang kukuh dan seterusnya memasuki 'computer literacy' sejajar dengan perkembangan terkini.

Sekian, Wallahilahi Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

PENGGREDAN DAN PEMBUNGKUSAN TELUR AKAN DILANCAR

Oleh Haji Ahat HI

BERAKAS, 17 September. - Jabatan Pertanian akan melancarkan projek penggredan dan pembungkusan telur ayam tempatan dengan kerjasama dari syarikat pengeluaran telur ayam tempatan di negara ini.

Projek penggredan dan pembungkusan telur ayam tempatan itu adalah satu langkah untuk meningkatkan mutu dan kualiti telur ayam tempatan yang dibekalkan kepada orang ramai.

Pelan tindakan ini juga adalah salah satu langkah lagi bagi meningkatkan piawaian telur ayam tempatan ke tahap antarabangsa.

Telur-telur tempatan ini digred kepada lima bahagian iaitu AA bagi berat 70 gm, A bagi berat 63 gm, B bagi berat 56 gm, C bagi berat 49 gm dan D bagi berat 42 gm.

Jabatan Pertanian menjelaskan, perbezaan berat telur ayam dalam satu gred adalah sangat jauh bagi penggredan yang mempunyai tiga gred berbanding daripada lima gred. Untuk tiga bilangan gred, bagi gred yang besar akan bermula daripada 63 gm sehingga melebihi 70 gm seperti telur, gred biasa akan mempunyai berat di antara 49 gm sehingga 62 gm dan gred kecil adalah berat berkurangan daripada 49 gm.

Perbezaan saiz telur yang jauh bagi setiap gred akan menyebabkan pembungkusan tidak rapi dan longgar. Kerosakan akan berlaku dalam pengendalian.

Dengan mengadakan bilangan lima gred, pengguna akan dapat memilih gred telur yang dikehendaki mengikut kemampuan dan kesukaan pengguna masing-masing. Gred AA dan D yang mana pembekal adalah sedikit biasa dibekal untuk proses akan dibekal secara borong. Dalam pasaran runcit akan dapat membuat pilihan kebanyakan dalam gred A, B dan C.

Keadaan gred telur di pasaran tempatan sekarang adalah lebih kurang sama dengan mempunyai tiga gred. Tujuan asal projek ini adalah untuk meningkatkan lagi telur ayam yang dijual adalah bernilai yang betul kepada pengguna. Telur yang kecil tidak akan dijual dengan harga yang sama atau bercampur dengan saiz telur yang berlainan. Projek ini mengambil kira untuk mengelakkan pelaksanaan yang sama oleh penternak.

Pencapaian pengeluaran telur ayam dengan sara diri sepenuhnya di negara ini sudah terbukti. Pasaran pada masa ini masih secara tradisi. Untuk langkah seterusnya, pembangunan industri hendaklah dimaju terus lagi supaya saiz pasaran akan bertambah. Memandangkan keadaan pasaran di keliling Negara Brunei Darussalam ini, telur ayam masih dipasarkan secara tradisi yang mana persaingan harga adalah terpesong sekali. Salah satu strategi untuk memperbeza telur ayam tempatan adalah meningkatkan identiti telur ayam keluaran Negara Brunei Darussalam dengan piawaian antarabangsa adalah satu langkah peningkatan. Peningkatan ini akan dapat memberi peluang pasaran pada masa depan.

Aktiviti keagamaan sempena Sambutan Hari Perkhidmatan Awam

BANDAR SERI BEGAWAN. - Hari Perkhidmatan Awam jatuh pada 29 September setiap tahun. Sambutan Hari Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam Kali Ke-7 bagi tahun 1421 Hijrah/2000 Masihi akan diadakan pada 6 Rejab, 1421/4 Oktober, 2000 di Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC), Berakas, Negara Brunei Darussalam.

Salah satu di antara aktiviti sektoral bagi sambutan tersebut ialah sembahyang fardu Maghrib dan Isyak berjemaah, diselenggarakan membaca Surah Yaasin, tahlil dan doa khas Hari Perkhidmatan Awam. Majlis tersebut akan diadakan pada jam 5.45 petang Khamis (29 Jamadilakhir, 1421) malam Jumaat 1 Rejab, 1421 bersamaan 28 September, 2000 di Masjid Jubli Perak Sultan Haji Hassanali Bolkiah, Kampong Jangsak. Dato Paduka Haji Hazair bin Haji Abdullah, Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri dijangka hadir.

Majlis yang sama akan diadakan secara serentak di semua masjid di seluruh negara dengan tumpuan di masjid-masjid utama yang ditentukan iaitu bagi Daerah Belait di Masjid Muhammad Jamalul Alam, Kuala Belait; Daerah Tutong di Masjid Hassanali Bolkiah, Pekan

Tutong dan bagi Daerah Temburong di Masjid Utama Muhammad Salleh, Pekan Bangar. Semua pegawai dan kakitangan kerajaan adalah dijemput dan dialu-alukan hadir bagi sama-sama menyemarakkan lagi Sambutan Hari Perkhidmatan Awam pada tahun ini.

Acara lain adalah ceramah keagamaan melalui rancangan televisyen Brunei iaitu An-Nuur yang akan disiarkan secara langsung bermula pada kira-kira 8.45 malam, 1 Rejab, 1421/28 September, 2000. Tajuk ceramah ialah 'Mengamalkan Akhlak Islam Dalam Perkhidmatan Awam' yang akan disampaikan oleh Dato Paduka Seri Setia Profesor Dr. Awang Haji Mahmud Saedon bin Awang Othman, Naib Canselor Universiti Brunei Darussalam dan Pakar Perundangan Islam.

Acara ceramah-ceramah keagamaan yang lain melalui rancangan televisyen Brunei juga diadakan iaitu Rampai Pagi mulai Ahad 24 September, 2000 hingga Khamis 28 September, 2000. Siaran juga akan dibuat secara langsung bermula kira-kira 6.30 pagi hingga kira-kira 7.15 pagi pada hari-hari tersebut. Tajuk-tajuk ceramah keagamaan tersebut adalah berkaitan dengan perkhidmatan awam.

Pengeluaran minyak akan ditingkatkan

RASAU, 28 September. - Syarikat Minyak Brunei Shell Sendirian Berhad (BSP) akan meningkatkan pengeluaran minyaknya dengan memulakan Program Penggerudian Padang Minyak Rasau dan Seria.

Pengeluaran akan meningkat hampir dua kali ganda daripada penghasilan ketika ini sebanyak 45,000 tong sehari dan mengekalkan jumlah tersebut bagi beberapa tahun akan datang.

Dijangka 15,000 tong sehari daripada kenaikan itu diperolehi daripada projek penggerudian di Padang Minyak Darat yang diusahakan bersama BSP dengan kontraktornya, Schlumberger.

Oleh Dk. Hjh. Saidah PHOA

Norada dan Deutag.

Pegawai Daerah Belait, Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani selaku tetamu kehormat merasmikan projek penggerudian yang juga memimpin bacaan Surah Al-Faatihah di Majlis Kesyukuran dan Menepung Tawar yang diadakan di Kawasan Telaga Minyak Darat Rasau di sini.

Pengarah Teknikal BSP, Brian Studd dalam ucapan alu-aluannya berkata, pada bulan Oktober tahun lalu mereka meraikan ulang tahun ke-70 tawaran daripada Operasi Daratan BSP.

Pada hari ini katanya, satu lagi majlis bersejarah diadakan bagi pengeluaran daratan iaitu program memulakan usaha-usaha penggerudian dengan menggali 26 telaga minyak darat dalam usahanya mengekalkan semula pengeluaran minyak.

Beliau menambah, operasi menggali 26 telaga minyak itu telah dirancang 16 bulan lalu dan memulakannya di kawasan Rasau. Ianya akan diteruskan di seluruh kawasan pejabat-pejabat BSP hingga kawasan penerbangan Anduki.

Para pengguna jalan raya dinasihatkan supaya sentiasa berhati-hati ketika program penggerudian itu dilaksanakan kerana gangguan lalu lintas akan berlaku disebabkan bertambahnya pergerakan kenderaan ringan dan berat.



PEGAWAI Daerah Belait, Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani ketika memimpin bacaan Surah Al-Faatihah di Majlis Kesyukuran bagi Program Penggerudian Padang Minyak di Kawasan Telaga Minyak Darat Rasau. - Gambar ihsan Law Hul Yun.

Seorang muallaf terima bantuan dari M.U.I.B

BERAKAS, 21 September. - Majlis Ugama Islam Brunei (M.U.I.B) terus memainkan peranan dalam membantu orang ramai yang kurang berkemampuan dengan menggalakkan mereka berusaha serta berdikari bagi meningkatkan taraf kehidupan.

Seorang muallaf, Awang Yunus bin Abdullah melahirkan penghargaan kepada jabatan berkenaan di atas bantuan berke-

naan bagi membolehkan beliau berusaha mencari rezeki untuk menyara keluarga.

Beliau ketika ditemui di majlis penyampaian bantuan oleh Jawatankuasa Mengeluarkan Wang Zakat berharap bantuan berkenaan akan meringankan beban yang dialami sejak tidak mempunyai sebarang pekerjaan.

Beliau merupakan mangsa kebakaran rumahnya yang tidak mempunyai sebarang pekerjaan tetap.

Beliau menerima bantuan se-

Oleh Samle HJ

unit mesin pemotong rumput yang dilengkapi dengan peralatan alat ganti dan bantuan modal sebanyak \$100.00.

Majlis menyerahkan peralatan bantuan itu telah disempurnakan oleh Pemangku Setiausaha Majlis Ugama Islam Brunei, Awang Haji Harun bin Haji Junid di Kementerian Hal Ehwal Ugama, hari ini.

Program pengagihan wang zakat merupakan usaha Majlis Ugama Islam Brunei melalui Jawatankuasa Mengeluarkan Wang Zakat dalam melaksanakan pemberian bantuan kepada orang-orang yang berhak menerimanya.

Sebelum ini, Majlis Ugama Islam Brunei telah memberikan bantuan berupa sebuah perahu dan enjin serta peralatan menangkap ikan kepada seorang penerima Asnaf Fakir Miskin di Kampong Jerudong pada bulan Julai lepas.



PEMANGKU Setiausaha Majlis Ugama Islam Brunei, Awang Haji Harun bin Haji Junid ketika menyampaikan peralatan bantuan seunit mesin pemotong rumput bersama alat ganti dan bantuan modal kepada Awang Yunus bin Abdullah. - Gambar oleh Masri Osman.

PERHIMPUNAN AGUNG PERTUBUHAN BANGSA-BANGSA BERSATU KE-55



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah mengurniakan sabda di Sesi Ke-55 Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Bentuk pandangan mengenai isu-isu serantau

NEW YORK, 18 September. - Perkara-perkara yang berhubung dengan ASEAN dan yang berkaitan dengan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu merupakan agenda yang dibincangkan oleh Menteri-menteri Luar ASEAN yang bermesyuarat di sini semasa menghadiri Sesi Ke-55 Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Menteri-menteri Luar ASEAN yang mengadakan mesyuarat di salah sebuah hotel terkemuka di bandar raya New York itu juga bertukar-tukar pandangan mengenai dengan isu-isu serantau dan antarabangsa.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Negara Brunei Darussalam dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajjah Masna, Ambassador-at-Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri telah menghadiri mesyuarat tersebut.

Laporan Sidang Kemuncak Milenium

Beri hala tuju PBB

NEW YORK, 16 September. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Negara Brunei Darussalam bersabda, laporan Setiausaha Agung yang dihadapkan kepada Sidang Kemuncak Milenium baru-baru ini adalah komprehensif, masalah etika dan sangat menarik yang belum pernah dibuat sebelum ini.

Duli Yang Teramat Mulia mengalu-alukan laporan tersebut ketika bersabda di Sesi Ke-55 Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di ibu pejabat pertubuhan itu hari ini.

Deklarasi yang telah diluluskan oleh ketua-ketua kerajaan tersebut semasa Sidang Kemuncak itu telah mengenal pasti keutamaan-keutamaan baru.

Sehubungan itu, Duli Yang Teramat Mulia berharap ia akan membolehkan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu menumpukan perhatian kepada tugas-tugas agensi-agensi dan badan-badan di bawahnya bagi pihak negara-negara sedang membangun.

Duli Yang Teramat Mulia berpendapat laporan tersebut memberi hala tuju kepada badan dunia itu ke arah yang benar-benar untuk membantu negara-negara membangun. Dan daripadanya juga buat pertama kalinya dapat dikenal pasti di antara isu-isu jangka pendek dan jangka panjang.

Isu-isu yang ditimbulkan oleh Setiausaha Agung dalam laporannya itu adalah merupakan isu-isu transnasional yang memang sangat serius, sabda Duli Yang Teramat Mulia.

Antara isu-isu tersebut yang digariskan oleh Duli Yang Teramat Mulia ialah masalah teknologi, masalah demografik, masalah sosioekonomi, masalah alam sekitar dan lain-lain yang masing-masing dengan tajuk-tajuk akademik.

Masalah-masalah tersebut, sabda Duli Yang Teramat Mulia, bukan sahaja sangat sukar untuk ditangani oleh kerajaan-kerajaan yang berkenaan, bahkan juga oleh pertubuhan-pertubuhan serantau.

Walau bagaimanapun, Deklarasi Sidang Kemuncak jelas menggesa semua negara-negara anggota Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu untuk menyertai tanggungjawab antarabangsa untuk mendapatkan penyelesaian, sabda Duli Yang Teramat Mulia.

Sepanjang sesi tersebut semua menteri-menteri luar atau perwakilan negara-negara ahli Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu juga menyampaikan ucapan masing-masing.

Sesi Ke-55 Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu itu dipengerusikan oleh Tuan Yang Terutama Tuan Harri Kolheri dari Finland.

Laporan Haji Timbang Bakar. Gambar-gambar oleh Pengiran Haji Bahar PHO



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah berjabat tangan dengan Puan Yang Terutama Puan Maria Eugenia Britzuela de Avila, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri El-Salvador sebelum mengadakan perjumpaan di bangunan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Isu-isu politik, keselamatan dibincangkan

NEW YORK, 18 September. - Isu-isu politik dan keselamatan yang mempunyai kepentingan kepada rantau Asia Pasifik telah dibincangkan dalam mesyuarat di antara Setiausaha Negara Amerika Syarikat dengan Menteri-menteri Luar Negeri negara-negara Asia Pasifik.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah,

Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Negara Brunei Darussalam telah berangkat menghadiri mesyuarat tersebut yang diadakan di salah sebuah hotel terkemuka di New York.

Mesyuarat tersebut telah dipengerusikan oleh Puan Yang Terutama Puan Madeleine Albright, Setiausaha Negara Amerika Syarikat.

Duli Yang Teramat Mulia bersama rakan-rakan daripada negara-negara Asia Pasifik sedang berada di New York untuk menghadiri Sesi Ke-55 Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.



DULI Yang Teramat Mulia mengurniakan sabda ketika menghadiri Mesyuarat Penyelaras Menteri-menteri Luar Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) di bangunan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Berangkat sama ke mesyuarat tersebut ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajjah Masna, Ambassador-at-Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri (atas).

DULI Yang Teramat Mulia berbincang sesuatu dengan rakan sejawat dari Laos (kanan).



MESYUARAT di antara Setiausaha Negara Amerika Syarikat dengan Menteri-menteri Hal Ehwal Luar negeri-negeri Asia Pasifik yang dihadiri oleh Duli Yang Teramat Mulia (no. 3 dari kiri) bertempat di salah sebuah hotel terkemuka di New York.



PERHIMPUNAN AGUNG PERTUBUHAN BANGSA-BANGSA BERSATU KE-55



DULI Yang Teramat Mulia bersalaman dengan Tuan Yang Terutama Tuan Kofi Annan, Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu yang sama-sama menghadiri Resepsi Menteri-menteri Luar ASEAN bagi menghormati Tuan Yang Terutama Tuan Harri Holkeri dari Finland, Presiden Sesi Ke-55 Perhimpunan Agung PBB (di sebelah kanan Duli Yang Teramat Mulia).

Adakan perjumpaan dua hala

NEW YORK, 18 September. - Sepanjang berada di New York bagi menghadiri Sesi Ke-55 Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Negara Brunei Darussalam telah berpeluang mengadakan beberapa perjumpaan dua hala dengan rakan-rakan sejawat dan pemimpin-pemimpin dari negara-negara sahabat yang sama-sama menghadiri sesi tersebut.

Pada 15 September, Duli Yang Teramat Mulia telah mengadakan perjumpaan dengan Tuan Yang Terutama Tuan Alwi Shihab, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Republik Indonesia.

Di sebelah petang hari berikutnya, Duli Yang Teramat Mulia mengadakan perjumpaan dua hala dengan Tuan Yang Terutama Tuan Mohammed Said Al-Sahaf, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Republik Iraq.

Ini diikuti dengan perjumpaan dua hala dengan Puan Yang Terutama Puan Maria Eugenia Brizuela de Avila, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri El-Salvador.

Negara Brunei Darussalam dan El-Salvador baru sahaja menjalin hubungan diplomatik pada 28 Ogos, 2000.

Yang terakhir sekali mengadakan perjumpaan dua hala dengan Duli Yang Teramat Mulia ialah Dr. Azzeddine Laraki, Setiausaha Agung Pertubuhan Persidangan Islam (OIC).

Kesemua majlis perjumpaan dua hala itu berlangsung di Bangunan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di sini.

Laporan Haji
Timbang Bakar
Gambar-gambar
Oleh Pengiran
Haji Bahar PHO



KEPERLUAN dunia Islam dalam menghadapi alaf baru, adalah di antara yang dibincangkan oleh Duli Yang Teramat Mulia dengan Dr. Azzeddine Laraki, Setiausaha Agung Pertubuhan Persidangan Islam dalam satu perjumpaan selepas menghadiri Mesyuarat Penyelaras Menteri-menteri Luar OIC di bangunan PBB.

Keperluan umat Islam dibincangkan

NEW YORK, 18 September. - Menteri-menteri Hal Ehwal Luar Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) telah membincangkan mengenai keperluan umat Islam dalam menghadapi dunia moden dalam satu Mesyuarat Tahunan Penyelaras Menteri-menteri Luar OIC yang diadakan di Dewan Majlis Ekonomi dan Sosial di Ibu Pejabat Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (ECOSOC) di sini.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Negara Brunei Darussalam telah berangkat menghadiri mesyuarat tersebut yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Dato Syed Hamid Albar, Menteri Hal Ehwal Luar Malaysia.

Menteri-menteri Hal Ehwal Luar OIC pada masa itu sedang menghadiri Sesi Ke-55 Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) di ibu pejabat badan dunia itu di sini dan mengambil kesempatan mengadakan mesyuarat tahunan pertubuhan berkenaan.

Selepas mesyuarat tersebut, Duli Yang Teramat Mulia berkesempatan mengadakan perjumpaan dengan Dr. Azzeddine Laraki, Setiausaha Agung Pertubuhan Persidangan Islam di bilik yang berasingan.

Di sebelah petangnya, Duli Yang Teramat Mulia berangkat menghadiri Mesyuarat Menteri-menteri Luar ASEAN dengan rakan-rakan Duli Yang Teramat Mulia dari pertubuhan berkenaan yang diadakan di salah sebuah hotel terkemuka di sini.

Mesyuarat yang dipengerusikan oleh Tuan Yang Terutama Tuan Nguyen Dy Nien, Menteri Luar Sosialis Republik Vietnam itu antara lain telah membincangkan perkara-perkara yang berhubung kait dengan kepentingan ASEAN.

Berangkat sama ke mesyuarat tersebut ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajjah Masna, Ambassador-at-Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, Negara Brunei Darussalam.



DULI Yang Teramat Mulia juga berkenan mengadakan perjumpaan dengan Tuan Yang Terutama Tuan Mohammed Said Al-Sahaf, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Republik Iraq di bangunan PBB.



DULI Yang Teramat Mulia berbincang dengan Tuan Yang Terutama Tuan Alwi Shihab, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Republik Indonesia ketika mengadakan perjumpaan di bangunan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

PERHIMPUNAN AGUNG PERTUBUHAN BANGSA-BANGSA BERSATU KE-55

Laporan Haji Timbang Bakar
Gambar-gambar oleh
Pengiran Haji Bahar PHO

Menteri-menteri Luar ASEAN adakan Majlis Resepsi

NEW YORK, 19 September. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Negara Brunei Darussalam bersama-sama rakan sejawat daripada negara-negara ASEAN pada malam ini mengadakan Majlis Resepsi bagi menghormati Tuan Yang Terutama Tuan Harri Holkeri dari Finland, Presiden Sesi Ke-55 Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Berangkat sama ke majlis tersebut ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajjah Masna, Ambassador-at-Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Majlis bermula dengan ucapan alu-aluan oleh Tuan Yang Terutama Tuan Nguyen Dy Nien, Menteri Luar Sosialis Republik Vietnam yang mewakili rakan-rakan sejawat Tuan Yang Terutama daripada ASEAN untuk menyampaikan penghargaan dan terima kasih kepada Presiden Sesi Ke-55 Perhimpunan Agung PBB dan juga Setiausaha Agung PBB di atas pimpinan dan komitmen mereka yang tinggi kepada badan dunia itu.

Tuan Yang Terutama juga menyatakan sokongan dan kerjasama ASEAN yang padu kepada PBB.

Tuan Yang Terutama Tuan Harri Holkeri yang diraikan dan Tuan Yang Terutama Tuan Kofi Annan yang juga masing-masing diberi penghormatan untuk menyampaikan ucapan ringkas di majlis tersebut, juga masing-masing menghargai sumbangan ASEAN kepada PBB dan seterusnya berharap ASEAN akan terus berwibawa bukan sahaja dalam menangani isu-isu serantau malah juga antarabangsa terutamanya yang berhubung kait dengan peranan atau tanggungjawab PBB.

Majlis tersebut berlangsung di bangunan PBB di sini.



DULI Yang Teramat Mulia (no. 3 dari kiri) ketika berangkat menghadiri Majlis Resepsi Menteri-menteri Luar ASEAN bagi menghormati Presiden Sesi Ke-55 Perhimpunan Agung PBB, Tuan Yang Terutama Tuan Harri Holkeri di bangunan PBB.



DULI Yang Teramat Mulia dialu-alukan oleh Tuan Yang Terutama Tuan Nguyen Dy Nien, Menteri Luar Sosialis Republik Vietnam ketika berangkat untuk menghadiri Mesyuarat Menteri-menteri Luar ASEAN di sebuah hotel terkemuka di New York.



DULI Yang Teramat Mulia dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajjah Masna ketika menghadiri Mesyuarat Menteri-menteri Luar ASEAN (atas).

DULI Yang Teramat Mulia beramah mesra dengan rakan-rakan sejawat daripada ASEAN (kanan).



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajjah Masna dan Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz beramah mesra dengan seorang tetamu di Majlis Resepsi Menteri-menteri Luar ASEAN di bangunan PBB.

BANGUNAN Pejabat Perwakilan Tetap Negara Brunei Darussalam ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu yang dimiliki sepenuhnya oleh Kerajaan Negara Brunei Darussalam (bangunan kedua dari kiri).



MESYUARAT SOM APEC MESYUARAT SOM APEC

APEC - penyalur perdagangan bebas

Oleh Haji Ahmad HS



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, Yang Dimulikan Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Paduka Awang Lim Jock Seng ketika mempengerusikan Mesyuarat Pegawai-pegawai Kanan APEC (Mesyuarat SOM Ke-III). Mesyuarat berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas. - Gambar oleh Pengiran Rafae PDPHM.

Oleh Haji Ahmad HS

BERAKAS, 23 September. - Para pegawai kanan APEC dalam mesyuarat yang berakhir hari ini telah memberikan sokongan beberapa laporan dan cadangan-cadangan untuk diserahkan kepada menteri-menteri dan ketua-ketua ekonomi APEC yang akan beridung November ini di Negara Brunei Darussalam, selaku tuan rumah mesyuarat itu.

Di dalam persidangan yang berakhir hari ini, para pegawai kanan APEC juga menggariskan berhubung dengan tema Persidangan APEC iaitu kemudahan perdagangan dan pelaburan, mengukuhkan peranan dan peluang-peluang dan cabaran-cabaran dalam ekonomi baru serta membina kapasiti perkembangan sumber tenaga manusia.

Yang Dimulikan Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Paduka Awang Lim Jock Seng menyatakan perkara itu dalam sidang akhbar kepada para wartawan dan pemberita yang membuat liputan dalam mesyuarat berkenaan di Pusat Persidangan Antarabangsa di sini.

Dalam sidang akhbar itu, Yang Dimulikan berkata, para pegawai kanan telah menyokong cadangan Jepun bagi sukut-sukat perkembangan membina keyakinan untuk Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) dan untuk membantu melaksanakan kemajuan ekonomi yang dipersetujui oleh WTO.

Para pegawai kanan, juga jelasnya menekankan tentang persetujuan bobutan dua hala dan rantau perdagangan bebas yang dilihat sebagai 'building block' untuk perdagangan pelbagai hala dan melengkapi kepada tidak ada penggantian bagi sistem global.

Mereka juga bersetuju mengenai perlunya kepada peningkatan penyertaan perniagaan dalam aktiviti APEC terhadap kemudahan perdagangan.

Menurut Yang Dimulikan, pihak Runtis telah mengumumkan Pelan Forum Pelaburan dalam Vladivostok yang akan diadakan bulan September 2002 dan mengahutikan penyertaan para ahli ekonomi APEC.

Beberapa cadangan dikemukakan di Sidang APEC November 2000

Dalam persidangan itu, katanya, pegawai-pegawai kanan juga menyediakan dua laporan untuk dipublikasi pada bulan November ini iaitu Krisis Ekonomi APEC dan Ke Arah Pengetahuan Asas Ekonomi Dalam APEC.

Isu utama dibincangkan dalam mesyuarat itu, katanya termasuk perkembangan ekonomi akhir-akhir ini dan prospek jangka pendek, minat yang tinggi dalam menentukan perdagangan serantau, implikasi krisis yang dihadapi oleh Asia, teknologi maklumat, rakan niaga, pertumbuhan projek jangka panjang, dan tindakan khusus kepada promosi asas pengetahuan ekonomi dalam

rantau APEC. Menurut Yang Dimulikan, para jawatankuasa APEC telah menyediakan dua laporan untuk dipublikasi pada bulan November ini iaitu Krisis Ekonomi APEC dan Ke Arah Pengetahuan Asas Ekonomi Dalam APEC.

Isu utama dibincangkan dalam mesyuarat itu, katanya termasuk perkembangan ekonomi akhir-akhir ini dan prospek jangka pendek, minat yang tinggi dalam menentukan perdagangan serantau, implikasi krisis yang dihadapi oleh Asia, teknologi maklumat, rakan niaga, pertumbuhan projek jangka panjang, dan tindakan khusus kepada promosi asas pengetahuan ekonomi dalam

rantau APEC.

Menurut Yang Dimulikan, Thailand juga mencadangkan kepada pegawai-pegawai kanan tentang laporan bersama yang dibuat oleh Mesyuarat Menteri-menteri Kewangan APEC Ke-7 yang dipanggil sebagai kenaikan yang bersesuaian dalam pembekalan minyak dan promosi menstabilkan harga minyak jangka panjang di dalam kepentingan bersama bagi pelanggan dan pengeluar.

Katanya, Thailand juga mencadangkan Mesyuarat Kumpulan Tenaga Kerja yang akan berlangsung bulan Oktober ini bagi membuat satu syor mengenai kerjasama dalam bidang-bidang seperti tenaga alternatif serta kesannya, pemuliharaan dan keselamatan.

Dalam mesyuarat itu, ujar Yang Dimulikan, Australia, Republik Korea dan Thailand juga membuat laporan mengenai inisiatif net keselamatan sosial, termasuk Pelan Australia menyediakan peruntukan lima juta dolar bagi kemudahan perlindungan sosial untuk membina kapasiti dalam dasar sosial dan penyerahan.

"Keseluruhan laporan pegawai-pegawai kanan kepada menteri-menteri ialah mengenai sistem pemakanan APEC termasuk projek yang diketahui seperti integrasi serantau bagi rancangan kesesuaian ekonomi untuk mencapai perkembangan infrastruktur," terangnya.

Para pegawai juga ujarnya, merujuk cadangan-cadangan mengenai penyediaan dan melalui proses pemakanan dan perubahan penguasaan teknologi bagi kumpulan mahir.

BERAKAS, 22 September. - Mesyuarat Pegawai-pegawai Kanan APEC memulakan Mesyuarat SOM Ke-III mengenai persediaan terakhir bagi mesyuarat ke-12 menteri-menteri APEC dan Ke-18 Ketua-ketua Ekonomi APEC yang akan berlangsung November ini, hari ini di Pusat Persidangan Antarabangsa di sini.

Mesyuarat tersebut dipengerusikan oleh Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, Yang Dimulikan Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Paduka Awang Lim Jock Seng mengarahkan para perwakilan mesyuarat untuk mengahutisi isu yang telah disenaraikan sebelum mesyuarat ketua-ketua APEC akan berlangsung November ini dengan satu pandangan 'perkara penting' dalam mesyuarat itu nanti.

Yang Dimulikan juga turut mengetengahkan isu-isu yang merangkumi mengenai fenomena globalisasi, sistem perdagangan pelbagai hala dan perkembangan sumber tenaga manusia.

Di mesyuarat itu, Yang Dimulikan juga mencadangkan pelan pengendalian jangka sederhana dalam perkembangan sumber tenaga manusia yang bertujuan memberikan akses kepada maklumat dan pendidikan bagi lebih banyak bahagian penduduk.

"Kita mahu melihat perkembangan peluang-peluang bagi semua pemegang kewangan dalam APEC untuk menyertainya dan menjadi penerima faedah ekonomi baru berdasarkan pengetahuan," katanya.

Pengerusi SOM juga menekankan peranan APEC sebagai penyalur kepada perdagangan bebas menerusi aktiviti yang menekankan kepada pengukuhan sistem perdagangan pelbagai hala.

Katanya, sementara pengurusan serantau menawarkan cara inovatif untuk memudahkan perdagangan antara beberapa ekonomi, ekonomi APEC ujarnya lagi, hendaklah bergiat ke arah perjanjian pusingan dalam Pertubuhan Perdagangan Dunia, yang digambarkannya sebagai jentera paling penting ke arah mencapai matlamat perdagangan tanpa sempadan.

Semasa mesyuarat tersebut jelasnya, Jepun melaporkan cadangan bagi APEC untuk merumuskan langkah ke arah membina kapasiti untuk membantu anggota ekonomi sedang membangun untuk melaksanakan perjanjian WTO. Cadangan tersebut dipersetujui oleh pegawai-pegawai kanan dari ekonomi membangun dan sedang membangun.

Menurut Yang Dimulikan, selain itu Pengerusi Majlis Penasihat Perdagangan APEC (ABAC), Awang Timothy Ong daripada Negara Brunei Darussalam memberikan taklimat kepada pegawai ABAC mengenai kegiatan majlis tersebut sehingga sekarang yang menekankan kepada perlunya kerajaan dan perniagaan untuk bekerjasama dan menikmati faedah yang maksima menerusi globalisasi.

ABAC juga terangnya, menyokong usaha APEC dalam membina kapasiti atau memajukan perkongsian maklumat dan teknologi kepada sempadan nasional untuk menyebarkan faedah globalisasi kepada banyak penduduk.

Katanya, Kumpulan Penasihat mengenai 'Gender Integration' melaporkan mengenai aktiviti untuk meningkatkan peranan kaum wanita dalam APEC, kerana mereka memainkan peranan penting dalam mencapai perkembangan ekonomi yang berterusan.

200 projek akan dilaksanakan

Oleh Siti Muslihat HS

BERAKAS, 19 September. - Mesyuarat Jawatankuasa Kecil Kerjasama Ekonomi dan Teknikal (ECO-TECH) dan Mesyuarat Jawatankuasa Ekonomi juga memulakan mesyuarat berasingan hari ini di Pusat Persidangan Antarabangsa di sini.

Ketika sempat ditemui, Pengerusi Mesyuarat Jawatankuasa Kecil Kerjasama Ekonomi dan Teknikal, Tuan Medhi Krongkaew, menjelaskan mesyuarat hari ini membincangkan usaha-usaha ke arah melaksanakan pelbagai projek dalam bidang ekonomi dan teknikal di mana katanya terdapat kira-kira 200 projek.

Menurutnya, mesyuarat juga berusaha menyatukan kesemua projek-projek berkenaan menjadi beberapa kumpulan di bawah enam tema kecil dalam kerjasama ekonomi dan teknikal di samping membincangkan tema yang perlu digalakkan dalam meneruskan projek-projek berkenaan sesuai dengan keperluannya bagi melaksanakan beberapa objektif APEC.

Apabila ditanya mengenai enam tema yang dimaksudkan itu, beliau menjelaskan ianya merangkumi infrastruktur, penggunaan teknologi, pasaran modal, perkembangan tenaga manusia, perusahaan kecil dan sederhana dan pertumbuhan berlandaskan persekitaran.

Bagaimanapun, katanya, perkara yang paling diberikan perha-

tian di mesyuarat ini ialah mengenai perkembangan sumber tenaga manusia di samping penekanan terhadap pasaran modal yang kurang mencapai hasil dalam mesyuarat tahun lepas.

ECO-TECH ditubuhkan dalam tahun 1998 bagi membantu pegawai-pegawai kanan APEC menyelaraskan dan mengurus agenda kerjasama ekonomi dan teknikal di samping mengenal pasti inisiatif-inisiatif nilai tambah bagi tindakan kerjasama.

Sementara itu, para jawatankuasa ekonomi APEC yang memulakan mesyuarat hari ini antaranya membincangkan faktor-faktor yang boleh menyumbang ke arah pemuatan umum bagi kestabilan harga termasuk liberalisasi perdagangan, pengubalan peraturan sektor-sektor yang dipilih dan pergerakan penswastan.

Jawatankuasa ini ditubuhkan sebagai forum bagi anggota ekonomi bertukar maklumat, pandangan dan analisa mengenai isu-isu ekonomi di rantau APEC. Selain itu jawatankuasa ini juga menyediakan maklumat dan analisa mengenai tren dan isu ekonomi bagi kegunaan para menteri dan juga bagi aktiviti-aktiviti lain dalam APEC.



PEGAUAI-PEGAUAI Kanan APEC berbincang sesama rakan dari negara-negara APEC sebelum memulakan Mesyuarat SOM Ke-III mengenai persediaan terakhir bagi Mesyuarat Ke-12 Menteri-menteri APEC dan Ke-18, Ketua-ketua Ekonomi APEC November depan. - Gambar oleh Halim



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengumikan titah sempena Sambutan Hari Guru Ke-10 yang berlangsung di Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah.

SAMBUATAN HARI GURU KE-10

BERAKAS, 23 September. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam hari ini berkenan berangkat ke Majlis Sambutan Hari Guru Ke-10 yang membawa tema 'Teknologi Info-Komunikasi Pemangkin Pendidikan Berkualiti' di Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah.

Berangkat sama ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Keberangkatan tiba baginda dan putera-putera baginda dijunjung oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin

Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd. Zain yang juga selaku Pengerusi Bersama Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari Guru.

Majlis diteruskan dengan pengurniaan Anugerah Hari Guru sempena Sambutan Hari Guru Ke-10 kepada dua orang guru cemerlang dalam bidang masing-masing.

Anugerah Guru Cemerlang Dalam Bidang Komputer sempena Sambutan Hari Guru dikurniakan kepada Cikgu Awang Haji Yusoff bin Haji Mohammad, beliau menerima sijil penghormatan, wang tunai \$4,000.00 dan pingat emas.

Sementara itu Anugerah Guru Cemerlang Dalam Bidang Pendidikan Agama dianugerahkan kepada Cikgu Dayang Hajjah Miri binti Haji Tejjuddin, beliau juga menerima sijil penghormatan, wang tunai \$4,000.00 dan pingat emas.

Kemudian majlis diselenggarakan dengan pembacaan Ikrar Hari Guru yang diketuai oleh Awang Haji Mohd. Garing dan guru-guru lelaki daripada seluruh negara.

Majlis juga diikuti dengan persembahan Tausyeh yang disampaikan oleh penuntut-penuntut perempuan, Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan.

Setelah itu penuntut-penuntut Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah menyampaikan persembahan Marhaban Hari Guru.

Majlis diakhiri dengan bacaan doa selamat oleh Mufti Kerajaan, Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin Dato Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Sambutan Hari Guru diraikan setiap 23 September sempena Hari Keputeraan Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien.

Ketika ini, seramai 24 orang telah menerima anugerah tokoh guru dalam kategori-kategori yang tertentu, lapan orang Guru Berjasa, enam orang Guru Tua, lapan orang Guru Cemerlang dan dua orang dianugerahkan sebagai penerima Anugerah Hari Guru.

Tema Sambutan Hari Guru tahun ini 'Teknologi Info-Komunikasi Pemangkin Pendidikan Berkualiti'.

Pendidikan berkualiti itu dihasratkan akan menghasilkan insan berpengetahuan dan bermaklumat yang mempunyai akhlak dan moral yang tinggi, kukuh jati diri, cintakan bangsa dan negara, berwawasan, berdaya tahan, berdaya saing dan berdaya maju, serta mempunyai kesedaran untuk membangunkan dan menyumbang jasa bakti kepada agama, bangsa dan negara.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama putera-putera baginda iaitu Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen menadah tangan ketika doa dibacakan sempena Sambutan Hari Guru oleh Mufti Kerajaan, Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin Dato Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berkenan menerima junjung ziarah para guru yang banyak berjasa dalam mendidik anak bangsa di negara ini, iaitu sejurus selepas berlangsung kemuncak Sambutan Hari Guru (atas). Sementara gambar kiri, dua penerima Anugerah Guru Cemerlang sempena Sambutan Hari Guru tahun ini iaitu Cikgu Awang Haji Yusoff bin Haji Mohammad menerima anugerah tersebut khusus kecemerlangan beliau dalam bidang komputer. Manakala Cikgu Dayang Hajjah Miri binti Haji Tejjuddin menerima anugerah tersebut khusus kecemerlangan beliau dalam bidang pendidikan agama. Kedua-dua penerima ini menerima sijil penghormatan, wang tunai \$4,000.00 dan pingat emas.

Lipu
Abdullah

Saha
Gamba

Har
Abdu
dan Ha



KEBAWAH Duli
measu dengan
menjadi manas
jukkan berba
Persembahan

SEMPENA SAMBUTAN HARI GURU KALI KE-10

PENERIMA Anugerah Hari Guru (Dalam Bidang Komputer) pada tahun ini, Cikgu Awang Haji Yusoff bin Awang Haji Mohammad memulakan alam persekolahannya di Sekolah Melayu Sungai Kebun. Beliau meneruskan persekolahan menengahnya di Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, beliau ditempatkan bertugas di salah sebuah sekolah menengah, dan menamatkan pengajiannya dalam negeri di Pusat Tingkatan Enam.

Pada tahun 1979 beliau berpeluang melanjutkan pelajarannya ke United Kingdom untuk mengikuti kursus di peringkat sijil. Setelah berjaya, beliau meneruskan pengajiannya hingga lulus di peringkat diploma. Bersesuaian dengan bidang kelulusan yang diperolehinya, beliau ditempatkan bertugas di salah sebuah sekolah menengah, dan menamatkan pengajiannya dalam negeri di Pusat Tingkatan Enam.

sekolahnya ke tanah air dalam tahun 1982.

Walaupun sudah bertugas, namun beliau masih menyimpan hasrat dan harapan untuk meningkatkan kelulusannya ke peringkat yang lebih tinggi. Hasrat beliau terlaksana apabila empat tahun kemudian, beliau sekali lagi diberi peluang melanjutkan pengajiannya ke United Kingdom untuk mengikuti kursus di peringkat Ijazah Sarjana Muda. Pilihan bidang kursus yang bertepatan dengan kehendak dan keperluan negara pada waktu itu ternyata membawa tuah baginya.

Dalam menjalankan tugas dan tanggungjawabnya selaku pengajar, beliau telah menunjukkan komitmen dan dedikasi yang tinggi. Untuk menjadikan pengajaran beliau lebih berkesan, beliau telah menyediakan bahan pengajaran untuk diterbitkan dalam bentuk disket dan buku. Pada masa ini beliau sedang mengusahakan penerbitan bahan pengajaran beliau dalam bentuk cakera padat. Di dalam era yang mengutamakan pengurusan dalam bidang teknologi komunikasi, inisiatif beliau ini merupakan satu sumbangan yang besar dalam bidang pendidikan.

Bahan yang beliau hasilkan telah disesuaikan dengan konteks setempat, mengambil kira akan budaya, keperluan dan tahap kebolehan para pelajar di tempat beliau bertugas. Sejak bertugas mengajar, kekesanan pengajaran beliau dapat dilihat daripada kejayaan yang diperolehi oleh para pelajar yang mengikuti mata pelajaran yang diajarkannya. Di bawah arahan dan didikan beliau, dua kumpulan pelajar telah berjaya mencapai kelulusan 100 peratus (seratus peratus), manakala dua kumpulan yang lain mencapai kelulusan dalam lingkungan 80 peratus (lapan puluh peratus).

Sebagai seorang pengajar yang bersifat pemedulian dan prihatin terhadap kemajuan dan perkembangan diri para pelajar, beliau bukan sahaja menunjukkan perhatian dalam membimbing dan menasihati mereka dalam bidang pelajaran, malah juga dalam hal-hal peribadi. Sikap sedemikian telah

menimbulkan rasa hormat pelajar-pelajar terhadap beliau.

Apabila beliau dilantik sebagai Ketua Jabatan Komputer dan Sistem Maklumat, beliau memberikan sumbangan yang positif terhadap perkembangan bidang Kurikulum Pengajaran Komputer di tempatnya bertugas. Beliau terlibat secara aktif dalam menyediakan dua modul iaitu 'Information Systems Design' dan 'Information Systems Methodology'.

Dalam menjalankan tugasnya selaku ketua jabatan, beliau telah mengubah cara bekerja dalam jabatannya dengan menggalakkan tenaga pengajar terutama pengajar tempatan untuk menganjurkan kursus-kursus pendek atau tambahan dalam 'application software' sebagai kegiatan sampingan. Manakala pengajar-pengajar kanan sentiasa digalakkan untuk mengendalikannya 'research consultancy' atau membina serta mereka bentuk sistem komputer bagi kegunaan mana-mana pelanggan yang memerlukan.

Penerima Anugerah Hari Guru

PAKAR DALAM BIDANG KOMPUTER



PENERIMA
Anugerah Hari
Guru (Dalam
Bidang
Komputer), Cikgu
Awang Haji
Yusoff bin Awang
Haji Mohammad
berusia 42 tahun.
Beliau kini
memegang
jawatan sebagai
Ketua Jabatan
Komputer dan
Sistem Maklumat
di Institut
Teknologi Brunei.

kan. Baru-baru ini jabatan beliau telah menerima tawaran daripada sebuah syarikat rangkaian penyiaran untuk mengendalikan projek konsultasi bernilai \$9,500.00 (sembilan ribu lima ratus ringgit).

Langkah beliau sedemikian ini telah dapat menjalin kerjasama dan hubungan baik serta persefahaman di kalangan tenaga pengajar di dalam jabatannya di samping berupaya membangkitkan kepercayaan dan keyakinan dalam diri mereka untuk menerokai bidang komputer dengan lebih meluas dan mendalam.

Bagi meningkatkan perkembangan profesional sambil mengemaskinikan pengetahuan dalam bidang teknologi komputer yang pesat berkembang, beliau sering menghadiri kursus, persidangan, seminar dan bengkel sama ada yang diadakan di dalam atau di luar negara. Kepakaran beliau dalam bidang komputer dan teknologi maklumat dimanfaatkan dengan membuat kajian dan penyelidikan

an yang mana hasilnya dibentangkan melalui kertas-kertas kerja yang beliau sediakan.

Antara kertas-kertas kerja yang pernah beliau hasilkan ialah: 'A Survey of Business Managers In Brunei Darussalam', 'A Study of Skills Requirements for Computer Programmers', 'Strategic Information Systems Planning Practices Among Organisations in Brunei Darussalam', 'A Survey On Information Technology Usage Among Small and Medium Business Organisation in Brunei Darussalam', 'Academic Use of Internet - A Preliminary Investigation' dan 'The Impact of Computer Literacy On The Use of Information Technology: Empirical Investigations'.

Salah sebuah daripada kertas kerja beliau ini telah diterbitkan dalam jurnal keluaran sulung sebuah pusat serantau, manakala sebuah lagi dibentangkan beliau sewaktu menghadiri Persidangan Information Technology di Hong Kong.

Melalui penghasilan tesis dan penglibatan beliau yang aktif dalam mengemukakan beberapa kertas kerja berasaskan kepada kajian dan penyelidikan dalam bidang teknologi informasi, sepanjang tempoh lima tahun, beliau telah melayakkan diri untuk diterima menjadi ahli kepada The Institute of Electronic Engineers Incorporated, USA yakni IEEE mulai tahun 2000 setelah tiga tahun mendaftar dengan badan ini. Beliau merupakan graduan pertama dari institusi tempat beliau bertugas yang bukan dari kalangan jurutera dalam bidang elektrik dan elektronik, menjadi ahli kepada badan profesional ini. Penerimaan beliau ini merupakan satu pencapaian yang boleh dibanggakan.

Kepakaran beliau dalam bidang komputer dan teknologi maklumat tidak hanya beliau curahkan di tempat kerja beliau. Sebaliknya dimanfaatkannya untuk berbakti dan menyumbangkan kepada bangsa dan negara. Semasa Negara Brunei Darussalam menjadi tuan rumah bagi Sukan Asia Tenggara Ke-20 pada tahun lalu, beliau telah menawarkan khidmat baktinya sebagai sukarelawan dan telah dilantik sebagai Penyelaras Venue Media. Atas kepakarannya dalam bidang teknologi maklumat, beliau telah dilantik menjadi ahli perwakilan Negara Brunei Darussalam dalam Sidang Ke-13 dan Ke-14 Pakar MABBIM.

Dalam diri guru ini tertanam motivasi diri yang tinggi untuk berjaya dalam mengejar cita-citanya. Dengan berbekalkan kecekalan hati dan semangat yang kental, beliau dalam tempoh 15 tahun telah berjaya meningkatkan kelulusannya dari peringkat sijil, ke peringkat diploma, kemudiannya ke peringkat Ijazah Sarjana Muda dan terakhir sekali ke peringkat Ijazah Sarjana.

Guru yang memperoleh

Bachelor of Science In Chemistry and Management Computing, dari Staffordshire Polytechnic pada tahun 1989, dan Master of Science In Information System dari Kingston University pada tahun 1995, dilahirkan di Pekan Seria 42 tahun yang lalu. Pada mulanya beliau bertugas sebagai Pembantu Makmal Sains di Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin dalam tahun 1982. Beberapa bulan kemudian, beliau dinaikkan pangkat menjadi Juruteknik Makmal Kanan.

Pengalamannya bekerja di sekolah dan kelulusan yang diperolehinya dalam bidang pengurusan komputer telah menimbulkan minatnya untuk menceburkan diri dalam bidang perguruan. Dalam tahun 1990, beliau memulakan kariernya sebagai pensyarah. Enam tahun kemudian, beliau dinaikkan pangkat menjadi Pensyarah Kanan, sekali gus dilantik sebagai Ketua Jabatan Komputer dan Sistem Maklumat di Institut Teknologi Brunei, jawatan yang dipegangnya hingga ke hari ini.

Bagi menghargai sumbangan beliau yang cemerlang dalam bidang pendidikan, Jawatankuasa Kebangsaan Pemilihan Anugerah Guru Cemerlang dengan kurnia perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanall Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, telah memilih guru ini sebagai penerima Anugerah Hari Guru (Dalam Bidang Komputer) sempena sambutan Hari Guru pada tahun ini, 23 September, tahun 2000.

Penerima Anugerah Hari Guru (Dalam Bidang Komputer) menerima anugerah antaranya:

1. Sijil Penghormatan.
2. Wang tunai sebanyak \$4,000.00 (empat ribu ringgit).
3. Pingat emas.

Sekolah agama pikul t-jawab berat

BANDAR SERI BEGAWAN, 16 September. - Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd. Zain berkata, akhlak yang mulia, pandai membaca Al-Quran dan amalan akidah yang benar adalah komponen jati diri kita.

Yang Berhormat menambah, perkara tersebut mempunyai kaitan yang rapat dengan falsafah negara Melayu Islam Beraja dari segi Islamnya dan budaya bangsa Melayu.

Perkara tersebut ditegaskan oleh Yang Berhormat di Majlis Pertandingan Membaca Al-Quran dan Syarahan Tafsir Al-Quran bagi murid-murid sekolah agama Arab yang dilangsungkan di Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan di sini.

Dalam hubungan itu ujar Yang Berhormat, tanggungjawab dan kewajipan yang dipikul oleh sekolah-sekolah agama adalah begitu berat, yang mana guru-guru agama dengan bantuan ibu bapa dan penjaga murid-murid adalah merupakan pendukungnya, kerana menurutnya, generasi yang dibentuk itu terdiri dari murid-murid sekolah-sekolah agama.

Yang Berhormat juga menekankan bahawa memahami dan mengamalkan ajaran-ajaran Islam, berkebolehan membaca Al-Quran dengan fasih dan bertajwid, serta mengamalkan budi pekerti dan akhlak yang mulia menurut ajaran Islam perlu dikukuhkan bersama, kerana perkara itu termasuk dalam komponen jati diri kita.

Tiga kategori dipertandingkan iaitu kategori Al-Quran Perempuan A, Al-Quran Lelaki B dan Syarahan Tafsir Al-Quran Perempuan.

Dalam kategori Al-Quran Perempuan A, dimenangi oleh Dayang Hajjah Siti Khadijah binti Haji Ibrahim dari Sekolah Ugama Madewa, Brunei I. Dayang Nurhakimatusyahrah binti Mudim Haji Matassan dari Sekolah Ugama Beribi menduduki tempat kedua.

Sementara itu, Awang Haji Nazrul Fakri bin Haji Yahya dari Sekolah Ugama Kiarong juara dalam kategori Al-Quran Lelaki B dan Awangku Amirul Iman bin Pengiran Haji Marzuki di tempat kedua.

Manakala kategori Syarahan Tafsir Al-Quran Perempuan, ianya disandang oleh Dayang Siti Khadijah binti Rashid yang mewakili Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Damit dan Dayang Nurhaqifah binti Haji Mohd. Salleh dari Sekolah Ugama Lamunin, Tutong di tempat kedua.

Turut menerima hadiah dalam peraduan itu ialah beberapa orang murid terbaik dalam akademik. Mereka ialah Awang Simardi Hayat bin Haji Abdul Latif dari Sekolah Ugama Penanjong, Tutong penuntut terbaik sekolah-sekolah agama tahun lepas.

Penuntut terbaik bagi sekolah menengah Arab bahagian menengah bawah disandang oleh Awang Mohammad Saifuddin bin Haji Abdul Rahman daripada Ma'had Islam Brunei, Tutong dan Dayang Rosmawati @ Rafidah binti Rashid dari Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan RIPAD memenangi penuntut terbaik bagi sekolah-sekolah menengah Arab bahagian menengah atas.

Pertandingan tersebut merupakan projek Jabatan Pengajian Islam sejak tahun 1964 dan peraduan kali ini merupakan peraduan kali ke-36.

Antara tujuan peraduan dijalankan ialah untuk mendidik, mengasuh, menghayati serta memupuk minat murid-murid dalam bidang pembacaan Al-Quran dari peringkat rendah hingga ke peringkat yang lebih tinggi dan juga sebagai usaha dan sokongan dalam mencapai matlamat persekolahan agama supaya murid-murid pandai membaca Al-Quran dengan lebih baik, di samping sebagai usaha jabatan untuk mencungkil dan mengasuh bakat mereka.

Oleh
Haji Ahmad HS



MENTERI Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd. Zain ketika hadir di Majlis Pertandingan Membaca Al-Quran dan Syarahan Tafsir Al-Quran bagi murid-murid sekolah agama Arab yang berlangsung di Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan. - Gambar oleh Hamadi HM.



YANG Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd. Zain ketika menyampaikan hadiah kepada murid-murid yang memenangi Pertandingan Membaca Al-Quran dan Syarahan Tafsir Al-Quran bagi murid-murid sekolah agama Arab. - Gambar oleh Hamadi HM.



Alam sekitar jadi isu globalisasi

BERAKAS, 19 September. - Hutan merupakan aset semula jadi negara yang amat berharga yang tidak seharusnya dipersia-siakan kerana ia bukan hanya sebahagian dari ekosistem penting yang berperanan sebagai pemangkin kepada segala ma-

cam proses kitaran alam sekitar, malah ia juga adalah sebagai tunggak utama kehidupan yang menjadi pendukung kepada ekonomi dan sosial.

Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Chuchu, Pengarah Perhutanan menekankan perkara tersebut ketika berucap di Majlis Perasmian Plantation Sekolah Menengah Sayyidina Hassan bertempat di Taman Rekreasi Hutan Berakas, di sini.

"Kita selaku khalifah di muka bumi ini merupakan pemegang amanah untuk memelihara warisan semula jadi agar ia terus berfungsi menjaga kepentingan manusia dan segala macam makhluk sejagat," tegas Awang Haji Abdul Rahman.

Awang Haji Abdul Rahman berkata, proses globalisasi yang merupakan usaha ke arah pembangunan agar kesejahteraan hidup tidak seharusnya dilaksanakan menurut kerangka yang seimbang agar pembangunan yang digarap itu lebih bererti tanpa mengabaikan kepentingan lingkungan alam semula jadi.

Dalam konteks pemeliharaan alam sekitar, katanya, isu ini sudah menjadi perbualan

Oleh
Sahari Akim

antarabangsa di mana pemusnahan terhadap hutan yang merupakan unsur teras kehidupan sejagat menghadapi situasi yang memerlukan perhatian yang wajar.

Sejak beberapa dekad kebelakangan ini, kadar kemusnahan hutan semakin meningkat ke tahap yang membimbangkan, selain disebabkan pertumbuhan penduduk, peningkatan keperluan infrastruktur, perladangan dan industri, ia juga berpunca daripada kegiatan mengeksploitasi sumber hutan secara tidak mengenal batas bagi keuntungan jangka pendek tanpa memikirkan risiko yang akan timbul terhadap kehidupan.

Menurut laporan World Research Institute melalui terbitannya 'Keeping Tropical Forest Alive', setiap tahun, dunia kehilangan sekurang-kurangnya seluas 27 juta ekar hutan tropikal iaitu lebih kurang 74 ribu ekar sehari atau tiga ribu ekar sejam.

Jika kadar pemusnahan hutan yang dianggarkan itu tidak

ditangani dan masih berterusan, nescaya dalam masa 30 - 40 tahun akan datang, hutan tropika ini akan hilang daripada muka bumi.

Dalam majlis itu, Awang Haji Abdul Rahman juga mengalu-alukan usaha Sekolah Menengah Sayyidina Hassan dalam sama-sama memberikan kesedaran kepada generasi muda akan pentingnya hutan dan penjagaan alam semula jadi.

Program Plantation fasa pertama itu antara lain bertujuan bagi menambah tabung kewangan sekolah untuk membeli peralatan pembelajaran penuntut dan memasang alat penghawa dingin di bilik darjah.

Lebih kurang 200 penuntut termasuk guru-guru, pegawai-pegawai dan kakitangan Jabatan Perhutanan terlibat dalam program menanam pokok 'klinkii pine' itu.

Menurut Pengetua Sekolah Menengah Sayyidina Hassan, Awang Haji Metali bin Haji Mirasan, pihaknya akan mengadakan projek fasa kedua yang antara lain bertujuan bagi membina kawasan sekolah sedikit masa lagi.



PENGARAH Perhutanan, Awang Haji Abdul Rahman ketika berucap merasmikan Plantation Sekolah Menengah Sayyidina Hassan. Majlis berlangsung di Taman Rekreasi Hutan Berakas. - Gambar oleh Haji Masmaleh HMA.

MARILAH kita bertakwa kepada Allah Subhanahu Wataala dengan sebenar-benarnya mudah-mudahan kita akan selamat baik di dunia lebih-lebih lagi di akhirat nanti.

Tarikh 23 September merupakan hari bertuah kepada seluruh warga sekolah khususnya para guru di Negara Brunei Darussalam. Setiap menjelang hari tersebut akan diadakan majlis sempena Hari Guru sebagai salah satu penghormatan dan penghargaan tinggi negara terhadap sumbangan, jasa serta pengorbanan guru kepada anak-anak didik mereka. Bak kata pepatah jasa guru umpama air mengalir dari anak sungai hingga ke dasar lautan.

Merujuk kepada Al-Quran Al-Karim, Allah Subhanahu Wataala berfirman dalam Surah Al-Mujaadilah ayat 11 yang bermaksud :

"Nescaya Allah akan meninggikan orang-orang yang beriman di antara kamu dan orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan beberapa derajat. Dan Allah Maha Mengetahui apa yang kamu kerjakan."

Melalui ayat itu diperjelas tentang martabat dan kedudukan tinggi dan mulia para ulama.

Pendidikan adalah aset penting yang menghala tuju pembangunan negara serta aset mahal dalam pembinaan minda manusia serta alat untuk mewujudkan jati diri atau keperibadian yang unggul.

Bidang pendidikan sentiasa berkembang dan mengalami perubahan mengikut tuntutan zaman, perkembangan pesat percantuman teknologi-teknologi telekomunikasi dan internet serta globalisasi, dunia telah banyak membawa banyak cabaran kepada kita. Kita tidak dapat menyangkal betapa cepatnya IT merubah dunia pembelajaran umpamanya muncul pembelajaran melalui 'online'. Para guru perlu bersikap produktif, proaktif dan responsif. Tema Hari Guru kali ini ialah "Teknologi Info-Komunikasi Pemangkin Pendidikan Berkualiti".

Alaf baru menuntut keprihatinan guru terhadap penguasaan ilmu dan kemahiran dalam bidang teknologi info-

JASA GURU UMPAMA AIR MENGALIR

komunikasi yang wajar diseimbangkan dengan ilmu-ilmu agama, kerohanian dan kejiwaan. Kesemua ini perlu untuk membentuk kehidupan anak-anak didik mereka, agar lebih bersifat insani yang tidak terpedaya oleh kecanggihan teknologi info-komunikasi. Sesungguhnya ilmu apa juga yang diketahui oleh manusia adalah milik Allah Subhanahu Wataala sebagaimana yang termaktub dalam firman Allah Subhanahu Wataala ayat 23 Surah Al-Ahqaf yang tafsirnya:

"Ia berkata : "Sesungguhnya pengetahuan tentang itu

hanya pada sisi Allah dan aku hanya menyampaikan kepadamu apa yang aku diutus dengan membawa tetapi aku lihat kamu adalah kaum yang bodoh."

Ilmu dan kemahiran dalam teknologi info-komunikasi yang dikuasai guru dapat digunakan sebagai pemangkin ke arah menghasilkan pendidikan yang cemerlang dan berkualiti. Sebagai pemangkin, guru menggunakan teknologi info-komunikasi bukan hanya untuk menyampaikan ilmu di dunia semata-mata tetapi juga untuk meraih kepentingan ilmu akhirat kerana pendidikan berkualiti hanya akan dapat dicapai melalui keseimbangan dalam kedua-dua ilmu tersebut.

Penguasaan ilmu yang

seimbang antara duniawi dan ukhrawi, insya-Allah akan dapat melahirkan generasi 'calak Brunei' yang bertakwa, berkualiti, mampu bersaing dan bersesuaian dengan kehendak pergolakan dunia pada alaf baru ini.

Selain daripada itu, guru yang berkemahiran dalam teknologi info-komunikasi bukan sahaja mempercepatkan proses ilmu dalam pengajaran dan pembelajaran tetapi juga akan dapat bertindak pantas dalam mengesan, meneliti dan menilai segala bentuk gejala-gejala negatif yang membawa mudarat.

Kita percaya bahwa sesuatu yang mendatangkan mudarat mungkin akan ada dibawa bersama oleh arus kecanggihan teknologi info-

komunikasi. Dalam hal ini guru memainkan peranan, mereka perlu mengatur langkah yang sangat berhati-hati dan bijaksana dengan niat untuk menyelamatkan nilai-nilai luhur dan mempertahankan agama daripada terkorban atas nama penguasaan ilmu ke arah kemajuan. Jadi yang penting bagi kita khususnya kemajuan teknologi moden, mereka mestilah mempertahankan nilai-nilai luhur masyarakat kita yang berteraskan ajaran-ajaran Islam. Hanya dengan ini sahaja para guru akan selamat dan sekaligus menjadi penyelamat kepada anak bangsa dan watan.

Sememangnya sekarang adalah zaman teknologi maklumat, para pelajar digalakkan menerokai pelbagai ilmu, namun pelajar hendaklah tahu membezakan maklumat yang

baik dan buruk. Kita tidak mahu melihat kes-kes keruntuhan akhlak seperti melawan guru, mengambil dadah dan sebagainya menjadi budaya dalam generasi muda hari ini.

Generasi muda hendaklah memperlengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan. Sahsiah yang ampuh, kekuatan mental dan fizikal serta keimanan kepada Allah Subhanahu Wataala kerana ianya dapat berdepan dengan cabaran-cabaran semasa.

Firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah Az-Zumar ayat 9 yang tafsirnya :

"Katakanlah : Adakah sama orang-orang yang mengetahui dengan orang-orang yang tidak? Sesungguhnya orang yang berakallah yang dapat menerima pelajaran."



**Suara
dari
mimbar**

ILMU dan kemahiran dalam teknologi info-komunikasi yang dikuasai guru dapat digunakan sebagai pemangkin ke arah menghasilkan pendidikan yang cemerlang dan berkualiti. Sebagai pemangkin, guru menggunakan teknologi info-komunikasi bukan hanya untuk menyampaikan ilmu di dunia semata-mata tetapi juga untuk meraih kepentingan ilmu akhirat kerana pendidikan berkualiti hanya akan dapat dicapai melalui keseimbangan dalam kedua-dua ilmu tersebut.

وقت سمبھيغ، امسال، شوروق دان ضحي

وقت ۲ سمیه، اصالت، شوروق دات شخصی بانک دایره پروت دات موآرا مولای داری هازک دایره
28 جمادی الآخر 1421 برسما 27 سبتمبر 2000 هوفک کهاری دات 5 رجب 1421 برسما 3 اکتوبر 2000 اداله سفت دایره این

هجيره	ظفر	عصر	مغرب	عشا	امساك	صبح	شوروق	شحي	مسيح
جمادي الاخير	12.13	3.23	6.17	7.24	4.42	4.52	6.08	6.31	27
28	12.13	3.23	6.16	7.23	4.42	4.52	6.08	6.31	28
29	12.12	3.23	6.16	7.23	4.42	4.52	6.08	6.31	29
1 رجب	12.12	3.23	6.15	7.22	4.41	4.51	6.07	6.31	30
2	12.12	3.23	6.15	7.22	4.41	4.51	6.07	6.31	1 اكتوبر
3	12.11	3.23	6.14	7.21	4.41	4.51	6.07	6.30	2
4	12.11	3.23	6.14	7.21	4.41	4.51	6.07	6.30	3
5	12.11	3.23	6.14	7.21	4.41	4.51	6.07	6.30	

وقت ۲ سمیع باکی، دایره توغوغ دلمبه ساقو مینیت دات، دایره بلایت دلمبه لیگ مینیت، سمیع فروش جمعه دسلورو لکارا پرولی، دار السلام
دمولای دری فوکل 12.45 نهاری.

BERKABUNG

Bismillah, Walhamdulillah Wassalatu Wassalamu 'Ala Rasulillah,
Wa'alaa Aalihi Wasahbihi Waman Walah.

MELAKSANAKAN TUNTUTAN BERKABUNG

DARIPADA penjelasan ulama di atas, berkabung adalah wajib bagi isteri yang kematian suami. Manakala berkabung bagi perempuan yang telah dicerai dengan talak *bain bainunah shugra* atau *kubra* adalah sunat. Adapun bagi perempuan-perempuan yang kematian ahli keluarganya seperti abang atau bapanya pula adalah harus.

Namun untuk memenuhi tuntutan berkabung itu, Islam telah menentukan cara melaksanakannya iaitu dengan meninggalkan apa jua perkara yang mempunyai unsur-unsur yang dianggap sebagai berhias di sepanjang tempoh idah mereka.

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam menggariskan cara tuntutan berkabung itu dengan memakai pakaian yang tidak menarik perhatian. Dengan erti kata lain tidak dibenarkan memakai pakaian yang berwarna terang dan berwarna-warni, pakaian ketat dan jarang yang boleh menampakkan bentuk badan dan seumpamanya selain haram, haram juga semasa dalam tempoh perkabungan. Hal ini digambarkan oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam sabda Baginda yang bermaksud :

"Seorang perempuan tidak boleh berkabung ke atas kematian seseorang lebih daripada tiga hari kecuali ke atas kematian suaminya selama empat bulan sepuluh hari dan pada tempoh berkabung itu dia tidak boleh memakai pakaian yang dicelup (berwarna-warni)." (Hadis riwayat Muslim).

riwayat Muslim).

Memakai wangi-wangian atau haruman sama ada pada pakaian atau tubuh badan adalah juga ditegah sama sekali selagi mereka di dalam idah. Hal ini ada disebut Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam sabdanya yang bermaksud :

".....Dan jangan memakai bau-bauan yang harum, kecuali selepas dia bersih, itupun hanyalah daripada wangi-wangian jenis *quth* atau *azhfar*." (Hadis riwayat Muslim).

Larangan berhias itu termasuklah bercelak mata untuk tujuan berhias atau berubat kecuali pada waktu malam jika ianya diperlukan. Ini termasuk juga mengenakan solekan pada muka dan gincu pada bibir serta memasang kanta berwarna yang bertujuan untuk berhias.

Larangan ini berdasarkan hadis Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang diriwayatkan oleh Ummu Athiah Radiallahu-anha yang bermaksud :

"Kami telah ditegah untuk berkabung ke atas orang yang mati melebihi dari tiga hari kecuali ke atas kematian suami selama empat bulan sepuluh hari serta dilarang untuk bercelak mata dan memakai minyak wangi dan memakai pakaian yang berwarna-warni." (Hadis riwayat Al-Bukhari dan Muslim).

Berina atau berpacar juga ditegah, sebagaimana hadis Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam Baginda bersabda yang bermaksud :

"Tidak boleh bagi perempuan yang beriman dengan Allah dan hari akhirat untuk berkabung ke atas kematian

Bilangan 105 Bahagian Akhir

seseorang lebih dari tiga hari kecuali terhadap suaminya dan pada ketika itu ia tidak boleh bercelak mata dan berina." (Hadis riwayat An-Nasa'ie).

Daripada mahfum hadis ini, larangan tersebut termasuklah pacar kuku (*cutex*) yang digunakan untuk mewarnakan kuku.

Berhias dengan memakai apa jua jenis barang kemas sama ada cincin atau gelang yang diperbuat daripada emas atau perak dan sebagainya adalah juga merupakan perbuatan yang ditegah. Larangan ini adalah jelas berpandukan hadis Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang bermaksud :

الْإِسْرَادُ حُلْمٌ

IRSYAD HUKUM

DARI JABATAN MUFTI KERAJAAN
JABATAN PERDANA MENTERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Website: WWW.brunet.bn/gov/mufti

E-mail : mufti@brunet.bn

Fatwa@brunet.bn

"Perempuan yang kematian suami tidak boleh memakai barang kemas, tidak boleh bercelak mata dan tidak boleh berina." (Hadis riwayat Abu Daud dan An-Nasa'ie).

Selain daripada perkara yang disebutkan di atas, apa jua yang dianggap sebagai perbuatan berhias-hias oleh masyarakat setempat walaupun pada pandangan masyarakat lain ianya dianggap perkara biasa, maka hendaklah dihindari dan dijauhi daripada melakukannya.

Walaupun bagaimanapun, Islam mengharuskan dan tidak melarang perempuan-perempuan yang berkabung melakukan perkara-perkara seperti mengurus rumah tangga, bersikat rambut tanpa menyapu minyak, memotong kuku, menghilangkan segala kotoran dan perkara-perkara

yang bertujuan untuk kebersihan diri.

Daripada penjelasan di atas, dapatlah difahami bahawa perempuan yang kematian suami adalah wajib berkabung dengan menghindarkan diri daripada melakukan sebarang tegahan di sepanjang tempoh idahnya seperti berhias dengan pakaian yang menarik perhatian, berwangi-wangian, bercelak mata, berina dan sebagainya menurut apa yang telah digariskan oleh syarak. Inilah berkabung yang sebenarnya mengikut hukum syarak. Daripada itu sayugia mengingatkan bagi perempuan yang diwajibkan berkabung ini supaya mengambil berat akan tuntutan ini kerana jika ianya tidak ditunaikan dan dilaksanakan dia dihukumkan berdosa.

Mengenang jasa guru

منوجو كرىضان الله

Menuju Keredaan Allah

كلوان قوسه دعوه اسلاميه

PADA zaman yang silam sebelum datangnya kemajuan tamadun manusia, keagungan seseorang itu adalah bergantung pada kekuatan, kegagahan dan kehandalan fizikal semata-mata, tetapi di zaman yang serba maju dan canggih ini ukuran seperti ini adalah tidak menepati dengan fitrah manusia. Di sinilah letaknya peranan seseorang pendidik sebagai orang yang mencurahkan khidmat bakti segala ilmu pengetahuan kepada masyarakat khususnya kepada generasi-generasi muda.

Kerjaya seorang guru ataupun pendidik itu amatlah disanjung tinggi dan terpuji di mata masyarakat apatah lagi di sisi Allah Subhanahu Wataala, di mana ia mencakupi ibadat kepada Allah dan inilah tujuan manusia itu diciptakan Tuhan. Guru adalah alat untuk membina dan mencapai pelajaran agar dapat menjadi hamba Allah yang patuh dan taat daripada memenuhi cita-cita negara, bangsa dan agama. Tugas dan tanggungjawab seorang guru itu amat berat dan

rumit, jangan dipandang mudah, ia adalah amanah besar untuk dipikul dan dilaksanakan kerana tugas ini mewarisi pekerjaan nabi-nabi dan orang-orang salih. Ia memerlukan banyak pengorbanan bagi mendapatkan hasil yang baik dan berfaedah bukan sahaja memperoleh kelulusan dan pekerjaan semata-mata, tetapi lebih penting sebagai membina manusia yang sempurna (insanul kamil).

Seseorang itu dianggap sebagai guru bila ianya mengajar atau membimbing seseorang dengan sesuatu ilmu pengetahuan atau sebarang pengajaran, walaupun hanya sedikit, apatah lagi dalam bentuk yang banyak, teratur dan terancang. Sayidina Ali Radiallahuanhu pernah berkata : "Siapa mengajar aku satu huruf jadilah aku hamba kepadanya." Betapa Sayidina Ali seorang yang terkenal dengan alim dan berilmu itu telah memberi penghormatan dan menganggap orang yang hanya mengajar satu huruf adalah guru dan baginda rela menjadi hamba (berkhidmat) kepada guru itu. Sewajarnya kita yang memang cetek dan serba kekurangan dalam bidang ilmu pengetahuan serta banyak menerima pengajaran akan lebih memberikan sanjungan, penghargaan dan kemuliaan yang setinggi-tingginya terhadap orang yang banyak berjasa itu.

Sempena kita menyambut Hari Guru pada tahun ini, marilah kita mengenang dan berterima kasih kepada guru dan pendidik, di atas segala bentuk pengorbanan, sumbangan serta khidmat bakti yang terlalu besar untuk ilmu pengetahuan dan penyebarannya. Hasil penat lelah dan jerih payah mereka maka kita jadi tahu, pandai dan berilmu pengetahuan seterusnya menjadi manusia yang sempurna lagi mulia sampai ke hari ini.

BERTERIMA kasih dengan menghormati, memuliakan dan memberikan hak-hak yang sepatutnya kepada mereka, ini yang lebih utama dan bermakna daripada hadiah-hadiah.

Bagi para guru yang telah pergi lebih awal (kembali ke rahmatullah) maka kita hendaklah

mendoakan mereka agar ditempatkan

di tempat yang mulia dan menerima

ganjaran pahala yang besar daripada

Allah Subhanahu Wataala.

Berterima kasih dengan menghormati, memuliakan dan memberikan hak-hak yang sepatutnya kepada mereka, ini yang lebih utama dan bermakna daripada hadiah-hadiah. Bagi para guru yang telah pergi lebih awal (kembali ke rahmatullah) maka kita hendaklah mendoakan mereka agar ditempatkan di tempat yang mulia dan menerima ganjaran pahala yang besar daripada Allah Subhanahu Wataala.

Sastera dan Budaya

سستردان بودايا

SITUASI PENDIDIKAN DI NEGARA
BRUNEI DARUSSALAM

FALSAFAH PENDIDIKAN ISLAM DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

SISTEM pendidikan di negara ini adalah didasarkan atas falsafah Melayu Islam Beraja (MIB), yang mana dasar ini telah dimulakan pengalamannya dengan lebih jelas lagi selepas kemerdekaan. Sejarah dengan itu, falsafah MIB adalah sangat dominan dengan pendidikan Islam. Pendidikan dalam konteks MIB akan mengorientasikan pendidikan ke arah pendidikan yang tidak sekular dengan reka bentuk atau calak Brunei tulen, agar perpaduan, identiti kebruneian, ketenteraman, keselamatan, kebaikan dan kemakmuran Brunei berkekalan.

SEKOLAH MELAYU

Sejarah pendidikan di Brunei dalam bentuk persekolahan ala barat hanya dimulakan dalam tahun 1914 Masihi di Pekan Brunei dengan keramaian murid 30 orang, iaitu semasa dalam zaman British Resident. Pada tahun 1929, telah diperkenalkan satu undang-undang yang bernama 'The School Attendance Enactment 1929' bagi mewajibkan ibu bapa menghantar anak-anak mereka yang berumur 7 - 14 tahun ke sekolah. Adapun tujuan Sekolah Melayu didirikan pada awal abad ke-20 itu hanyalah semata-mata untuk mengajar asas pengetahuan membaca, menulis dan mengira, tanpa ada sistem pelajaran atau buku teks yang khusus.

SEKOLAH INGERIS

Sekolah Inggeris kelolaan kerajaan hanya dimulakan dalam tahun 1951 dengan keramaian murid sembilan orang. Sebelum itu sejak tahun 1919, Brunei telah menghantar dua orang murid setiap tahun ke Sekolah Inggeris Labuan. Pada tahun 1952 keramaian murid di Sekolah Inggeris Kerajaan Brunei bertambah menjadi 24 orang. Kemasukan murid-murid ke sekolah Inggeris dihadkan bilangannya kerana kekurangan tenaga pengajar dan kemudahan-kemudahan lain.

* Selain daripada kedua-dua jenis sekolah ini, terdapat juga Sekolah Inggeris Misi dan Sekolah Cina yang ditubuhkan pada awal abad ke-20 ini.

SEKOLAH AGAMA

Pada 16 September, 1956, Brunei mencipta sejarah baru dalam arena perkembangan pelajaran agama kerana tertubuhnya sekolah agama mengikut sistem Sekolah Agama Negeri Johor, di mana sukatan pelajaran, buku teks, guru-guru dan sebagainya adalah di datangkan dari negeri Johor. Sekolah agama itu menggunakan bangunan sekolah Melayu dan Inggeris, dan murid-murid sekolah agama itu belajar di sebelah petang. Pada peringkat awal penubuhannya, sebanyak tujuh buah sekolah telah digunakan yang meliputi keempat-empat daerah. Sementara murid-murid yang diterima belajar di sekolah agama ini adalah mereka yang bersekolah di sekolah Melayu dan Inggeris yang lulus Darjah II.

OLEH R. HAMIDAH

SEKOLAH ARAB

Pada tahun 1941, sebuah sekolah agama yang menggunakan Bahasa Arab sebagai bahasa pengantarnya telah tertubuh dengan perbelanjaan Sultan Ahmad Tajuddin. Sekolah tersebut ditempatkan di sebuah rumah di Kampong Pusu Ulak, Bandar Brunei. Guru yang mengajarnya ketika itu ialah Syekh Abdul Aziz Ashamm. Keramaian murid dianggarkan lebih kurang 60 orang termasuk lima perempuan. Setahun selepas itu, sekolah tersebut terpaksa ditutup kerana tekanan pemerintahan Jepun.

Dalam zaman Sultan Omar Ali Saifuddin, Sekolah Menengah Arab telah ditubuhkan pada tahun 1966 dengan menggunakan bangunan sementara (bangunan Madrasah Jabatan Hal Ehwal Ugama). Pada tahun 1967, bangunan sekolah Arab yang kekal telah siap dan diberi nama Sekolah Menengah Arab Laki-Laki Hassanah Bolkiyah. Dalam tahun itu juga, penuntut-penuntut perempuan diterima belajar, kemudian dibangunkan sebuah sekolah khasnya dengan nama Sekolah Menengah Ugama (Arab) Raja Isteri Pengiran Anak Damit.

MATA PELAJARAN PENGETAHUAN UGAMA ISLAM

Di samping adanya sekolah-sekolah agama ini, satu mata pelajaran yang dinamakan Pengetahuan Ugama Islam telah diperkenalkan di sekolah Melayu dan Inggeris. Pengetahuan Ugama Islam itu dijadikan sebagai satu mata pelajaran

bagi faedah-faedah untuk diambil dalam peperiksaan bersijil seperti Sijil Rendah Pelajaran (SRP/LCE), Sijil Pelajaran Malaysia (SPM/MCE), yang mana telah mula dimasukkan di Sekolah Melayu SMJA pada 1 Julai, 1965, kemudian mata pelajaran itu secara perlahan-lahan diajarkan di semua sekolah menengah di Brunei.

MAKTAB PERGURUAN UGAMA SERI BEGAWAN

Pada 8 Januari, 1972, Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan memulakan kursus bagi melatih peserta-pesertanya menjadi guru-guru terlatih. Sejak maktab ini ditubuhkan pada tahun 1975, ia telah menghasilkan guru agama terlatih sehingga tahun 1989 yang berjumlah seramai 1,345 orang. Kini maktab ini telah banyak mengeluarkan guru-guru agama berkecukupan untuk mengajar pendidikan Islam sama ada di peringkat sekolah rendah agama mahupun hingga ke peringkat universiti.

INSTITUT PENGAJIAN ISLAM (KINI INSTITUT PENGAJIAN ISLAM SULTAN HAJI OMAR ALI SAIFUDDIN)

Pada zaman Sultan Hassanah Bolkiyah, sebuah Institut Pengajian Islam di bawah kelolaan Kementerian Hal Ehwal Ugama telah ditubuhkan di Brunei dan institut itu telah memulakan pelajarannya pada 3 Julai, 1989 dengan bilangan penuntut seramai 31 orang. Pada peringkat awal ini, institut ini hanya menawarkan kursus peringkat sijil dan diploma. Manakala,

pada 31 Mei 1999, Institut Pengajian Islam ini telah dengan rasminya digabungkan dengan Fakulti Pengajian Islam, Universiti Brunei Darussalam menjadi Institut Pengajian Islam Sultan Haji Omar Ali Saifuddin. Dan dengan itu, maka tarafnya disamakan menjadi peringkat ijazah.

UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM

Pada tahun 1985, Universiti Brunei Darussalam telah ditubuhkan dan mahasiswa yang mula diterima ialah pada 28 Oktober, 1985. Universiti ini mendukung falsafah pada keseluruhannya adalah melambangkan cita-cita untuk mencapai satu tahap keunggulan iaitu 'Ke Arah Kesempurnaan Insan' dalam konteks Negara Brunei Darussalam yang menjadikan konsep Melayu Islam Beraja (MIB) sebagai pegangan hidup. Di antara fakulti yang ditubuhkan ialah Fakulti Pendidikan Institut Pendidikan Sultan Hassanah Bolkiyah yang di antara programnya ialah menawarkan B.A. Pendidikan (Pengajian Islam). Peringkat ijazah ini adalah disediakan khas bagi pelajar-pelajar (biasanya lepasan tingkatan enam) yang berhasrat menjadi guru-guru agama berijazah untuk sekolah menengah atau institusi-institusi pendidikan yang lain yang memerlukan perkhidmatan mereka.

Setelah meninjau beberapa perkembangan awal pendidikan di Negara Brunei Darussalam ini secara jimal (menyeluruh), maka jelasnya bahawa pertumbuhan sekolah-sekolah yang wujud 'bagai cendawan selepas hujan' ini telah banyak membantu ramai kalangan masya-

rakat Islam khususnya di dalam mempertingkatkan kemajuan dan pembangunan negara sendiri.

Seminar Pendidikan yang dianjurkan oleh Majlis Belia Negeri Brunei yang berlangsung dari 1 hingga 3 Ogos 1969, di antara lain telah merumuskan mengenai tujuan pembentukan dasar pelajaran bagi negeri ini iaitu:

"Mewujudkan satu bentuk bangsa dan negara Brunei yang berdaulat di kalangan dunia internasional (antarabangsa) serta mengekalkan sistem pemerintahan bersultan yang menjadi teras kebudayaan bangsa dan Negara Brunei Darussalam."

Dalam menghayati Islam dari segi dakwah, masing-masing pihak mempunyai peranannya, sekolah-sekolah agama, kelas-kelas dewasa agama, masjid-masjid, Pusat Da'wah Islamiyah, dan sebagainya, semuanya digunakan dan mempunyai peranan menuju pada memberi kefahaman yang benar dan sejelas-jelasnya bahawa ajaran-ajaran Islam itu adalah suatu sistem dan cara hidup yang sempurna dan membawa rahmat. Dalam pada itu peranan tulisan jawi (serupa tulisan bahasa Arab) yang merupakan khazanah negeri ini sejak berkurun-kurun lamanya tidak dilupakan dan akan terus dikekalkan hingga ke hari ini dan seterusnya dalam abad ke-21.

BEBERAPA LANGKAH TUKUP MEMPERTINGKATKANNYA

Pendidikan Islam secara globalnya telah dipraktikkan di Brunei di bawah kelolaan Jabatan Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama. Sesuai dengan perkembangan zaman, struktur sukatan pelajaran dan kurikulum pengajaran dan pembelajaran seringkali diubah semata-mata untuk melihat kemajuan pencapaian akademik khasnya bagi pelajar-pelajar dari generasi ke generasi seterusnya.

Dalam pada itu, beberapa yang wajar telah diambil kira untuk mempertingkatkan kualiti pendidikan khususnya pendidikan Islam di Negara Brunei Darussalam ini, antaranya ialah:

1. Mempraktikkan konsep MIB dalam sistem pendidikan Islam. Secara logik, budaya Melayu Islam Beraja tidak bertentangan dengan pendidikan Islam. Pengamalan agama di-

sisipkan ke dalam falsafah MIB itu sendiri. Justeru itu, budaya MIB seperti awar galat, hormat-menghormati, bertolak ansur pelbagai adab tatasusila yang baik semuanya menjurus kepada konsep akhlak dalam Islam. Jadi, secara tidak langsung pendidikan Islam di negara ini berkait rapat dengan dasar falsafah negara yang mendukung Melayu Islam Beraja.

2. Mewujudkan sistem kurikulum bersepadu. Iaitu menggabungkan dua sistem pendidikan iaitu pendidikan Islam dan pendidikan sekular, di mana kedua-duanya saling tidak bertentangan. Artinya di sini, pendidikan sekular tidak diabaikan sama sekali dalam era kita menuaikan kemajuan masyarakat yang peka terhadap perkembangan zaman teknologi maklumat.

3. Memartabatkan tulisan Jawi sebagai salah satu khazanah peninggalan tertua dalam sejarah pendidikan Brunei. Kedudukan tulisan jawi di negara ini masih kukuh dan tetap kekal sejajar dengan peradaran masa ditambah lagi dengan kecanggihan multimedia super koridor raya. Namun penggunaan tulisan jawi ini masih boleh dibanggakan dan memang sudah diakui masih dapat bertahan hingga ke peringkat dunia antarabangsa.

4. Memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara yang mendukung falsafah MIB dan agama Islam. Bahasa Melayu sememangnya telah lama digunakan dalam bahasa pertuturan seharian sejak dahulu kala lagi. Dan sehingga kini penggunaan bahasa Melayu masih bertahan, sekali gus diselarkan dengan pendidikan Islam yang kebanyakan menggunakan bahasa Melayu itu sendiri.

5. Penghayatan terhadap pendidikan Islam. Individu dan masyarakat Islam sendiri haruslah peka dan tidak camah mata terhadap pendidikan Islam kerana tanpa penghayatan yang sebenarnya dalam erti kata mempelajarinya dan mengamalkannya dalam kehidupan seharian, maka pendidikan Islam itu tidak akan dapat berkembang ilmu dan manfaatnya. Oleh sebab itulah, penghayatan terhadap pendidikan Islam itu penting dan perlu dikembangkannya sesuai dengan peradaran masa yang kini menuju ke alaf baru.

DALAM menghayati Islam dari segi dakwah, masing-masing pihak mempunyai peranannya, sekolah-sekolah agama, kelas-kelas dewasa agama, masjid-masjid, Pusat Da'wah Islamiyah, dan sebagainya, semuanya digunakan dan mempunyai peranan menuju pada memberi kefahaman yang benar dan sejelas-jelasnya bahawa ajaran-ajaran Islam itu adalah suatu sistem dan cara hidup yang sempurna dan membawa rahmat. Dalam pada itu peranan tulisan jawi (serupa tulisan bahasa Arab) yang merupakan khazanah negeri ini sejak berkurun-kurun lamanya tidak dilupakan dan akan terus dikekalkan hingga ke hari ini dan seterusnya dalam abad ke-21.

PENDAPAT PEMBACA PENDAPAT PEMBACA PENDAPAT PEMBACA

TAJUK-TAJUK AKAN DATANG

1. 'Jasa Guru Tinggi Nilainya'. Tarikh tutup 5 Oktober, 2000.
2. 'Sentiasa Suburkan Suasana Kasih Sayang dan Kemesraan Di Kalangan Keluarga'. Tarikh tutup 12 Oktober, 2000.
3. 'Prihatin Kepada Alam Sekitar Bermakna Prihatin Kepada Diri Kita Sendiri'. Tarikh tutup 19 Oktober, 2000.

Pendapat awda hendaklah ditaja jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 300 hingga 500 patah perkataan. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon jika ada hendaklah disertakan dan hendaklah dihantar kepada :

Sidang Penyunting,
Pendapat Pembaca,
Unit Pelita Brunei,
Jabatan Penerangan,
Lapangan Terbang Lama, Berakas,
Bandar Seri Begawan, BB 3510,
Negara Brunei Darussalam.

Tumpu perhatian kepada warga tua

DI NEGARA Brunei Darussalam, mereka yang berumur 60 tahun ke atas adalah dianggarkan telah meningkat dari masa ke semasa menurut jangkaan warga tua yang kini berjumlah 10,000 orang akan meningkat kepada 28,000 orang menjelang tahun 2025. Oleh yang demikian, jika begitu keadaannya maka masyarakat kita kena perlu bersedia dengan segala kelengkapan bagi menjamin kebajikan serta kebahagiaan warga tua kini.

Pada amnya, warga tua secara relatifnya adalah serba kekurangan berbanding dengan golongan muda daripada segi kekuatan fizikal, mental dan juga emosinya. Oleh itu dalam memenuhi segala keperluan mereka, mereka memerlukan bantuan orang lain. Ini menjadikan mereka sebagai satu liabiliti kepada keluarga khasnya dan negara amnya. Keluarga perlu menumpukan perhatian mereka kepada warga tua dan ini memerlukan masa, tenaga, kewangan dan yang lebih penting ialah kasih sayang.

Secara tradisinya, warga tua amat dihargai dan dihormati yang mana mereka lebih dikenali sebagai 'orang yang lebih dahulu makan garam'. Mereka berfungsi dalam keluarga dan komuniti sebagai tempat rujukan generasi muda dalam pelbagai aspek kehidupan seharian. Namun, di era moden, kini situasi sedemikian amat jarang ditemui apatah lagi untuk dipraktikkan oleh generasi muda mahupun masyarakat itu sendiri. Ianya mungkin disebabkan oleh pendidikan mereka yang tinggi, kurangnya didikan agama dan pendedahan kehidupan sosial yang berlebihan di masa kini berbeza daripada ibu bapa mereka yang cuma mempunyai pengalaman tapi kurang berpendidikan.

Bukan sekadar itu sahaja, masyarakat amnya juga golongan remaja khasnya sudah mulai bergagap bahawa ibu bapa yang berusia lanjut sudah mulai menjadi beban pada mereka apatah lagi untuk menjaga mereka, jauh sekali.

Jika diamati-amati adalah tidak wajar bagi individu mahupun masyarakat yang berpendidikan dan penyayang kerana adalah menjadi satu keabasan bagi kita selaku anak jika tidak teraja ibu bapa kita sendiri sedangkan mereka dulunya tidak memerlukan ijazah mahupun kelulusan yang tinggi, hanya cukup

sekadar menggunakan kepakaran serta daya inisiatif yang dihibisi dengan tali kasih sayang sebagai pengikat yang begitu teguh di antara mereka dengan anak-anak mereka.

Namun alhamdulillah, setakat yang diketahui di Negara Brunei Darussalam tidak terdapat rumah orang tua akan tetapi unit kebajikan masyarakat tetap ada untuk memata-matai mana-mana warga tua yang tidak mempunyai waris mahupun anak. Ini juga dapat dilaksanakan dengan jayanya jika sekiranya masyarakat terus peka untuk melaporkan situasi mana-mana pihak yang memerlukan bantuan kepada pihak-pihak berkenaan supaya mengambil langkah yang wajar untuk melindungi warga tua yang terabai dan hidup bersendirian.

Oleh yang demikian, ke arah menangani gejala tersebut adalah amat wajar jika ibu bapa sedari awal menyertakan pendidikan agama dan budaya sopan santun kepada anak-anak mereka agar kelak membesar menjadi warga yang berguna bukan saja pada ibu bapa malahan kepada agama, bangsa dan negara, kerana usaha ke arah tersebut memerlukan daya inisiatif yang bukan sedikit dari satu pihak malahan pengemimpinan dari pelbagai pihak amat diperlukan ke arah menyayakan pelaksanaan tersebut terutamanya warga tua. Dengan langkah ini kehidupan warga tua tidak lagi akan terabai kerana masyarakat terutamanya anak-anak mereka telah menyedari mahupun mengetahui tanggungjawab masing-masing ke arah menyediakan penjagaan yang rapi serta menyajikan kehidupan yang selesa buat warga tua sebagai menunjukkan rasa terima kasih dan penghargaan kita yang tidak terhingga atas jasa dan pengorbanan yang telah mereka curahkan selama ini.

Sebagaimana hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang bermaksud: 'Sebesar-besarnya dosa adalah bagi mereka yang menyekut Allah, membunuh manusia, derhaka kepada orang tua dan menjadi saksi palsu.' (Hadis diriwayatkan oleh Bukhari).

Dayang Nuzul Aini @ Nurul Hafizah binti Haji Ibrahim,
No. 69, Kampong Madewa,
Simpang 69, Jalan Tutong
BF 1120.
No. k/p : 271207.

Warga tua tidak patut diabaikan

WARGA tua merupakan warga emas negara kita kerana mereka merupakan orang yang banyak berjasa kepada kita, jikalau kita ibaratkan dengan emas, ianya suatu benda yang amat berharga dan tidak semestinya kita abaikan begitu sahaja. Daripada merekalah kita mendapat pengetahuan di dalam menghadapi cara hidup yang mencabar ini dan juga kita bergantung kepada mereka untuk mendapatkan ilmu pengetahuan yang amat berguna kepada kita misalnya di bidang kesenian dan cara-cara pembuatan sesuatu barang misalnya berpantun, membuat seni pertukangan tangan, maka warga tua lah yang menjadi sumber kepada kita untuk mengetahuinya.

Selain itu warga tua adalah

orang yang berjasa yang melahirkan kita ke dunia ini yang terpaksa menghadapi keperitan hidup dan kesusahan untuk membesarkan kita, mereka mencurahkan segala tenaga dan wang ringgit untuk membesarkan kita dan sepatutnya lah kita berbakti kepada warga tua ini, membalas apa jua pengorbanan yang telah mereka berikan kepada kita selama ini.

Sesuai dengan ajaran agama Islam yang menganjurkan kita untuk menghormati orang yang lebih tua daripada kita, maka warga tua tidak patut kita abaikan, sesuai dengan hadis Nabi Muhammad yang bermaksud 'syurga itu di bawah telapak kaki ibu', maka kita perlukan keredaan kedua-dua ayah dan ibu kita untuk mencapai kebahagiaan di dunia dan akhirat, kerana itu-

lah kita dianjurkan untuk menjaga hati kedua-dua mereka, sehinggalah kita dilarang untuk mengatakan walaupun perkataan 'ceh' atau 'heeh', kepada mereka. Agama Islam menganjurkan kita untuk menghormati warga tua terutamanya kedua-dua ibu bapa kita kerana merekalah yang bersusah payah melahirkan dan membesarkan kita daripada kecil hingga dewasa. Mereka menghadapi pelbagai kesukaran dan kita perlu membalas jasa mereka itu.

Masalah kita pada masa ini, akibat sibuk dengan tugas seharian kita sudah lupa untuk menumpukan masa kita kepada kedua orang tua kita, walaupun ada kalanya mereka ini tinggal di rumah kita ada yang menganggap mereka sebagai beban terutamanya yang sudah lanjut usia atau yang sakit, di mana ianya dirasakan sebagai beban yang amat berat untuk menjaga mereka ini, dan jalan yang baik untuk menyelesaikan masalah ini ialah mengambil pembantu untuk menjaga mereka ataupun menghantar mereka ke rumah sakit bagi yang sudah sakit. Di manakah letaknya perasaan kasih sayang kita ke-

pada mereka? Walaupun kita sendiri mempunyai anak-anak yang memerlukan perhatian kita, sekurang-kurangnya jika di hujung minggu kita menziarahi mereka, bukan hanya menunggu Hari Raya baharulah datang melawat. Seorang ibu sanggup menjaga anak yang banyak tetapi anak yang banyak belum tentu sanggup menjaga ibu atau ayah yang seorang ditambah lagi dengan kesibukan tugas-tugas harian. Ternyata jurang pemisah di antara kita dan orang tua kita amat luas yang mana konsep satu keluarga yang besar seperti mana anak-anak, ayah dan ibu, yang tinggal dalam sesebuah rumah itu kini sudah berubah. Anak-anak tinggal di tempat lain manakala ibu bapa tinggal di rumah yang lain, menyebabkan kita lupa tanggungjawab kita kepada warga tua, walaupun tidak semua masyarakat kita melakukannya, tetapi sudah ada berlaku walaupun kita tidak menyedarinya.

Awang Sahri bin Haji Ering,
No. 6 Simpang 79, Kampong Mengliat,
BB 3919, Jalan Gadong
K/P: 113106

PENDAPAT yang terpilih minggu ini dari tajuk yang telah kami kemukakan iaitu 'Jangan Abaikan Warga Tua' Mereka akan menerima hadiah sebanyak \$40.00. Pendapat yang berjaya itu adalah seperti berikut :

Masyarakat Brunei hormati orang tua

ADA pepatah lama menyebut bagaimana kita harus menyayangi anak dan isteri; "sayang anak tangan-tangan, sayang isteri tinggal-tinggalkan". Tetapi masih belum ada pepatah yang menyebut secara terang-terangan tentang cara anak menyayangi ibu bapa. Besar kemungkinan, inilah penyebab mengapa anak-anak kurang informasi ke arah menyayangi ibu bapa mereka sehinggalah sesetengah anak zaman 'cyber' kini telah mencipta pepatah mereka sendiri iaitu 'sayang ibu bapa hantar ke rumah kebajikan'.

Semakin tinggi perdidikan dan semakin mewah kehidupan, sesetengah kita semakin daif serta alpa untuk mengenang dan membalas kembali budi warga tua dan lebih malang lagi yang hendak dibalas dan dikenang itu adalah budi kedua-dua ibu bapa mereka sendiri. Anak-anak zaman 'cyber', tidak kiralah yang berpendidikan dan berkecukupan mahupun yang kurang berpendidikan amat mudah untuk melupakan perit jerih orang tua yang melahirkan dan membesarkan mereka.

Sembilan bulan mengandung dengan segala susah payah kemudian mendidik dan membesarkan anak daripada tapak kaki sebesar dua jari hinggalah dewasa. Iblulah yang akan bersengkal mata apabila anak sakit. Ayahlah pula yang terpaksa membanting tulang untuk memastikan yang anak-anak mendapat makanan dan pendidikan secukupnya menurut kemampuan yang dia perolehi. Demikianlah besarnya pengorbanan yang telah dilaksanakan oleh ibu bapa untuk membentuk kredibiliti anak-anak menjadi ihsan yang berguna.

Alangkah malangnya seandainya setelah dewasa dan boleh berdirikan dengan sendirinya anak-anak mulai melupakan budi dan jasa ibu bapa. Sekalipun menggadai nyawa untuk melahirkan mereka dan sekarang anak-anak ini tergamak mencampakkan warga tua dan ibu bapa mereka ke rumah

kebajikan mahupun mempergunakan mereka untuk kepentingan diri mereka sendiri tanpa menghiraukan keletihan dan perasaan warga tua berkenaan.

Ada beberapa sebab mengapa kaum keluarga dan anak-anak terpaksa menghantar warga tua ke rumah-rumah kebajikan di mana sesetengahnya menghadapi kesempitan daripada segi kewangan dan tidak mampu menanggung kedua-dua orang tua mereka. Ada pula yang terlalu sibuk dengan urusan harian mereka seperti bisnes dan kerjaya sehinggalah mereka tidak mempunyai masa langsung untuk menjaga kedua ibu bapa mereka. Malah ada sesetengah yang merasakan kehidupan berkeluarga mereka terasa terganggu dengan kehadiran warga tua yang tinggal bersama-sama dengan mereka lalu mereka cuba mencari jalan penyelesaian yang kurang intelek untuk mengeneipkan mereka mahupun meninggalkan mereka begitu saja tanpa memberikan belaian yang sepatutnya mereka berikan kepada warga tua.

Apa pun jua alasannya, ini semua membuktikan yang betapa rendahnya martabat dan budi pekerti sesetengah orang kita yang sanggup menghantar warga tua ke rumah kebajikan kerana kesempitan wang sedangkan dahulunya ibu bapa walaupun dalam keadaan serba kekurangan dan kesukaran, namun mereka tidak mengeluh. Kesibukan mengejar kerjaya dan kebendaan bukanlah alasan untuk mewajarkan warga tua dikesepikan serta diabaikan kerana pada usia yang lanjut dan mudah dihipung berbagai penyakit inilah saat yang paling penting bagi mereka untuk memerlukan kasih sayang dan perhatian yang mencukupi daripada anak-anak mereka dan bukannya daripada pembantu yang berbangsa asing, bagi mereka kehidupan mereka akan tambah mengecewakan jika anak-anak gagal untuk berbuat demikian. Malahan warga tua juga memerlukan tunjuk ajar dari anak-anak bagaimana untuk menjalankan kehidupan

yang lebih sihat terutamanya di era 'cyber' ini kerana ia adalah merupakan kewajipan yang patut dilaksanakan untuk melindungi kaum yang lemah.

Alhamdulillah di Negara Brunei Darussalam kita jarang sekali mendengar para ibu bapa diabaikan dengan menghantar mereka ke rumah kebajikan, namun demikian terdapat kaedah lain yang mana tetap menghala kepada pengabaian iaitu di mana di era globalisasi ini, anak-anak mempergunakan kehadiran warga tua untuk menjaga cucu-cicit mereka dan ini secara tidak langsung turut mendera fizikal dan mental warga tua. Bayangkanlah setelah penat dan jerih melahirkan dan membesarkan anak-anak kemudian mereka terpaksa pula menjaga dan membesarkan cucu-cucu mereka dengan alasan bahawa anak-anak begitu sibuk dengan hal-hal sosial mereka. Sepatutnya pada waktu-waktu terakhir ini, warga tua diberi peluang untuk menghabiskan lebih banyak masa mereka beramal ibadat untuk mendekatkan diri mereka kepada Allah tanpa diganggu.

Ini bukannya bermakna yang warga tua dilarang keras untuk mendekati cucu-cucu mereka tapi bila ianya berterusan, ia akan lebih menyusahkan dan mengganggu perjalanan hidup serta kondisi warga tua.

Oleh yang demikian sewajarnya generasi muda menanamkan sikap prihatin dan penyayang di dalam hati dan sanubari mereka untuk tidak mengabaikan warga tua dan selaku pelapis warga tua sewajarnya generasi muda bertindak positif ke arah menangani isu-isu pengabaian warga tua, jangan hanya melihatnya sebelah mata kerana ianya adalah salah di sisi undang-undang dunia dan agama. Janglah hendaknya bersifat seperti kacang lupukan kulit.

Awang Hadini @ Nizamuddin bin Haji Ibrahim,
No. 69 Simpang 69, Kampong Madewa,
Jalan Tutong BF 1120,
No. k/p : 293281.



PEGAWAI Tugas-Tugas Khas, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dato Paduka Awang Haji Metussin menyampaikan hadiah kepada seorang pemenang Pameran Seni Lukis dan Pameran Lukisan Kanak-Kanak Sedunia. - Gambar oleh Abdullah HAD.

Tumpukan lukisan kesenian Islam

Oleh Haji Ahmad HS

BANDAR SERI BEGAWAN, 14 September. - Pegawai Tugas-Tugas Khas, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dato Paduka Awang Haji Metussin menyarankan pelukis-pelukis di negara ini terutama yang masih kanak-kanak memberikan perhatian terhadap kesenian Islam.

Kesenian Islam yang didefinisikan oleh orang Islam sendiri ialah apa jua bentuk karya seni yang dihasilkan oleh orang-orang Islam yang tidak bertentangan dengan ajaran Islam.

"Kita tidak mahu kesenian Islam itu didefinisikan menurut tafsiran ahli-ahli seni Barat yang hanya mengambil kira imej atau simbol Islam semata-mata dalam sesuatu karya tanpa memperhitungkan siapakah penghasil karya tersebut," ujarnya di Majlis Perasmian Pameran Seni Lukis dan Kreatif 2000 Sekolah-sekolah Rendah, Menengah dan Maktab-maktab Kali Ke-33 di Bangunan Tambahan, Pusat Latihan Kesenian dan Pertukangan Tangan Brunei di sini.

Dalam hubungan ini, terangnya, kesenian Islam itu perlu dikembangkan oleh pelukis-pelukis dan ahli-ahli kreatif tempatan demi untuk memberikan nafas dan corak baru yang dominan dalam perkembangan seni di negara ini.

Menurut Dato Paduka, garis-garis geometrik dan flora yang menjadikan teras motif dalam kesenian Islam dapat menghasilkan imej dan simbol kehidupan dan kesenian yang begitu indah dan tinggi mutunya.

"Makna dan konsep keindahan menurut kesenian Islam inilah yang perlu diteroka dengan lebih luas dan jauh oleh ahli-ahli seni kita iaitu selaras dengan cita-cita bagi menghidupkan dan menghayati semula cara hidup Islam yang pernah pada suatu waktu dulu membina tamadun dan kesenian yang maju dan tinggi mutunya," ujar beliau.

Di majlis itu, Penyampaian hadiah-hadiah kepada pemenang Pameran Seni Lukis dan Pameran Lukisan Kanak-kanak Sedunia 2000 telah disempurnakan oleh tetamu kehormat. Dalam kumpulan menengah atas dan bawah ianya dijuarai oleh Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan, Rimba, Gadong dengan mengutip 18 mata dalam kumpulan menengah atas dan 21 mata kumpulan menengah bawah.

Sementara itu, Sekolah Chung Hwa, Bandar Seri Begawan menjadi johan dalam kumpulan sekolah-sekolah rendah dengan mengutip 38 mata. Manakala pemenang dalam First JQA International Children's Drawing Contest 2000 di Jepun ialah Sharon Wong Pik Shan dari Sekolah Saint James Kuala Belait.

Pemenang bagi First World Children's Art Exhibition 2000 di Pakistan, tempat pertama ialah Mohd. Shahmauluddin bin Haji Salleh dari Sekolah Rendah Jerudong, Brunei III; kedua, Mohd. Faizal bin Mahmud juga dari Sekolah Rendah Jerudong, dan Malai Yahya Sani bin Malai Ishak dari Sekolah rendah Ahmad Tajuddin, Kuala Belait menduduki tempat ketiga.

10 ahli bomba menamatkan kursus komputer

SERIA. - Seramai 10 orang ahli-ahli bomba berbagai peringkat, dari Jabatan Perkhidmatan Bomba Seria telah menamatkan kursus komputer selama lima hari di Sekolah Vokasional Sultan Bolkuah, Seria. Majlis penyampaian sijil penyerahan telah disempurnakan oleh Awang Haji Abdul latif bin Abu Bakar, Pengetua Sekolah Vokasional Sultan Bolkuah pada 14 September lepas.

Kursus komputer yang diikuti adalah Kursus Lanjutan Ms Word 97 dan Asas MS Excel 97 dan diadakan pada 9 - 14 September, 2000. Kursus ini adalah merupakan projek kerjasama tahunan diantara Jabatan Perkhidmatan Bomba, Seria dan Sekolah Vokasional Sultan Bolkuah, Seria.

Ia adalah juga merupakan usaha Jabatan

Perkhidmatan Bomba di dalam meningkatkan kemahiran dan pengetahuan pegawai dan kakitangannya didalam bidang teknologi maklumat. Bagi Sekolah Vokasional Sultan Bolkuah pula, ia adalah merupakan perlaksanaan peranan sebagai institusi vokasional dan teknikal yang memberi latihan kepada sumber tenaga manusia di sektor awam dan swasta.



AHLI-AHLI bomba Seria yang telah menamatkan kursus komputer di SVSB bergambar ramai bersama tetamu kehormat Pengetua Sekolah Vokasional Sultan Bolkuah, Seria, Awang Haji Abdul Latif bin Abu Bakar yang juga telah menyampaikan sijil-sijil kepada para peserta.

PELITA BRUNEI Akhbar Rasmi Kerajaan,
Setiap hari Rabu diterbitkan,
Rajin membaca bertambah pengetahuan,
Silalah Alai pilih jawapan.

1. Pada 7 Oktober, 1999, Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia di Jabatan Perdana Menteri merangkap Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa menghadiri "SUKMAIRAMA 99" di salah sebuah negara anggota ASEAN. Di negara manakah "SUKMAIRAMA 99" itu diadakan?

- a. Malaysia
- b. Republik Indonesia
- c. Republik Singapura

2. Boleh Tajuk Cerpen 'Minda Yang Bering' diterbitkan di Akhbar Rasmi Kerajaan iaitu PELITA BRUNEI?

- a. 6 Oktober, 1999.
- b. 13 Oktober, 1999.
- c. 20 Oktober, 1999.

3. Apakah Tajuk "Menuju Keredaan Allah" keluaran PELITA BRUNEI pada 13 Oktober, 1999?

PAT-PAT GULAMBIR

SYARAT PERADUAN

1. Jika alai berumur 15 tahun ke bawah dan murid sekolah rendah atau menengah bawah maka alai dibenarkan mengisi borang jawapan yang disediakan.
2. Alai dibenarkan mengisi satu borang jawapan sahaja.
3. Alai hendaklah mengisi borang jawapan yang disediakan dalam PELITA BRUNEI sahaja dengan tulisan alai sendiri.

HADIAH-HADIAH MENARIK

1. Alai yang berjaya dihadkan untuk tiga orang sahaja. Undian akan dilakukan jika ramai di antara alai yang menjawab dengan tepat.
2. PELITA BRUNEI menyediakan hadiah-hadiah menarik seperti alat tulis atau buku-buku.

TARIKH TUTUP

1. Hantarlah borang jawapan alai tidak lewat seminggu dari tarikh keluaran PELITA BRUNEI ini.

Jawapan Pat-Pat Gulambir keluaran 13 September, 2000 :

1. A 2. C 3. APEC Wadah Kerjasama dan Persaingan.

PEMENANG PAT-PAT GULAMBIR KELUARAN 13 SEPTEMBER, 2000.

HAJAH NORADIANA BINTI HAJI MD. YUSOF
NO. 208, KAMPONG PINTU MALIM,
JALAN KOTA BATU BD 1317,
UMUR : 11 TAHUN
SEKOLAH RENDAH MABOHAJ.

MD NAZIRUL HAZWAN BIN JUNEID
NO. 210, KAMPONG PINTU MALIM,
JALAN KOTA BATU BD 1517,
UMUR : 8 TAHUN
SEKOLAH RENDAH MABOHAJ.

BORANG JAWAPAN PAT-PAT GULAMBIR 441

Nama :

Umur :

Alamat :

Telefon rumah (jika ada) :

Sekolah :

Hantarkan borang jawapan alai :

Kepada,
Ruangan Alai,
Pat-Pat Gulambir, 441,
PELITA BRUNEI,
Jabatan Penerangan,
Jabatan Perdana Menteri,
Lapangan Terbang Lama, Berakas, BB 3510,
Negara Brunei Darussalam.

ALAI DIALU-ALUKAN MENGGUNAKAN PERPUSTAKAAN RUJUKAN, JABATAN PENERANGAN

Thomson - CSF tawarkan peluang pekerjaan

Oleh Bolhassan HAB

BERAKAS, 14 September. - Sebuah firma antarabangsa, Thomson-CSF hari ini mengadakan sesi taklimat bagi menawarkan peluang pekerjaan di peringkat pengurusan kepada para pegawai kanan kerajaan yang terpilih.

Taklimat yang berlangsung di Mes Pegawai, Bolkiah Garison di sini bertujuan untuk membantu dan meningkatkan pengalaman para pegawai kerajaan dengan mendedahkan mereka kepada suasana kerja di syarikat teknologi tinggi antarabangsa.

Hadir di sesi taklimat itu termasuklah Timbalan Menteri Pertahanan, Yang Amat Mulia Pengiran Sanggamara Diraja Mejar Jeneral (B) Pengiran Haji Ibnu Ba'asith dan Duta Besar Perancis ke negara ini, Tuan Yang Terutama Tuan J.P. Lafosse serta pegawai-pegawai kanan kerajaan.

Program seumpama itu diharap boleh memperdalamkan pengetahuan para pegawai dan meningkatkan hubungan kerja.

Thomson-CSF adalah kumpulan antarabangsa yang beribu pejabat di Perancis yang mana telah memberi peluang pekerjaan kepada lebih 65 ribu orang di 50 buah negara di dunia.



TIMBALAN Menteri Pertahanan, Yang Amat Mulia Pengiran Sanggamara Diraja Mejar Jeneral (B) Pengiran Haji Ibnu Ba'asith dan Duta Besar Perancis ke negara ini, Tuan Yang Terutama Tuan J.P. Lafosse ketika menghadiri sesi taklimat daripada sebuah firma antarabangsa, Thomson-CSF. Majlis berlangsung di Mes Pegawai, Bolkiah Garison. - Gambar oleh Masri Osman.

Keselamatan kualiti makanan diberi perhatian

Oleh Abdullah Asgar

BERAKAS, 14 September. - Memandangkan Negara Brunei Darussalam mengimport lebih 90 peratus makanan bagi keperluan dalam negara, maka kerajaan akan menguatkuasakan Perintah Darurat (Kesihatan Awam) (Makanan) 1998 dan Peraturan-peraturan Kesihatan Awam (Makanan) 2000 mulai 1 Januari, 2001.

Ia adalah bertujuan melindungi pengguna daripada makanan yang boleh menjejaskan kesihatan. Perintah ini juga akan memberi kesedaran kepada pengguna tentang keselamatan dan kualiti makanan yang mana secara langsung akan dapat mempertingkatkan lagi taraf kehidupan.

Perkara ini dijelaskan oleh Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Ahmad ketika mengadakan Sidang Akhbar bersama PELITA BRUNEI dan pemberita setempat mengenai peraturan makanan dan kesihatan awam yang akan dikuatkuasakan awal tahun depan.

Selain itu katanya, peraturan ini juga membantu piawaian makanan ke dalam negara iaitu pengimport dan pengeluar tempatan dikehendaki melabel makanan dengan jelas dan tepat seperti menyatakan isi kandungan nama makanan, senarai ramuan, penandaan tarikh, cara penyimpanan, nama dan alamat pengilang

dan isi padu.

Selain itu, menurutnya lagi, keterangan ramuan meliputi senarai nama bahan asal yang digunakan umpamanya jika bahan aditif digunakan maka hendaklah dinyatakan sumbernya sama ada dari binatang atau bahan alkohol.

Di samping itu jelasnya, pemantauan juga akan dibuat melalui makanan dari kawasan yang bermasalah dengan menahan pengimportannya.

Jelasnya lagi, peraturan ini bagi membantu mempertingkatkan ekonomi negara dengan memberi galakan kepada pengusaha tempatan dan peluang kepada pengusaha kecil dan sederhana dalam memajukan perusahaan mereka mengikut piawaian yang telah ditetapkan.

Piawaian ini secara langsung dapat membantu dalam pengeluaran makanan yang berkualiti setaraf dengan negara maju selain daripada mencegah pengeluaran dan penjualan makanan daripada pengusaha yang tidak bertanggungjawab.



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Kesihatan, Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Ahmad ketika mengadakan Sidang Akhbar bersama para pemberita tempatan mengenai peraturan makanan dan kesihatan awam yang dikuatkuasakan awal tahun depan. - Gambar oleh Pengiran Rafae PDPHM.

Sebarluaskan maklumat faedah penyusuan ibu

Oleh Dk. Hjh. Saidah PHOA

KUALA BELAIT, 12 September. - Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif Rumah Sakit Seri Begawan, Kuala Belait, Dayang Hajjah Norsiah binti Haji Johari berharap pekerja kesihatan dapat menyebarkan lagi maklumat tentang faedah penyusuan susu ibu kepada keluarga mereka bagi mempromosikan amalan penyusuan susu ibu.

Dayang Hajjah Norsiah meluahkan harapan itu ketika merasmikan Seminar Penyusuan Susu Ibu sempena sambutan Minggu Penyusuan Susu Ibu Sedunia bagi Daerah Belait yang diadakan di Rumah Sakit Seri Begawan di sini.

Minggu Penyusuan Susu Ibu Sedunia diraikan setiap tahun dan pada tahun ini Kementerian Kesihatan melancarkan perasmian pada 30 Julai lalu yang bertema 'Penyusuan Susu Ibu Hak Asasi Awda'.

Dayang Hajjah Norsiah berkata, sebagai satu usaha mempromosikan dan meningkatkan amalan penyusuan susu ibu, Pertubuhan Kesihatan Sedunia dan pihak Bangsa-Bangsa Bersatu telah menggalakkan bagi memajukan inisiatif Hospital Mesra Anak Damit.

Inisiatif sedemikian jelasnya telah banyak membawa kejayaan dan di rantau Asia Pasifik terdapat lebih 7,000 hospital yang telah diiktiraf sebagai Mesra Anak Damit.

Dalam perkembangan yang berkaitan, Kementerian Kesihatan juga memberikan keutamaan ke arah mempromosikan penyusuan susu ibu dan ianya telah dimasukkan menjadi salah satu program pemakanan yang dianjurkan di bawah Jawatankuasa Kebangsaan Promosi Kesihatan.

Beliau menambah, usaha ke arah mempromosikan penyusuan susu ibu dan menjadikan setiap hospital di negara ini menjadi Mesra Anak Damit telah dipergiatkan sejak tahun lalu oleh Kementerian Kesihatan dengan kerjasama pihak Pertubuhan Kesihatan Sedunia dengan menjemput dua orang pakar bagi membantu membuat rancangan dan menasihati rancangan tindakan yang harus dibuat oleh Kementerian berkenaan.

Sejak daripada itu katanya, kementerian ini telah dapat melaksanakan beberapa tindakan dalam mempromosikan penyusuan susu ibu. Pada ketika ini hampir 300 orang pegawai dan kakitangan Kementerian ini telah menjalani kursus pengurusan laktasi.

Pegawai dan kakitangan yang dilatih itu tambahnya, bertanggungjawab memberikan maklumat dan menasihati ibu-ibu tentang

penyusuan susu ibu dan mereka telah dilatih khusus bukan sahaja daripada segi memberikan maklumat malah memberikan tunjuk ajar tatacara yang terbaik dan lebih berkesan memberikan penyusuan.

Selain daripada itu katanya, mereka juga mempunyai kebolehan dalam memberikan dorongan dan sokongan kepada ibu-ibu agar mereka menjadi lebih yakin untuk memberikan penyusuan kepada anak damit mereka.

Bagi melaksanakan aktiviti yang berkaitan dengan penyusuan susu ibu dan Hospital Mesra Anak Damit, beliau mengumumkan bahawa sebuah Sub-komittee Penyusuan Susu Ibu akan ditubuhkan di hospitalnya yang dipengerusikan oleh beliau sendiri di bawah Jawatankuasa Kebangsaan Penyusuan Susu Ibu, Kementerian Kesihatan.

Seminar yang diadakan selama empat hari dihadiri seramai 474 peserta yang terdiri daripada pegawai dan kakitangan wanita hospital dan Pejabat Kesihatan, Kuala Belait. Ianya dikendalikan oleh beberapa orang penceramah yang terdiri daripada Pegawai Permatanian, Pegawai Jururawat Hospital dan pegawai-pegawai dari Pusat Da'wah Islamiyah, Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Seminar antara lain bertujuan untuk memberi promosi dan menyokong amalan penyusuan susu ibu di Negara Brunei Darussalam di samping meningkatkan kesedaran serta pengetahuan pegawai dan kakitangan mengenai penyusuan susu ibu dan kebajikan.



TAHUN 45

BILANGAN 39

RABU 27 SEPTEMBER, 2000

1421 جمادي الآخر، رابو 28

PERCUMA

MENYEWAKAN KENDERAAN-KENDERAAN SEMASA MESYUARAT APEC NOVEMBER 2000

BAGI sama-sama menjayakan Mesyuarat APEC 2000 yang akan berlangsung di negara ini, orang ramai adalah dialu-alukan untuk menyewakan kenderaan-kenderaan mereka kepada ekonomi-ekonomi APEC yang memerlukan selama lebih kurang 10 hari atau tertakluk kepada permintaan pelanggan.

Peluang ini dibukakan bukan sahaja untuk kereta-kereta sewa yang berdaftar bahkan juga untuk kereta persendirian dan peluang ini hanya dibukakan semasa mesyuarat APEC 2000 sahaja.

Daripada itu orang ramai yang berminat bolehlah menghubungi pengusaha-pengusaha kereta sewa atau syarikat-syarikat yang berdaftar di negara ini. Sebanyak lebih kurang 600 buah kereta pelbagai jenis diperlukan.

Kereta-kereta berkenaan ialah Saloon, Van, Station Wagon, 4 x 4 (Pajero, Land Cruiser) dan kenderaan-kenderaan berkenaan mestilah dalam keadaan baik dan berkelayakan, walau bagaimanapun untuk maklumat kadar sewa adalah di atas persetujuan daripada orang yang menyewa dan si penyewa.

Untuk maklumat serta keterangan lanjut orang ramai bolehlah menghubungi Urus Setia, Lembaga Melesen Pengangkutan Bermotor, Tingkat 2 Ibu Pejabat, Jabatan Pengangkutan Darat, Kementerian Perhubungan, Negara Brunei Darussalam.

**JAWATAN KOSONG DI URUS SETIA KOMANWEL LONDON**

CALON yang berkelayakan daripada negara-negara ahli Komanwel termasuk Negara Brunei Darussalam adalah dipelawa untuk mengisi jawatan kosong di Urus Setia Komanwel London.

No.	Name Of Post	Duty Station	Annual Salary From	Deadline For Appointment
1	Senior Programme Officer Grade CSE	Economic Affairs Division	31,968 - 41,472 pound sterling	3 Oktober, 2000
2	Special (Economic) Adviser Grade CSE	Economic and Legal Advisory Services Division	58,560 - 71,760 pound sterling	6 Oktober, 2000

Syarat Asas.

Bagi maklumat lanjut boleh diperolehi daripada Jabatan Pertubuhan-Pertubuhan Antarabangsa, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, Jalan Subok, Bandar Seri Begawan, BD 2710, Negara Brunei Darussalam. Nombor telefon : 02-261177. Nombor faks : 02-261703. e-mail : dio@brunei.bn.

**JADUAL PERPUSTAKAAN BERGERAK DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA OKTOBER 2000**

Tarikh	Hari	Pusat Perhentian	Jam
2 Oktober, 2000	Isnin	Sekolah Rendah Lumapas	9.30 pagi
3 Oktober, 2000	Selasa	Sekolah Rendah Putat	9.30 pagi
4 Oktober, 2000	Rabu	Sekolah Rendah Serasa	9.00 pagi
5 Oktober, 2000	Khamis	Sekolah Rendah Sultan Abd. Bubin, Sungai Besar	8.30 pagi
7 Oktober, 2000	Sabtu	Sekolah Rendah SUAS Muara	9.00 pagi
9 Oktober, 2000	Isnin	Sekolah Rendah Pengkalan Batu	9.00 pagi
10 Oktober, 2000	Selasa	Sekolah Rendah Masin	9.30 pagi
11 Oktober, 2000	Rabu	Sekolah Rendah AHMY Katimahar	9.00 pagi
12 Oktober, 2000	Khamis	Sekolah Rendah Jerudong	9.00 pagi
14 Oktober, 2000	Sabtu	Sekolah Rendah Panchor Mural	8.45 pagi
16 Oktober, 2000	Isnin	Sekolah Rendah Kasat	9.30 pagi
17 Oktober, 2000	Selasa	Sekolah Rendah Mulaut	9.30 pagi

**UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM**

Bilangan Tawaran: UBD/ES/5/2000

Syarat-syarat tawaran :
TAWARAN adalah dipelawa bagi REPAIRING AND ALTERATION WORKS FOR MALE/FEMALE HOSTEL AT UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM.

- Dokumen-dokumen tawaran boleh diperolehi semasa waktu pejabat dari Pejabat Pembelian dan Peralatan, Universiti Brunei Darussalam, seperti berikut : Isnin hingga Khamis : 8.00 pagi hingga 11.00 pagi, 1.30 petang hingga 2.30 petang dan Sabtu : 8.00 pagi hingga 10.00 pagi.
- Pemohon-pemohon yang layak mestilah mengemukakan bukti dan keterangan kelayakan dan pengalaman mereka sebelum dokumen tawaran dapat diperolehi.
- Pemohon yang berjaya adalah dikehendaki untuk membuat perjanjian dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan di dalam sampul surat yang bertutup dengan menyatakan pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat tajuk tawaran dan bilangan nota, serta tarikh tutup tawaran sahaja, tanpa menunjukkan identiti pemohon kepada Pengerusi, Jawatankuasa Tawaran, Tabung Universiti Brunei Darussalam, Universiti Brunei Darussalam, Tungku Link, BE 1410, Negara Brunei Darussalam dan dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, Pejabat Bendahari, Bahagian Pentadbiran, Universiti Brunei Darussalam.
- Semua tawaran hendaklah sampai jam 2.00 petang ke alamat di atas tidak lewat dari tarikh berikut : 17 Oktober, 2000 (Selasa) bagi tawaran bil. UBD/ES/5/2000.
- Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

Bilangan Tawaran : UBD/ES/5/2000 : REPAIRING AND ALTERATION WORKS FOR MALE/FEMALE HOSTEL AT UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM. Bayaran tawaran \$100.00 (dikembalikan). Bayaran dokumen \$25.00 (tidak dikembalikan).

**SYARIKAT MINYAK BRUNEI SHELL****PELUANG KERJAYA**

PELUANG kerjaya yang mencabar dibukakan kepada pemohon-pemohon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi memenuhi jawatan tertentu dalam syarikat-syarikat yang tersebut di atas.

* Pemohon-pemohon mestilah berumur tidak lebih dari 25 tahun.

* Mempunyai sekurang-kurangnya kelulusan akademik ijazah pertama dalam jurusan-jurusan berikut :-

- Kejuruteraan Petroleum
- Geologi
- Geofizik
- Kejuruteraan Elektrikal
- Instrumentasi/Sistem Kawalan
- Kejuruteraan Mekanikal
- Kejuruteraan Kimia
- Pengukuran Kuantiti
- Pemasaran/Komersial
- Perakaunan/Kewangan
- Kelulusan Iktis ACCE & CIMA

* Pemohon yang berjaya mestilah bersedia untuk bertugas diluar persisiran pantai (jika diperlukan).

Ketinggalan motivasi diri serta kesediaan untuk melibatkan diri dalam kumpulan kerja yang berkemahiran dan profesional adalah antara unsur-unsur utama dalam pelaksanaan tugas.

Proses peningkatan kerjaya dikembangkan melalui latihan asas yang dilengkapi dengan latihan dalam perkhidmatan. Sementara peluang-peluang pendidikan untuk bertugas di luar negara serta pengembangan kerjaya yang menjurus ke arah tugas peranan pengurusan adalah berdasarkan kepada prestasi dalam pelaksanaan tugas.

Pemohonan boleh dihantar secara pos, melalui faks atau e-mel berserta dengan keterangan peribadi, termasuk dokumen-dokumen yang berkaitan, nombor telefon dan gambar berukuran pasport kepada :
BRUNEI SHELL PETROLEUM COMPANY SENDIRIAN BERHAD, LOCAL RECRUITMENT (PPD/102), PERSONNEL PLANNING & DEVELOPMENT DEPARTMENT (Ref : PB/01). Faks : 03-37-2619 atau E-MEL : Recruitment@shell.com.bn.

Tarikh tutup : 6 Oktober, 2000.

Hanya permohonan yang berjaya dalam pemilihan awal akan diundang untuk menjalani Ujian Penilaian dan diikuti dengan sesi temuduga.

**JABATAN TELEKOM BRUNEI KEMENTERIAN PERHUBUNGAN**

No. Projek : JTB/NE/NIS/01/2000

- TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa bagi "SUPPLY, DELIVERY, INSTALLATION, TESTING, COMMISSIONING, TRAINING AND MAINTENANCE OF A CENTRALIZED AUTOMATED CALL DATA RECORDS COLLECTOR FOR TELECOMMUNICATION BUSINESS APPLICATION ON A FULL TURNKEY BASIS".
- Tiga salinan dari tawaran-tawaran berkenaan hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup, ditulis dengan TAWARAN BAGI "SUPPLY, DELIVERY, INSTALLATION, TESTING, COMMISSIONING, TRAINING AND MAINTENANCE OF A CENTRALIZED AUTOMATED CALL DATA RECORDS COLLECTOR FOR TELECOMMUNICATION BUSINESS APPLICATION ON A FULL TURNKEY BASIS" - Bilangan Tawaran : JTB/NE/NIS/01/2000. Tanpa menunjukkan identiti pembekal/pemohon dan ditujukan kepada Pengerusi, Lembaga Tawaran Negara, Kementerian Kewangan, Tingkat 8, Bangunan IBB, Bandar Seri Begawan tidak lewat jam 2.00 petang pada hari Isnin 9 Oktober, 2000.
- Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
- Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Pejabat Pendaftaran Kontraktor dan Pengeluaran Tawaran, Tingkat Dua, Bangunan Ibu Pejabat Telekom, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Negara Brunei Darussalam BB 3510 dengan menunjukkan resit cagaran berjumlah B\$200.00 (tidak dikembalikan).
- Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.
- Pembayaran wang cagaran hendaklah dibayar sama ada dengan wang tunai atau dengan cek tempatan berserta dengan bank guarantee.

No. Projek : JTB/NE/TEM/03/2000

- TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa bagi "OVERALL PROVISION OF NEW REMOTE SHELTER EXCHANGES FOR LEPOPONG BARU, SUMBILING AND SELAPON".
- Tiga salinan dari tawaran-tawaran berkenaan hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup, ditulis dengan TAWARAN BAGI "OVERALL PROVISION OF NEW REMOTE SHELTER EXCHANGES FOR LEPOPONG BARU, SUMBILING AND SELAPON" - Bilangan Tawaran : JTB/NE/TEM/03/2000. Tanpa menunjukkan identiti pembekal/pemohon dan ditujukan kepada Pengerusi, Lembaga Tawaran Negara, Kementerian Kewangan, Tingkat 8, Bangunan IBB, Bandar Seri Begawan tidak lewat jam 2.00 petang pada hari Isnin 2 Oktober, 2000.
- Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
- Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Pejabat Pendaftaran Kontraktor dan Pengeluaran Tawaran, Tingkat Dua, Bangunan Ibu Pejabat Telekom, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Negara Brunei Darussalam BB 3510 dengan menunjukkan resit cagaran berjumlah B\$200.00 (tidak dikembalikan).
- Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.
- Pembayaran wang cagaran hendaklah dibayar sama ada dengan wang tunai atau dengan cek tempatan berserta dengan bank guarantee.



JAWATAN-JAWATAN KOSONG DI DALAM PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN KERAJAAN

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada pemohon-pemohon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berikut di dalam PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN KERAJAAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

1. OPERATOR TELEPRINTER (BILANGAN KOD: 016 32 152)

(DI JABATAN PENERBANGAN AWAM, KEMENTERIAN PERHUBUNGAN)
TANGGAGAJI: D1-2-3 EB 4-5 \$ 530 - \$ 1,625 SEBULAN

KELAYAKAN MINIMUM:

- Mempunyai kelulusan dengan kepujian / kredit 4 mata pelajaran Sijil Am Pelajaran Brunei Cambridge Peringkat Biasa atau kelulusan yang diiktiraf sebanding dengannya oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- Telah berkhidmat dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam Bahagian V dalam bidang yang berkaitan dalam tanggagaji E1 selama 5 tahun.

- Berkebolehan bercakap dan menulis dalam bahasa Melayu dan Inggeris dengan baik.
- Mempunyai pengalaman dalam hal-hal kerja yang berkaitan dengan komputer adalah merupakan satu kelebihan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

- Bertanggungjawab kepada Pembantu Taklimat Kanan dan Pegawai Taklimat.
- Penerimaan dan penilaian cerdik atas maklumat penerbangan lapangan-lapangan terbang di dalam dan di luar negeri.
- Penerimaan dan penilaian 'Flight Plan' sebelum dibahagi-bahagikan.
- Penyediaan 'Route Bulletin' harian.
- Penerimaan dan pengeluaran NOTAM.
- Menjalankan 'briefing' kepada jurutera-jurutera.
- Memberikan maklumat ketibaan dan keberangkatan kepada bahagian-bahagian yang berkenaan dalam pejabat.

2. PENGENDALI PENYEDIAAN DATA (BILANGAN KOD: 097 34 222)

(DI JABATAN PERBENDAHARAAN, KEMENTERIAN KEWANGAN)
TANGGAGAJI: D1-2-3 EB 4-5 \$ 530 - \$ 1,625 SEBULAN

KELAYAKAN MINIMUM:

- Mempunyai kelulusan dengan kepujian / kredit 4 mata pelajaran Sijil Am Pelajaran Brunei Cambridge Peringkat Biasa atau kelulusan yang diiktiraf sebanding dengannya oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- Telah berkhidmat dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam bidang yang berkaitan dalam tanggagaji E1 selama 5 tahun.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

- Membantu dalam kerja-kerja penyediaan data-data untuk dimasukkan ke dalam komputer.
- Membantu dalam kerja-kerja yang perlu dilaksanakan bagi kelancaran peredaran sistem komputer atas arahan penyelia pengendali komputer.

3. KERANI PERANGKAIAN (BILANGAN KOD: 050 39 920)

(DI JABATAN BURUH, KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI)
TANGGAGAJI: D1-2-3 EB 4-5 \$ 530 - \$ 1,625 SEBULAN

KELAYAKAN MINIMUM:

- Mempunyai kelulusan dengan kepujian / kredit 4 mata pelajaran Sijil Am Pelajaran Brunei Cambridge Peringkat Biasa atau kelulusan yang diiktiraf sebanding dengannya oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- Telah berkhidmat dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam bidang yang berkaitan dalam tanggagaji E1 selama 5 tahun.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

- Kerani Perangkaan adalah dikehendaki antara lain mengumpul, menyemak dan menyusun perangkaan yang dikendalikan oleh pejabat ini. Perangkaan-perangkaan ini adalah didapati dari borang-borang pentadbiran pejabat ataupun dari temuduga-temuduga dengan orang ramai semasa membuat sesuatu pengkajian atau pembancian.

4. PENOLONG PEREKA RENDAH (BILANGAN KOD: 086 16 266)

(DI JABATAN RADIO TELEVISYEN BRUNEI, JABATAN PERDANA MENTERI)
TANGGAGAJI: D1-2-3 EB 4-5 \$ 530 - \$ 1,625 SEBULAN

KELAYAKAN MINIMUM:

- Mempunyai kelulusan dengan kepujian / kredit 4 mata pelajaran Sijil Am Pelajaran Brunei Cambridge Peringkat Biasa termasuk mata pelajaran Lukisan atau kelulusan yang diiktiraf sebanding dengannya oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- Telah berkhidmat dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam bidang yang berkaitan dalam tanggagaji E1 selama 5 tahun.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

- Mempunyai Sijil Kursus dalam bidang-bidang rekabentuk seperti interior design dan sebagainya adalah diutamakan.
- Satu ujian praktikal akan dijalankan di Jabatan Radio Televisyen Brunei untuk menguji kemahiran dan menentukan kelayakan calon-calon bagi jawatan ini.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

- Seksyen Reka Bentuk:** Membantu Pereka dan Penolong Pereka dalam menyediakan kerja-kerja reka bentuk, seperti lukisan-lukisan, pelan, membuat model bagi reka bentuk dan seumpamanya.
- Seksyen Grafik:** Membantu Pelukis Grafik atau Pelukis Animasi dalam menyediakan kerja-kerja grafik dan animasi seperti melukis, menyediakan bahan-bahan untuk grafik dan animasi dan seumpamanya.

5. PENOLONG KERJA LUAR (BILANGAN KOD: 084 70 134)

(DI JABATAN KERJA RAYA, KEMENTERIAN PEMBANGUNAN)
TANGGAGAJI: D1-2-3 EB 4-5 \$ 530 - \$ 1,625 SEBULAN

KELAYAKAN MINIMUM:

- Mempunyai kelulusan dengan kepujian / kredit 4 mata pelajaran Sijil Am Pelajaran Brunei Cambridge Peringkat Biasa termasuk satu mata pelajaran Sains atau kelulusan yang diiktiraf sebanding dengannya oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Calon-calon yang mempunyai kelulusan yang bersesuaian yang lebih tinggi adalah satu keutamaan. ATAU

- Telah berkhidmat dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam Bahagian V dalam tanggagaji E1 selama 5 tahun.

- Berpengalaman dalam kerja-kerja tapak bina, boleh membaca dan faham pelan-pelan bangunan dan kejuruteraan serta pernah mengikuti dan mendapat kredit dalam kursus-kursus yang diperlukan sama ada dijalankan dan/atau diakui oleh pihak Jabatan Kerja Raya, Kementerian Pembangunan adalah diutamakan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

- Bertanggungjawab kepada Pembantu Teknik Kanan.
- Membuat kerja-kerja mengukur dan ujian 'in-situ'.
- Membuat kerja-kerja memeriksa tapak dan kajian tanah.
- Menyediakan dan membuat laporan-laporan.
- Mengira bayaran pendaftaran.
- Menerima dan memproses permohonan bagi kemajuan yang dipohonkan.

6. PEMBANTU TAKLIMAT (BILANGAN KOD: 016 19 470)

(DI JABATAN PENERBANGAN AWAM, KEMENTERIAN PERHUBUNGAN)
TANGGAGAJI: D1-2-3 EB 4-5 \$ 530 - \$ 1,625 SEBULAN

KELAYAKAN MINIMUM:

- Mempunyai kelulusan dengan kepujian / kredit 4 mata pelajaran Sijil Am Pelajaran Brunei Cambridge Peringkat Biasa termasuk matapelajaran Bahasa Inggeris dan Ilmu Alam atau kelulusan yang diiktiraf sebanding dengannya oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- Telah berkhidmat dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam bidang yang berkaitan dalam tanggagaji E1 selama 5 tahun.

Calon-calon yang mempunyai kelulusan yang bersesuaian yang lebih tinggi adalah satu keutamaan. ATAU

- Telah berkhidmat dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam bidang yang berkaitan dalam tanggagaji E1 selama 5 tahun.

- Mempunyai pengalaman dalam bidang komputer adalah satu kelebihan.
- Fasih bertutur dan menulis dalam bahasa Melayu dan Inggeris.
- Mempunyai minat dan pengetahuan dalam hal-hal penerbangan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

- Penerimaan dan penilaian cerdik atas maklumat penerbangan lapangan-lapangan terbang di dalam dan di luar negeri.
- Penerimaan dan penilaian 'Flight Plan' sebelum dibahagi-bahagikan.
- Penyediaan 'Route Bulletin' harian.
- Penerimaan dan pengeluaran NOTAM.
- Menjalankan 'briefing' kepada jurutera-jurutera.
- Memberikan maklumat ketibaan dan keberangkatan kepada bahagian-bahagian yang berkenaan dalam pejabat.

7. PEMBANTU TEKNIK (BILANGAN KOD: 053 03 393)

(DI JABATAN MAJLIS MAJLIS MESYUARAT, JABATAN PERDANA MENTERI)
TANGGAGAJI: D1-2-3 EB 4-5 \$ 530 - \$ 1,625 SEBULAN

KELAYAKAN MINIMUM:

- Mempunyai kelulusan dengan kepujian / kredit 4 mata pelajaran Sijil Am Pelajaran Brunei Cambridge Peringkat Biasa atau kelulusan yang diiktiraf sebanding dengannya oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- Mempunyai kelulusan BDTVEC NTC 2 dalam bidang yang bersesuaian atau kelulusan yang diiktiraf sebanding dengannya oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Calon-calon yang mempunyai kelulusan yang bersesuaian yang lebih tinggi adalah satu keutamaan. ATAU

- Telah berkhidmat dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sebagai Pembantu Teknik Pelatih selama 3 tahun. ATAU
- Telah berkhidmat dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam Bahagian V dalam bidang yang bersesuaian dalam tanggagaji E1 selama 5 tahun.

- Keutamaan akan diberikan kepada calon-calon yang mempunyai sesuatu kelulusan teknikal dan berpengalaman yang berkenaan dengan alat-alat perkakas 'audio' seperti perakam suara dan lain-lain serta mengetahui kerja-kerja memotong/menyambung wayar-wayar elektrik.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

- Sebagai pembantu kepada 'Pembantu Teknik Kanan' dan bertanggungjawab menyediakan alat-alat 'audio' tape recorder di mana diadakan mesyuarat seperti Majlis Mesyuarat Diraja dan Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri Kabinet yang diadakan di Istana, menyelia alat-alat hawa dingin dan lampu-lampu.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

- Bertanggungjawab kepada 'Pembantu Teknik Kanan' dan bertanggungjawab menyediakan alat-alat 'audio' tape recorder di mana diadakan mesyuarat seperti Majlis Mesyuarat Diraja dan Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri Kabinet yang diadakan di Istana, menyelia alat-alat hawa dingin dan lampu-lampu.

8. PEMBANTU TEKNIK (016 03 393)

(DI JABATAN PENERBANGAN AWAM, KEMENTERIAN PERHUBUNGAN)
TANGGAGAJI: D1-2-3 EB 4-5 \$ 530 - \$ 1,625 SEBULAN

KELAYAKAN MINIMUM:

- Mempunyai kelulusan dengan kepujian / kredit 4 mata pelajaran Sijil Am Pelajaran Brunei Cambridge Peringkat Biasa atau kelulusan yang diiktiraf sebanding dengannya oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- Mempunyai kelulusan BDTVEC NTC 2 dalam bidang yang bersesuaian atau kelulusan yang diiktiraf sebanding dengannya oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Calon-calon yang mempunyai kelulusan yang bersesuaian yang lebih tinggi adalah satu keutamaan. ATAU

- Telah berkhidmat dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sebagai Pembantu Teknik atau jawatan-jawatan yang sebanding dengannya selama 3 tahun atau dalam tanggagaji E1 selama 5 tahun.

- Pernah mengikuti Industrial Training di Jabatan Penerbangan Awam adalah diberi keutamaan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

- Bertanggungjawab terhadap kerja pengendalian, pemeliharaan dan penyelenggaraan bagi semua sistem/peralatan elektronik yang telah ditentukan (baik di dalam atau pun di luar kawasan Lapangan Terbang Antarabangsa).
- Menyedia dan menghidupkan laporan teknikal bagi apa juga jenis kerosakan terhadap peralatan/sistem elektronik Lapangan Terbang Antarabangsa sebaik sahaja peralatan/sistem tersebut kembali beroperasi.
- Melaksanakan kerja penyelenggaraan rutin selaras dengan peraturan atau prosedur yang telah dipersetujui dan disahkan.
- Melaksanakan ubahsuai atau seumpamanya terhadap peralatan/sistem dengan betul lagi sempurna.

9. PEMBANTU TEKNIK (BILANGAN KOD: 030 03 393)

(DI JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK, KEMENTERIAN PEMBANGUNAN)
TANGGAGAJI: D1-2-3 EB 4-5 \$ 530 - \$ 1,625 SEBULAN

KELAYAKAN MINIMUM:

- Mempunyai kelulusan dengan kepujian / kredit 4 mata pelajaran Sijil Am Pelajaran Brunei Cambridge Peringkat Biasa atau kelulusan yang diiktiraf sebanding dengannya oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- Mempunyai kelulusan BDTVEC NTC 2 dalam bidang yang bersesuaian atau kelulusan yang diiktiraf sebanding dengannya oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Calon-calon yang mempunyai kelulusan yang bersesuaian yang lebih tinggi adalah satu keutamaan. ATAU

- Telah berkhidmat dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sebagai Pembantu Teknik Pelatih atau jawatan-jawatan yang sebanding dengannya selama 3 tahun. ATAU
- Telah berkhidmat dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam Bahagian V dalam tanggagaji E1 dalam bidang yang berkaitan dengan Elektrik selama 5 tahun.

- Telah berkhidmat dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam Bahagian V dalam tanggagaji E1 dalam bidang yang berkaitan dengan Elektrik selama 5 tahun.

10. PEMBANTU TEKNIK (BILANGAN KOD: 057 03 393)

(DI JABATAN KEMAJUAN PERUMAHAN, KEMENTERIAN PEMBANGUNAN)
TANGGAGAJI: D1-2-3 EB 4-5 \$ 530 - \$ 1,625 SEBULAN

KELAYAKAN MINIMUM:

- Mempunyai kelulusan dengan kepujian / kredit 4 mata pelajaran Sijil Am Pelajaran Brunei Cambridge Peringkat Biasa atau kelulusan yang diiktiraf sebanding dengannya oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- Mempunyai kelulusan BDTVEC NTC2 dalam bidang yang bersesuaian atau kelulusan yang diiktiraf sebanding dengannya oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Calon-calon yang mempunyai kelulusan yang bersesuaian yang lebih tinggi adalah satu keutamaan. ATAU

- Mempunyai kelulusan BDTVEC NTC2 dalam bidang yang bersesuaian atau kelulusan yang diiktiraf sebanding dengannya oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- Telah berkhidmat dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam bahagian V dalam tanggagaji E1 selama 5 tahun dalam bidang yang berkaitan.

- Mempunyai pengalaman dalam salah satu bidang-bidang berikut di bawah ini adalah satu kelebihan:

- Meneliti tuntutan kerja dari pemborong termasuk meneliti kerja-kerja yang telah dilaksanakan serta bahan-bahan penggunaan di pertapakan dan mengesahkan bayaran kemajuan bagi kerja-kerja yang telah siap.
- Menyemak dan menganalisa sebut harga yang diterima.
- Memeriksa atau mengawasi kerja-kerja konkrit bertulang dan tapak-tapak bina dalam kerja-kerja 'concreting' dan menanam cerucok yang sedang dijalankan. Pengalaman dalam kerja konkrit dan pailing. Pengetahuan reka bentuk struktur bagi binaan-binaan konkrit bertulang juga diperlukan.
- Pemeliharaan dan pembinaan bangunan.

- Memeriksa atau mengawasi kerja-kerja konkrit bertulang dan tapak-tapak bina dalam kerja-kerja 'concreting' dan menanam cerucok yang sedang dijalankan. Pengalaman dalam kerja konkrit dan pailing. Pengetahuan reka bentuk struktur bagi binaan-binaan konkrit bertulang juga diperlukan.

- Pemeliharaan dan pembinaan bangunan.

11. PEMBANTU TEKNIK (BILANGAN KOD: 112 03 393)

(DI KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA)
TANGGAGAJI: D1-2-3 EB 4-5 \$ 530 - \$ 1,625 SEBULAN

KELAYAKAN MINIMUM:

- Mempunyai kelulusan dengan kepujian / kredit 4 mata pelajaran Sijil Am Pelajaran Brunei Cambridge Peringkat Biasa atau kelulusan yang diiktiraf sebanding dengannya oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- Mempunyai kelulusan BDTVEC NTC 2 dalam bidang yang bersesuaian atau kelulusan yang diiktiraf sebanding dengannya oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

11.25	SUKAN OLIMPIK - 'Acara Kemuncak Harian'
12.25	SURAH YAASIIN
12.45	DOA DAN SIARAN TAMAT

JUMAAT 29 SEPTEMBER

PAGI

6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
6.02	AL-QURAN
6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00	BERITA
9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan
10.00	SUSUNAN RANCANGAN
10.05	SIARAN LANGSUNG SUKAN OLIMPIK
11.30	BERITA
11.40	SUKAN OLIMPIK - Sambungan
12.30	SEMBAHYANG FARJU JUMAAT - Siaran Langsung

PETANG

1.30	SUKAN OLIMPIK - 'Sambungan'
3.23	AZAN ASAR
3.28	SUKAN OLIMPIK - Sambungan
5.45	BERITA RINGKAS
5.55	SUKAN OLIMPIK - Sambungan
6.16	AZAN MAGHRIB
6.21	SUKAN OLIMPIK - Sambungan

MALAM

7.23	AZAN ISYAK
7.28	LIPUTAN SEMASA
8.00	BERITA NASIONAL
8.50	DRAMA RTB - DURATUL HIKMAH
9.25	FIT FOR THE WILD ADAPTED TO AFRICA - 'Adapted To The Semi Desert'
10.00	NEWS AT 10
10.30	KHUTBAH JUMAAT
10.45	DOKUMENTARI

11.25	SUKAN OLIMPIK - Acara Kemuncak Harian
12.25	DOA DAN SIARAN TAMAT

SABTU 30 SEPTEMBER

PAGI

6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
6.02	AL-QURAN
6.12	RAMPAI PAGI - BERITA
9.00	SIARAN LANGSUNG SUKAN OLIMPIK
9.15	SIARAN LANGSUNG KONVOKESYEN UBD
12.12	AZAN ZUHUR
12.17	SIARAN LANGSUNG SUKAN OLIMPIK
12.30	BERITA
12.40	SUKAN OLIMPIK - Sambungan

PETANG

2.00	SIARAN LANGSUNG KONVOKESYEN UBD
3.23	AZAN ASAR
3.27	KONVOKESYEN UBD - Sambungan
4.00	SIARAN LANGSUNG SUKAN OLIMPIK
5.45	BERITA RINGKAS
5.55	SUKAN OLIMPIK - Sambungan
6.15	AZAN MAGHRIB
6.20	SUKAN OLIMPIK - Sambungan

MALAM

7.22	AZAN ISYAK
7.30	DUNIA ASIA
8.00	BERITA NASIONAL
8.45	KE ARAH APEC 2000
9.00	VARIASENI
9.50	TAYANGAN GAMBAR - 'Race The Sun'
10.00	NEWS AT 10
10.30	TAYANGAN GAMBAR - Sambungan
11.50	SUKAN OLIMPIK - 'Acara Kemuncak Harian'
12.50	DOA DAN SIARAN TAMAT

AHAD 1 OKTOBER

PAGI

6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
6.02	AL-QURAN
6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00	BERITA
9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan

10.00	SUSUNAN RANCANGAN
10.10	SIARAN LANGSUNG SUKAN OLIMPIK
11.30	BERITA
11.40	SUKAN OLIMPIK - Sambungan
12.12	AZAN ZUHUR
12.17	SUKAN OLIMPIK - Sambungan

PETANG

3.23	AZAN ASAR
3.28	SUKAN OLIMPIK - Sambungan
5.00	UPACARA PENUTUP RASMI SUKAN OLIMPIK
5.45	BERITA RINGKAS
5.55	UPACARA PENUTUP RASMI SUKAN OLIMPIK - Sambungan
6.15	AZAN MAGHRIB
6.20	UPACARA PENUTUP RASMI SUKAN OLIMPIK - Sambungan

MALAM

7.22	AZAN ISYAK
7.27	PENUTUP RASMI SUKAN OLIMPIK - Sambungan
8.00	BERITA NASIONAL
9.15	TIRAI KELUARGA - 'Chinak'
10.00	NEWS AT 10
10.30	TIRAI KELUARGA - Sambungan
11.25	SUKAN OLIMPIK - 'Acara Kemuncak Harian'
12.25	DOA DAN SIARAN TAMAT

ISNIN 2 OKTOBER

PAGI

6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
6.02	AL-QURAN
6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00	BERITA
9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan
10.00	SIARAN TAMAT

PETANG

4.00	LAGU KEBANGSAAN
4.02	AL QURAN
4.15	ANIMATION HOUR: BEAST WARS/ZIRKOS KIDS
5.00	TRAP TRIP -
5.15	ASIAN WEDDINGS - 'Union Of The Heart (Melayu Pahang)
5.45	BERITA
5.55	BIMBINGAN MUKMIN - Sambungan
6.14	AZAN MAGHRIB
6.20	AL QURAN

6.30	ASBABUN NUZUL
------	---------------

MALAM

7.00	LIPUTAN SEMASA
7.21	AZAN ISYAK
7.30	MEDICAL DETECTIVES - 'Something Fishy'
8.00	BERITA NASIONAL
8.45	INDUSTRI BRUNEI
9.00	KE ARAH APEC 2000
9.15	DRAMA CO PRODUCTION: 'Manja-Manja Piabong'
10.00	NEWS AT 10
10.30	TEKAD
11.00	FORUM: AGENDA -
12.30	DOA DAN SIARAN TAMAT

SELASA 3 OKTOBER

PAGI

6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
6.02	AL-QURAN
6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00	BERITA
9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan
10.00	SIARAN TAMAT

PETANG

4.00	LAGU KEBANGSAAN
4.02	AL QURAN
4.12	SUSUNAN RANCANGAN
4.20	ANIMATION HOUR: DRAGON TALES/ANIMAL CRACKERS
5.00	THE ULTIMATE ADVENTURES WITH NICHOLAS
5.45	BERITA
5.55	THE ULTIMATE ADVENTURES WITH NICHOLAS - Sambungan
6.00	BIMBINGAN MUKMIN
6.14	AZAN MAGHRIB
6.20	AL QURAN
6.30	DRAMA CO PRODUCTION: MEGA MEGA HITAM - Ulangan

MALAM

7.00	OUTWARD BOUND - 'Solitaire'
7.21	AZAN ISYAK
7.30	DOKUMENTARI: DESTINASI
8.00	BERITA NASIONAL
8.45	DOKUMENTARI: ANUGERAH CEMERLANG PERKHIDMATAN AWAM
9.35	CRUSADE - 'War Zone' - (siri baru)
10.00	NEWS AT 10
10.45	SOLDIER OF FORTUNE - 'Deja Vu' PLII
12.30	DOA DAN SIARAN TAMAT

SELALU, kalau aku duduk-duduk merehatkan badan di anjur flat, aku termenung beberapa ketika sambil melihat ke sekeliling kehijauan hutan-hutan yang berdekatan di tempat itu.

Menghitung-hitung hari yang ada sisa untuk dapat meruangkan waktu mengunjungi ibuku di kampung.

Begitu pun sekelumit waktu sangat sulit hendak dijadikan penetapan jitu dan ianya satu enigma kelangsungan yang amat lama.

Itu satu moto hidup membuatkan aku banyak sengap dari mengerjakan sesuatu yang lebih manfaat, namun aku tetap berusaha untuk menaikkan gaya baru dalam hidupku!

Dalam usaha hendak berjumpa ibuku, akhir-akhir ini agak sempit tanpa peluang bagi melesutkan masa. Kegagalan itu disebabkan masa berbagai tindihi tugas harian dalam pejabat, kadang-kadang masa sehari suntuk baru aku berada di rumah bersama suami dan anak-anak yang dikasihi, itu pun kalau sama-sama mendapat off.

Kalau tidak aku saja sendiri di rumah bersama amah dan anak-anak, meskipun demikian keadaannya, aku masih kesunyian. Ada sesuatu yang aku perlukan, merindui ibu dan pada pihak keluargaku di kampung.

Aku semestinya suka pada mendampingi sesiapa saja. Aku tidak segan bergaul dengan orang bandar.

Aku dapat suai kenal dengan mereka rakan sekerja. Terhadap Abdul dia seorang yang tahu menilai kasih sayang padaku. Apa jua perasaanku. Abdul cepat memahami akan sikap dan perangka yang semula jadi.

Rasanya ia seorang yang berbudi pekerti luhur, penimbang rasa. Pendek kata : Susah sama susah, senang sama senang, tidak berat sebelah.

Begitulah seuntai firasat baik, yang selalu aku ucapkan bersama naiknya mentari pagi, pada setiap salatku sentiasa dipohonkan doa dalam kebaikan jua untuk keluargaku.

Abdul faham akan dirinya sebagai berkewajipan untuk diriku dan dirinya juga.

Tidak lalai dengan urusannya tentang keluarga, walaupun pada kedua belah pihak sekali. Sebagaimana juga Abdul mengasihiku.

Namun apa yang selalu aku nikmati itu. Sekali-sekala aku tidak melupakan ibu di kampung.

Di sebuah kampung suasana nyaman bertasik sejuk dan indah, hutan kehijauan Bukit Belalong murni.

Kerinduan itu lebih teringat lagi akan ibu yang sudah tua, satu-satunya yang amat aku kasihi, juga pada bapaku.

Kalau sebut lagi Kampong Piasau-Piasau, itulah rupanya tempat tumpah darahku.

Saat pertama aku dilahirkan ke dunia, pengeluaranku dari dunia luas menuju ke dunia sempit, rahim ibu itu dunia istimewa.

Ketika aku lihat pertama kali dunia fana ini, aku dikumandangkan dengan serangkap kamat, dilaungkan dengan merdunya mendayu-dayu hingga melampaui udara.

Aku diasuh bagai minyak penuh ditatang, sejak kecil kemestaraan itu dibelai sehingga aku berangkat remaja dan muda belia.

Itulah kewajipan seorang ibu dan kasih sayang selalu tumpah pada anaknya. Bagaimana beban ibu harus terbalas?

Pada ayahku pula, kesukaannya bagi menyara hidup keluarga. Suka memburu binatang, seperti pelanduk, landak, kijang dan ayam hutan.

Kalau tidak ke laut, ayah juga pergi ke kuala-kuala sungai Bangar memasang bubu dan mengail, dari hasil tangkapannya itu ada bermacam-macam jenis ikan dan udang



galah.

Dari pencarian itu ayah dapat menampung sara hidup untuk keluarga, begitulah nasib hidup kami.

Yang hidup dari mencari rezeki yang boleh dimakan secara langsung tanpa tertangguh, keadaannya pun nampak utuh, sedap hati dan halal dimakan.

Lupakan itu hanya cerita biasa, yang dapat didengar dari mana pun juga berada tanpa perbezaan!

Kerana kehidupanku terlahir daripada banyak manusia sejagat. Hanya kisahku semasa kecil hingga berangkat remaja, selalu berdampingan ibu dan ayah, juga adik-adikku dalam keharmonian.

Hubungan itu aku dapat merasakan betapa juga indahnya kesan dari kemesraan semula jadi dan di sana terbitlah macam mana mesranya antara kasih sayang dan kerinduan tanpa tercemar oleh kepercikan sosial di bandar.

Aku amat kagum dengan kegemilangan kasih sayang yang menguntumkan mekar wangi di dusunku, tiada hilang dengan budaya yang menebar ke jiwaku pada ketika itu.

Segalanya itu bukanlah sesuatu salinan yang boleh direka-reka oleh banyak pengkaji tradisi dan tiada siapa ingin menggalinya ke akar umbi.

Tetapi setelah aku dapat lembaran kerja sebagai Wataniah Bomba di Airport Lama selama beberapa tahun ke belakangan ini.

Rasanya aku rindu benar dengan kampungku di Piasau-Piasau, selama aku berteduh di bandar. Aku telah banyak mengenal kesibukan, alam sosial dan berbagai bentuk gaya baru yang setiap hari aku saksikan.

Budaya asli yang aku lihat di dusun amat jauh berbeza dan nampaknya tiadalah pererapan susuk budi pekerti dalam keindahan.

ANTARA KASIH DAN KERINDUAN

Itu ceritaku semasa aku dalam khidmat, apa yang kupandang semuanya kenyataan.

Tiada ada yang bila. Setelah aku menghadapi satu tugas dunia wataniah bidang kebakaran memanglah menjadi cabaran yang menarik aku untuk menceburi sedalam mana setelah menuangkan pengalaman begini.

Bagaimana api menyala dan asap yang berkepul memanjat angkasa menuju sekumpulan awan dan bersatulah pada kehebatan yang tiada siapa yang mengaguminya lagi.

Begitulah satu cabaran semangat di hatiku, sebuah cintaku makin mendalam dan hanya untuk mengenakan pakaian seragam biru secara lengkap sekemasnya.

Masa itu! Adalah hariku untuk menyumbangkan bakti pada watan dan bangsaku seribu dalam seorang akulah pengisi erti.

Walaupun perpisahan jauh amat menyayat hati, kerana ibu seorang dan keluarga, rasanya terbelalah kewibawaan itu demi mempertahankan juang nasib terletak pada yang yakin diri bagi membetulkannya kepada tujuan membela kehidupan hakiki nanti.

Sebagai semula kasihku pada Abdul yang aku perolehi dari nadi dan darah, juga keringat. Pada Abdullah 'cintaku' pertama kali tiada yang kedua lagi.

Aku dengan Abdul sama setugas membangun nadi mencegah kebakaran di mana-mana saja, sama ada di cawangan

AKU amat kagum dengan kegemilangan kasih sayang yang menguntumkan mekar wangi di dusunku, tiada hilang dengan budaya yang menebar ke jiwaku pada ketika itu.

laut, api laut dan juga di darat.

Satu pengalaman buatku dan bagi Abdul untuk mengetahui persekitaran Kampong Ayer untuk melihat punca-punca asap mengepul di udara atau mengenal sebab bermulanya kenapa jadi terbakar sama ada sengaja atau sebaliknya.

Sewaktu-waktu Abdul juga dikehendaki untuk melayakkan tugas ke operasi 'B' dan Abdul juga sedia mengganti pegawai yang sedang bercuti.

Abdul sudah biasa ditugaskan begitu tanpa ada kesulitan ke atasnya. Apa saja perintah yang diarahkan padanya tiada ingin bantah selagi ianya benar-benar ingin berbakti, asalkan

arahan itu bersesuaian dengan keadaan dan tempat.

Itu satu kemudahan bagi suamiku, kemudahan lain belum ada. Doa saja yang dapat memberi pertolongan akan nasib kami, seperti kenaikan pangkat dan prestasi kerja, semoga Tuhan akan mengetahuinya apa-apa kebaikan yang telah diperbuat itu.

Tetapi dalam pekerjaan itu, banyak baik daripada tidak. Kemudahan juga ada menepati janji seorang pegawai yang suka penimbang rasa dan memahami latar belakang pada ahlinya, di bawah jagaannya.

Ianya serba boleh untuk mencari sasaran yang berwa-

Lihat muka 13



PUISI PUISI PUISI PUISI

HARI GURU JASA DIKENANG

Mariabat guru sepanjang zaman
guru pelita pendidik mencurahkan segala ilmu
anak murid mula belajar
apa pun tak tahu.

Hanya boleh melihat mendengar mata
terkelip-kelip
melihat warna merah hijau biru sebagainya
pun cingcong dan teraba-raba
mungkin belum pasti pada petunjuk guru.

Hendak bercakap malu takut ragu dan
tak tahu
terpinga-pinga pensel dipegang pun
tak menentu
apatah lagi menulis lintang pukang
berkecukuk
tak menentu hujung pangkal rendah dan
tinggi.

Dan bermacam lagak gerak caranya
kadang menangis tersedu-sedu air mata
ingus beraliran
nah berkat usaha demi usaha guru-guru
dedikasi
bertungkus-lumus kerana anak bangsa.

Penuh sabar atas tanggungjawab dirinya
guru
berjaya menunjuk yang mana hujung dan
pangkal
darimulah oh! 1...2...3... dari a...b...c...
dan alif ba ta ...
akhirnya faham dari a - z, alif - hamzah.

Mula darjah 0 ke satu dua tiga
di sekolah kerajaan swasta dan sebagainya
syabas diucapkan kepada guru yang
dihormati
seder mendidik anak peribumi seikhlas jiwa
dan raga.

Saudara kenanglah jasa guru-guru
yang masih hidup yang sudah pergi
hasil murni mereka bagaikan cendawan
tumbuh di waktu pagi
ramai yang berjaya ke menara gading
memakmur minda.

Kedokteran, enjinier, korporat, ustaz dan
pensyarah sebagainya
di dalam dan ke luar negara
biasiswa kerajaan, swasta dan sendirian
(saudara) bayangkanlah nanda imbas
sedikit.

Tugas guru lela sulit dan mencabar
pelbagai tempat tak kira di mana, bandar,
desa, kampung dan pedalaman dan
otak-otak sungai bergelut dengan pihak
ranggit dan sebagainya.

Beraneke kekurangan teraba-raba
berat mata memandang lagi berat buhu
memikul.

Begitulah liku-liku sepiantas gambaran
Hari Guru kita raya menjadi tradisi
huncur badan dihimpi tanah
jasa dan budi dikenang selama-lamanya.

Hanyalah secebis puisi sumbangan dan
terima kasih
tahniat jasamu tetap dikenang.
Wisma (2).

BUDI PEKERTI SEORANG GURU

Duhai anakku
hari ini 23 September 2000
Hari Guru dikenang di alaf baru
mulutlah pandang ke depan
dirimu yang baru dipanggil CIKGU
bererti
baru mengenal tingkah laku anak-anak
di sinilah titik bermula
bagaimana rasanya
menjadi seorang guru
berbisik jua rasa hatimu
kerana menjadi guru ini
bukan impian diri
tetapi apakah daya

kita hidup hari ini
berada di tengah-tengah cerdik pandai
yang hanya tahu
berbicara tidak serupa bikin.

Anakku sayang
apa pun cara
jauhkan dari sudut hatimu
jangan ada rasa dendam
walau suatu ketika dulu
dirimu pernah menjadi seorang murid
nampak tidak nakal
tetapi kerana hormat pada kawan
dirimu sanggup didenda
berpanas dekat tiang bendera.

Apa yang kau rasa
jangan dirasakan pada anak-anak orang
biar itu jadi pengajaran
bukan termasuk dalam mata pelajaran.

Ingatlah
dirimu sekarang seorang guru
menjadi pengasuh, pendidik
pada anak bangsa sendiri
di hadapanmu
bukan dirimu di musim lalu
itu adalah anak-anak orang
yang mohon bantuanmu
senakal apa pun anak-anak itu
patahkanlah
dengan keharmonian
sopan santunmu
wajah nampak garang
tetapi
di sudut hatimu
ada rasa belas kasihan
punya rasa kasih sayang
seperti jua dirimu mengasahi adik-adikmu.

Demikianlah anakku
untuk menjadi guru yang cemerlang
bukan seperti kau mencurahkan
air di kolam
ada rintangan
ada juga penghalang
disebut saja senang
sedangkan diri masih ada kekurangan.

Ingat anakku
guru bagi pelita
merintis jalan dari kegelapan
ketakwaan, keimanan pasti ada
agar anak-anak itu akan tahu
tanpa guru tanpa berilmu
jika tiada siapa diri kamu
nantinya samalah seperti
ada pelita tanpa sumbu.

Hajjah Rafiah Bakar.

GURU PERTIWI

Guru,
perit dan pedihmu terasa
sehangat sahara
hangat perasaan membeku.

Semua tindakanmu bermakna
seluruh pancaindera merasakannya
sungguhpun engkau tidak bersenjata
namun kehebatanmu tak terkata.

Telunjukmu merupakan racun
racun yang mengubati racun yang lain
seperti kilat
kesannya di hati terpacu.

Datang dan hadirmu berselisih
pergi dan hilangmu berganti
menerokai alam
yang dahulunya pernah kau rasai.

Dugaanmu masih banyak lagi
maka janganlah berhenti
seloka ini membawa
ke jalan yang diredai Allah.

Bertudung, bersongkok
keterampilan yang menyerlah
beragama, berakhlak mulia
baik sungguh tatasusila.

Kampus.

DARI MUKA 12

wasan kepada matlamat yang
dihajati.

Aku rasakan begitulah se-
panjang pengamatan melalui
tugas-tugas tertentu, tidak tahu.
Apakah aku lebih jauh menda-
lami pihak atasan itu bersikap
penilai terhadap bawahannya
atau di sebaliknya!

Aku harus dapat meng-
alami, seorang yang diharap-
kan, tiada akan makan orang
dan menakut-nakutkan atau
menyalahkan pendiriannya,
malah ia lebih jauh memikirkan
dirinya dan pada manusia se-
jagat pada semua bangsaku.

Ini soal tugas, tidaklah kena
mengena dengan sesiapa pun,
melainkan untuk aku semata.

Namun membolehkan men-
cari perbezaan kembar sebab
dan fakta pada kemungkinan
waktu berlaku sesudah sama-
sama memerlukan bangsaku.

Lupakan itu, tak mungkin
semuanya ini, segala sikap dan
lakuku akan diperkembangkan
jadi piagam tujuan tertentu!

Kalau secara begini hanya
soal biasa, mana ada kompromi
dan malah tiada siapa yang
dapat memikirkannya lagi ber-
larut-larut.

Habis-habis cukup umur
dalam tugas pulang kampung,
aku tentunya akan lenyap
bersama Abdul dengan tanpa
alasan dan penuh kesendirian
tanpa apa-apa di balik nostalgia
itu.

Aku terkenangkan selain
tugas harian juga ibuku yang
jauh di mata pada setiap saat,
mengengannya dan pada setiap
tempat di mana pun aku berada.

Yang paling dekat hanya
keluarga Abdul, pihak keluarga
Abdul saja. Tapi bagaimana
ibuku dan di pihak keluargaku.

Rasanya ada lagi nasib
berbelah bagi pada Abdul, ke-
sayangan Abdul pada ibu dan
ayahnya begitu sering, tiada
luput dari mata, bahkan setiap
hari tetap hadir.

Aku bukan iri pada yang
sedia ada, bila aku jarang mere-
nung wajah ibuku dan juga
ayah disayang.

Ini cuma satu tahun sekali,
kalau Hari Raya Aidilfitri baru
jumpa mereka atau pada masa
hari kelepasan panjang, itu pun
enam bulan ke lapan bulan!

Ada rasa pilih kasih pada
diri Abdul, aku terpaksa menu-
rutnya, kerana ianya pelindung-
ku yang diharap bukan meng-
harap.

Tapi aku, kedua-duanya aku
tetap inginkan melihat, tiada
berat berpihak pada sebelah
saja. Namun kecintaan dan ke-
mesraan rasa muhibah sama-
sama dinikmati, hubungan
sama, sekurang-kurangnya se-
akan-akan sama setimbang, ke-
rana kasih sayang itu tiada yang
serupa, ia tetap satu tidak me-
nyerupai.

Aku rasa kesepian macam
terpenjara serumah dengan ke-
luarga Abdul, bukan bosan.
Tapi istilah 'peluang' bertemu
ibu hampir pupus.

Sehingga aku bersama
Abdul mendapat flat yang di-
unggayahkan oleh kasihan
jabatan. Aku tidak lupa sumba-
ngan itu kerana dapat berdikari
untuk hidup lebih merdeka
macam orang lain rasakan.

Di sini ada kelainan buatku.
Tiada ada guna hanya ke-
sendirian semata mengurung di
flat tanpa mengetahui luaran.
Kalau ada pun cuma beli sayur,
ikan ke pasar atau ada kurang
barang barulah keluar.

Itu saja ingatan Abdul
padaku. Kasihku pada sang ibu
semakin lemas oleh keadaan
yang begitu berlapis-lapis di-
tanggukkan atau ada alasan
tunggu dan tunggu masa tak
mengizinkan untuk hijrah ke
rumah ibuku, habis-habis di-
tangguk lagi.

Bukankah lebih adil sama
sebanding!

Air matakku bukan sedikit
keluar tanpa setahu Abdul, ke-
adaan itu dapat disembunyikan,
jangan ketahuan. Kasih sayang
pada Abdul tetap abadi tiada
berubah, tapi juga pada ibu
tidak dapat dipisah-pisahkan,
jangan tidak pernah terjadi atau
memakan jarak yang lebih me-
nyayat perasaan.

Aku masih pertahankan be-
gitu walaupun seberat mana de-
rita nurani. Sekuntum senyum
tetap aku merakkan malar pada
Abdul tanpa ada perubahan ke
atasnya.

Lama kelamaan Abdul juga
akan mengerti bering perasaan-
ku, walaupun tanpa aku katakan
kepadanya, tapi juga bagaimana
kebutuhannya kecintaan untuk ibu
itu.

Tidak dapat aku bayangkan
kenikmatan tersendiri dan di
sana mulanya nadiku, darahku
segalanya akan lebih dalam ber-
ghairah tentang satu 'cinta'
yang tiada serupa itu.

Abdul tetap kecintaan yang
semula di samping kehidupan
aku dan pada Abdullah selalu
merukuni kecukupan yang
perlu ditambah kepada yang
lebih perlu memerlukannya
antara satu dengan lain.

Apakah aku ada sebelum
kehadiran Abdul? Atau Abdul
yang rela memulainya? Tetapi
tibanya macam gunung runtuh
tanpa paksaan yang mencabar
atau menggugatkannya!

Aku masih ingat kasih
sayangnya, ibu selalu sebut
namaku Misah atau lebih manis
Sah saja, namun tiadalah ada
kelainannya antara kepenuhan
namaku sekali ucap aku sudah
mengerti dan nampaknya di

sanalah terbitnya kasih sayang
dari kemanjaan seorang ibu.

Tapi apakah dayaku, aku
hanya seorang perempuan di
tangan orang, masih saja aku
menuruti kehendak.

Aku juga ingin lama keba-
hagiaan mungkin dapat diusah-
kan untuk membolehkan mahkota
semakin baik kecerahannya.

Jejakku terlalu jauh untuk
membelai kasih sayang tanpa
dijual beli dengan apa pun de-
ngannya tentang keadaan se-
makin berkembang, keluarga
makin bertambah dua cahaya
mata, ibu juga sangat rindu te-
ngok cucu.

Aku rasa bebanan itu amat
sulit lagi dari hari-hari berikut-
nya, maka semakin sempit pe-
luang hilang waktu.

Aku tidak melupai setiap
sembahyangku. Aku pohonkan
sekalung doa untuk kedua ibu
bapakku semoga sejahtera sihat,
rezeki bertambah.

Bila aku sangat menge-
nangnya tentulah ibu juga ba-
nyak memohonkan kesyukuran
kepadaku sebagai seorang
anak yang jauh di mata,
akan selalu mendatangkan ke-
baikan dan kesentosaan kedua
belah pihak.

Dan doaku pada Abdul atau
keringkasan namanya abang
Dul. Semoga ianya juga me-
nyintai kedua orang tuaku di
kampung, di samping mencari
kehidupan pagi dan petang.

Aku juga sangat bahagia,
kalau hari kelepasan Abdul juga
pergi ke laut menangkap ikan
laut.

Kadang-kadang hasil tang-
kapannya beroleh bermacam-
macam ikan laut yang ia dapati:
Ikan kerapu, sumbilang lumut,
pulut-pulut, gelama putih dan
utik sundut.

Dari cara ini dapatlah me-
nampung perbelanjaan dan me-
nambahkan penjimatan untuk
keluarga kami anak-beranak.

Aku dapat bagikan antara
kasih sayang dan kehidupan,
antara kejauhan rinduku, ham-
pir kasihku dan pada naluri rasa
tidak boleh dibayangkan den-
gan pencapaian perasaan se-
mata.

Malah tidak semestinya se-
kali gus urutan waktu mendam-
pingi kasih sayang yang sebe-
gitu halus diadun dari kasih
murni penuh dikaut dalam satu
masa!

Aku cuma terpacak di te-
ngah imbauan kasih dan kerin-
duan, keduanya tiada terutuhi
dalam jalinan waktu itu.

AIR matakku bukan sedikit keluar tanpa
setahu Abdul, keadaan itu dapat
disembunyikan, jangan ketahuan. Kasih
sayang pada Abdul tetap abadi tiada
berubah, tapi juga pada ibu tidak dapat
dipisah-pisahkan, jangan tidak pernah
terjadi atau memakan jarak yang lebih
menyayat perasaan.

Pelajaran Sejarah penting

LUMUT, 5 September. - Pelajaran Sejarah sangat penting dan perlu bagi menampakkan hubungan antara peristiwa masa lalu, kesannya pada masa ini dan implikasinya bagi masa depan.

Duta Besar Jepun ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Tuan Hajime Tsujimoto berkata demikian sejurus sebelum menyampaikan sumbangan berupa peralatan sekolah mengenai Negeri Jepun kepada Pengetua Sekolah Menengah Pengiran Anak Puteri Hajjah Rashidah Sa'adatul Bolkiah, Awang Haji Mohamed Hamdi yang diadakan di sekolah berkenaan.

Sumbangan daripada Kementerian Hal Ehwal Luar Jepun itu termasuk gelansar filem bertajuk Sejarah Moden Negeri Jepun, sehelai bendera dan beberapa buah buku mengenai negeri berkenaan akan dipamerkan sebagai koleksi Muzium Mini Sejarah bagi sekolah itu.

Sebelum itu Pengetua sekolah berkenaan berkata, para pelajarnya akan menghadapi pelbagai cabaran dan peluang di abad baru ini. Sebagai pendidik beliau sendiri bertanggungjawab mempersiapkan para pelajarnya untuk menjadi warga produktif yang cintakan bukan sahaja negaranya tetapi juga kepada masyarakat se-jagat.

Kejayaan itu katanya, bergantung kepada kemampuan penduduk menyediakan pengalaman pembelajaran yang bermakna. Melalui pertukaran pendidikan dapat mengembangkan ilmu pengetahuan serta kemahiran pelajar di masa hadapan.

Di majlis itu Tuan Yang Terutama berkesempatan me-

Oleh
Dk. Hjh. Saidah PHOA

lawat Muzium Mini Sejarah yang bertemakan 'Catatan Sejarah' untuk menyalurkan konsep-konsep penting yang terdapat daripada kurikulum sejarah Brunei melalui replika artifak yang sedia ada.

Muzium berkenaan ditubuhkan tahun lalu dengan kerjasama dan penglibatan para pelajar dan guru-guru sekolah berkenaan. Bagaimanapun ianya tidak akan berhasil tanpa sokongan, galakan dan bantuan rakan sebaya dan ibu bapa pelajar yang turut memberi sumbangan berupa pakaian-pakaian lama, wang syiling lama, tanduk binatang, pinggan mang-

kuk lama, tempayan lama dan replika pedang dan perisai kaum Iban.

Selain itu pelbagai koleksi lain yang ada di muzium itu termasuk replika mengenai sejarah Brunei dan negara Asia yang dihasilkan oleh pelajar-pelajar sekolah itu. Penubuhan muzium berkenaan diharap akan dapat memberi galakan para pelajar supaya lebih minati mata pelajaran Sejarah dan menanam kesedaran serta memahami tentang pentingnya mempelajari mata pelajaran berkenaan.



DUTA Besar Jepun ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Tuan Hajime Tsujimoto ketika menyampaikan sebahagian bahan pameran Muzium Mini Sejarah di Sekolah Menengah Pengiran Anak Puteri Hajjah Rashidah Sa'adatul Bolkiah, Lumut. - Gambar ihsan Law Hai Yul.

Guru digalakkan mempelajari perkara-perkara baru



PENOLONG Pengarah (Menengah) Jabatan Sekolah-Sekolah Kementerian Pendidikan, Awang Haji Bujang bin Haji Masu'ut selaku tetamu kehormat Majlis Penutup Program Induksi Sekolah Tahun 2000 bagi guru-guru siswazah baru berkhidmat di Sekolah Menengah Sayyidina Ali menyampaikan siji kepada seorang peserta yang mengikuti program tersebut. - Gambar ihsan Law Hai Yul.

KUALA BELAIT, 9 September. - Pengetua Sekolah Menengah Sayyidina Ali, Awang Koh Hong Puah berkata, bagi melaksanakan tugas sebagai seorang guru di sekolah, sikap mempelajari perkara baru dan berupaya mengubah sikap merupakan ciri yang amat dikehendaki.

Awang Koh Hong Puah berkata demikian di Majlis Penutup Program Induksi Sekolah Tahun 2000 bagi guru-guru siswazah yang baru berkhidmat di Sekolah Menengah Sayyidina Ali yang diadakan di Bilik Persidangan sekolah berkenaan.

Beliau berharap melalui pendedahan kursus selama empat hari itu, mereka akan dapat mendalami kefahaman mereka mengenai dengan sistem sekolah itu dan peraturan yang mengawal diri mereka sebagai pegawai kerajaan dan juga hak mereka sebagai pegawai kerajaan.

Beliau juga berharap usaha yang dibuat oleh pihak pentadbiran sekolah akan dapat dimanfaatkan oleh semua guru yang baru bertugas di sekolahnya.

Oleh Dk. Hjh Saidah PHOA

Selain itu harapannya kefahaman yang diperolehi daripada kursus tersebut akan dapat dijadikan pendorong untuk mereka melaksanakan tugas dengan penuh tanggungjawab, jujur dan amanah kerana mendidik anak bangsa adalah amanah negara kepada kaum pendidik.

Seramai 11 orang guru siswazah yang hampir kesemuanya lepasan daripada universiti luar negara dan seorang guru dari Kementerian Hal Ehwal Ugama yang tidak berpeluang menghadiri induksi anjuran Jabatan Sekolah-Sekolah dan Universiti Brunei Darussalam (UBD) pada bulan Julai lalu menyertai kursus tersebut.

Kursus berkenaan merupakan kesinambungan kursus yang telah dibuat oleh pihak Jabatan Sekolah-Sekolah dan UBD. Semasa kursus pada peserta didedahkan dengan pelbagai aspek yang banyak hubung kaitnya dengan tugas guru di sekolah serta disiplin dan prosedur, kaunseling dan peraturan am.

11 penuntut vokasional ikuti program latihan industri di Indonesia

Oleh Aliddin HM

BANDAR SERI BEGAWAN, 13 September. - Serombongan 11 orang penuntut Sekolah Vokasional Nakhoda Ragam bagi Kumpulan NTC2 (Elektronik) berlepas bagi mengikuti

program penempatan latihan industri selama tiga bulan di Pusat Perkembangan Pendidikan Vokasional (VEDC) Malang, Republik Indonesia.

Program penempatan itu adalah MOU antara VDEC dan SEAMEO-VOCTECH dan Sekolah Vokasional Nakhoda Ragam dan ianya pertama kalinya diadakan.

Objektif program penempatan itu, di samping memberi pendedahan dan pengalaman kepada para penuntut secara langsung dengan kerja-kerja yang sepatutnya mereka pelajari, di mana terdapat sungutan-sungutan daripada pihak majikan mengenai kekurangan penglibatan mereka dalam mengendalikan kerja-kerja tersebut

dan belum menaruh keyakinan dengan para penuntut kitani, apatah lagi para penuntut di peringkat vokasional.

Program penempatan ini juga bertujuan untuk memberi pendedahan kepada para penuntut kepada persekitaran dan suasana kerja yang baru, supaya dapat membuka minda, pandangan dan memperolehi pengalaman serta kemahiran yang baru dan meninggikan tahap serta memantapkan kemahiran yang sudah dipelajari.

Di samping itu juga, ianya dihasratkan bagi meyakinkan kepada ibu bapa atau menjaga bahawa sekolah ini benar-benar mengambil berat tentang pembelajaran anak-anak mereka dan meyakinkan bahawa latihan

bukan hanya boleh dilakukan di dalam negeri.

Pada bulan pertama, para penuntut akan ditunjuk ajar dengan kemahiran-kemahiran yang memerlukan 'refinement' dan pada bulan-bulan berikutnya, mereka dan ditempatkan di unit 'manufacturing' dan 'production' yang melibatkan pembuatan produk yang dipasarkan oleh Pusat Perkembangan Pendidikan Vokasional (VEDC) Malang, Republik Indonesia.

Turut menyertai rombongan itu ialah Pengetua Sekolah Vokasional Nakhoda Ragam, Awang Haji Ibrahim bin Haji Bagol dan Ketua Jabatan Elektrik dan Elektronik sekolah tersebut, Awang Mohd. Ali bin Haji Tamin.



KELIHATAN para penuntut Sekolah Vokasional Nakhoda Ragam bagi Kumpulan NTC2 (Elektronik) bergambar di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei sebelum berlepas meninggalkan Negara Brunei Darussalam menuju Malang, Republik Indonesia bagi program penempatan tiga bulan di Pusat Perkembangan Pendidikan Vokasional (VEDC) di sana. - Gambar oleh Haji Masmaleh HMA.

SUKAN SUKAN SUKAN SUKAN SUKAN



PEGAWAI Pelajaran Kanan, Jabatan Sekolah-Sekolah Daerah Temburong, Awang Lamat bin Haji Lakim menyampaikan hadiah kepada pemenang dalam Kejohanan Ping Pong. - Gambar oleh Aliddin HM.

Kejohanan Ping Pong

Ampuan Haji Rosli muncul juara

Oleh Aliddin HM

AMPUAN Haji Rosli bin Ampuan Haji Yusof muncul juara setelah Awang Jamil bin Abai tidak dapat meneruskan permainan disebabkan kejutan otot di Kejohanan Akhir Ping Pong Perseorangan Terbuka sempena ulang tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-54 Tahun bagi Daerah Temburong di Dewan Sekolah Menengah Sultan Hassan, Bangar pada 13 Ogos lepas.

Dalam set pertama, Ampuan Haji Rosli menang dengan kiraan mata 21-17, set kedua dalam kiraan mata 5-4. Awang Jamil tidak dapat meneruskan perlawanan seterusnya. Ketiga jatuh kepada Goh Chu Ing setelah mengalahkan Awang Zunaidi bin Zaman.

Pasangan Aliddin Haji Mokhtal dan Zunaidi Zaman muncul juara terbuka mengalahkan pasangan Goh Chu Ing dan Chan Mun Yok dengan kiraan mata 15-11, 21-17 dan 21-19. Tempat ketiga ialah pasangan Panjang Lamit dan Ahmad Haji Yahya.

Sementara dalam kategori berpasukan antara jabatan-jabatan kerajaan, Sekolah Menengah Sultan Hassan, Bangar muncul juara dengan menundukkan Jabatan Kerja Raya dengan kiraan 2-1, dan Jabatan Penerangan Temburong menduduki tempat ketiga.

Dalam perlawanan berpasukan antara mukim-mukim pula, Mukim Bokok 'A' muncul juara setelah menewaskan Mukim Labu 'A' dengan kiraan 2-1, dan ketiga dimenangi oleh Mukim Bangar 'B'.

Kejohanan tersebut disertai oleh 53 peserta perseorangan terbuka, bergu yang disertai oleh 16 pasukan dan berpasukan antara jabatan-jabatan kerajaan disertai oleh 12 buah pasukan dan berpasukan antara mukim-mukim pula disertai oleh lapan buah pasukan.

Perlawanan itu dikendalikan oleh ahli jawatankuasa perayaan sempena ulang tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan ianya merupakan acara tambahan pada tahun ini.

Penyampaian hadiah kepada para pemenang disampaikan oleh Cikgu Lamat bin Haji Lakim, Pegawai Pelajaran Kanan, Jabatan Sekolah-Sekolah Daerah Temburong.

Bola sepak 11 sepasukan

Oleh Haji Ahmad HS

KEJOHANAN Bola Sepak 11 Orang Sepasukan bagi Mukim Sungai Kebun, Daerah Brunei dan Muara dilancarkan dengan rasminya di padang Kampong Parit, Pengkalen Batu pada 15 September lepas.

Majlis pelancaran telah disempurnakan oleh Pemangku Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Awang Haji Mohd. Alimin bin Mohd. Tanjong.

Awang Haji Mohd. Alimin berkata, aktiviti bola sepak jika diperluaskan dalam sepanjang tahun melalui Majlis Perundingan Kampung, sekurang-kurangnya dapat juga mengelakkan kalangan belia-belia daripada terjerumus ke kancas antisosial di Mukim Sungai Kebun bahkan juga di mukim lain.

Perlawanan itu juga ujarnya, dapat memupuk semangat persaudaraan yang sudah ada dan dapat dikukuhkan di antara anak buah kampung, melalui Majlis Perundingan Kampung dan ketua-ketua kampung di Mukim Sungai Kebun pada keseluruhan.

Sebanyak 17 pasukan mengambil bahagian dalam perlawanan yang berjalan selama kira-kira sebulan yang mana dibahagi ke-



PEMANGKU Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Awang Haji Mohd. Alimin bin Mohd. Tanjong bergambar ramai bersama ahli-ahli Majlis Perundingan Kampung dan ketua-ketua kampung Mukim Sungai Kebun sejurus melancarkan Kejohanan Bola Sepak 11 Sepasukan bagi mukim tersebut. - Gambar oleh Harun HR.

pada tiga kategori iaitu khusus bagi ahli Jawatankuasa Majlis Perundingan Kampung, belia-belia yang berumur 19 tahun ke atas dan 18 tahun ke bawah.

Dalam perlawanan pembukaan bagi ahli Jawatankuasa Majlis Perundingan Kampung, pertemuan antara pasukan Bolkiah 'A' bertemu dengan pasukan Ujong Klinik. Dalam perlawanan lain dijadualkan berlangsung pada 22

September adalah pertemuan antara Sungai Siamas bertemu dengan Bolkiah 'B' di padang Universiti Brunei Darussalam lama.

Sementara perlawanan bagi kategori berumur 19 tahun ke atas bermula esok iaitu pertemuan antara Bolkiah 'A' bertemu dengan Setia 'A' dan bagi kategori 18 tahun ke bawah, pasukan pertemuan Setia 'A' melawan Sungai Siamas, kedua-

dua perlawanan berlangsung di padang UBD lama, Gadong bermula 4.00 petang.

Keseluruhan perlawanan akan berakhir penghujung bulan Oktober. Kejohanan bola sepak tersebut adalah merupakan salah satu projek yang diingakayahkan oleh penghulu dan ketua-ketua kampung serta ahli Jawatankuasa Majlis Perundingan Kampung, Mukim Sungai Kebun.

Pasangan adik-beradik kuasai badminton remaja

Oleh Samle HJ

MD. SYAZWAN Faiz dan abangnya, Abdul Rahman muncul juara perseorangan lelaki Kejohanan Badminton Remaja 2000 di Stadium Tertutup Kompleks Sukan Negara Hassan Bolkiah, 15 September lepas.

Md. Syazwan Faiz yang beraksi bagi kategori perseorangan lelaki 12 - 14 tahun tidak menghadapi masalah menewaskan adiknya, Md. Shyamil Fazrin dengan 15 - 6 dan 15 - 3.

Sementara, Abdul Rahman meneruskan kecemerlangan ketrampilan pemain adik-beradik itu dengan kejayaan menewaskan pencabarannya, Zulkifli Haji Salleh sekalipun terpaksa bermain sehingga tiga set sebelum memenangi 17 - 15, 15 - 7 dan 15 - 7.

Kemudian, Abdul Rahman yang berpasangan dengan adiknya, Abdul Rahim yang beraksi dalam bergu lelaki bagi 15 - 17 tahun terus menunjukkan penguasaan dan dengan mudah menewaskan pasangan Md. Rino dan Amry.

Pasangan bagi kategori bergu lelaki 12 - 14 tahun pula dijuarai oleh pasangan Hasmandy/Awangku Norazaimi setelah mengalahkan

pasangan Md. Syazwan Faiz/Md. Shyamil Fazrin.

Bagi acara perseorangan perempuan 15 - 17 tahun telah dijuarai oleh Siti Norasmah Safar, manakala Noorhanim Haji Baha memenangi dalam kategori 12 - 14 tahun.

Noorhanim yang berpasangan dengan Khairunnisa menjuarai bahagian bergu perempuan 12 - 14 tahun selepas mengalahkan pasangan Siti Norfaridah/Norazila, sementara pasangan bergu perempuan 15 - 17 tahun, Saidanah/Mardinah telah memastikan kejuaraan bagi acara itu milik mereka.

Kejohanan julung kali itu adalah anjuran Jabatan Belia dan Sukan yang juga dihasratkan bagi memberi peluang kepada pemain-pemain junior memperlihatkan kebolehan mereka, selain akan memilih pemain-pemain yang akan diserapkan selaku pemain pelapis negara.



KAMI JUARA Barisan juara lelaki remaja di perlawanan akhir Kejohanan Badminton Remaja 2000. - Gambar oleh Hamadi HM.



JAGUH ADIK-BERADIK Md. Syazwan dan Md. Shyamil menunjukkan pingat kemenangan perseorangan lelaki 12 - 14 tahun. - Gambar oleh Hamadi HM.

SUKAN SUKAN SUKAN SUKAN SUKAN

Mesyuarat
agung
Persatuan
Pengadil
Bola Sepak

Oleh Haji Ahat HI

PERSATUAN Pengadil Bola Sepak Negara Brunei Darussalam akan mengadakan mesyuarat agung pada 24 September, 2000, jam 8.30 pagi bertempat di Dewan Kuliah Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas.

Sehubungan dengan itu, para pengadil bola sepak Negara Brunei Darussalam, Belait, Tutong dan Temburong dialu-alukan untuk menghadiri mesyuarat tersebut.

Antara agenda yang akan dibincangkan nanti ialah laporan Setiausaha Agung, laporan Bendahari Agung, membubarkan Ahli Jawatankuasa Tertinggi 1999/2000 serta melantik Ahli Jawatankuasa Tertinggi Tahun 2000/2001.

100 meter Sukan Olimpik Sydney Haseri gagal cipta rekod kebangsaan



HASERI Asli menduduki tangga ke-8 daripada sembilan peserta dengan masa catatan 11.11 saat di Stadium Olimpik Sydney.



PESURUHJAYA Polis Diraja Brunei, Dato Paduka Seri Haji Yaakub (terlindung) ketika menyampaikan piala kepada ketua Pasukan Polis Diraja Brunei setelah pasukan tersebut berjaya muncul sebagai juara dalam Sukan Tahunan Tiga Wilayah iaitu pasukan Polis Sarawak, Sabah dan Negara Brunei Darussalam yang berlangsung awal bulan September lepas. - Gambar oleh Masri Osman.

Kadet SMSH juara rentas desa berpasukan

Oleh Haji Ahat HI

PASUKAN Kadet Tentera Sekolah Menengah Sultan Hassan, Bangar, Temburong muncul juara berpasukan Kejohanan Rentas Desa Antara Kadet Sekolah Senegara dengan mencatatkan 94 mata dan sekali gus merebut piala rebutan yang sebelum ini disandang oleh Sekolah Menengah Muda Hashim, Tutong.

Sekolah Menengah Pengiran Isteri Hajjah Mariam, Serasa, menduduki tempat kedua dengan mencatat 153 mata, manakala tempat ketiga disandang oleh Sekolah

Menengah Sayyidina Hassan dengan 211 mata.

Dalam bahagian individu pula, pelari dari Sekolah Menengah Mengliat, Mohd. Yusmin Hatta bin Md. Yusof muncul juara dengan catatan masa kepantasan 44.33 saat.

Tempat kedua, peserta dari Sekolah Menengah Sultan Hassan Bangar, Temburong, Awang Azman

bin Ambran dan diikuti tempat ketiga oleh peserta dari Sekolah Menengah Mengliat, Md. Wartu bin Yusof.

Peserta Sekolah Menengah Pengiran Isteri Hajjah Mariam, Serasa, Raziman bin Hussain menduduki tempat keempat dan kelima, Ahmad bin Redzuan mewakili Sekolah Menengah Awang Se-maun.

Tempat keenam dan ketujuh masing-masing dikuasai oleh peserta dari Sekolah Menengah Sultan Hassan, Bangar, yang terdiri dari Mohd. Razib bin Sabtu dan Md. Azni bin Yahya.

Seterusnya Sekolah Menengah Sayyidina Hassan pula menguasai tempat kelapan hingga ke sebelas melalui pelari mereka yang terdiri dari Saiful bin Mahari, Isa bin Haji Mohammad, Karia bin Haji Seruddin dan Abdul Khalid bin Haji Karim.

Larian tahunan sejauh lapan kilometer itu bermula di Stadium Penanjong Garison yang dirasmikan oleh Pegawai Pemerintah Kadet Tentera ABDB, Mejar Haji Alihan bin Abdul Saman dan hadiah-hadiah disampaikan oleh Pemangku Ketua Jurulatih Pusat Latihan, Mejar Pengiran Mohd. Noor bin Pengiran Haji Muhidi.

Larian rentas desa itu merupakan salah satu aktiviti kadet tentera ABDB yang bertujuan untuk memupuk semangat kesukanan, di samping mengekalkan tahap kecergasan dan menghubungkan silaturrahim antara pasukan kadet-kadet sekolah di seluruh negara.



BERLEPAS Para peserta yang menyertai larian rentas desa berlepas dari Stadium Penanjong Garison. - Gambar oleh Halim HS.

Sukan Tahunan Tiga Wilayah PASUKAN POLIS DIRAJA BRUNEI MUNCUL JUARA

Oleh Abu Bakar HAR

GADONG, 5 September. - 370 orang atlet yang terdiri daripada anggota-anggota polis yang menyertai Sukan Tahunan Tiga Wilayah yang bermula 3 September lepas diraikan dalam satu majlis perpisahan dan penyampaian hadiah serta bertukar-tukar cenderamata yang berlangsung di Mes Pegawai Polis di sini.

Temasya sukan yang berlangsung selama tiga hari itu memper-tandingkan tujuh acara sukan di mana pasukan kontinjen Polis Sarawak merupakan kontinjen yang paling banyak menghantar atletnya iaitu seramai 130 atlet, pasukan kontinjen Polis Sabah seramai 120 atlet dan kontinjen Pasukan Polis Diraja Brunei disertai seramai 120 orang.

Atur cara kemuncak malam perpisahan tersebut ialah penyampaian piala Kejohanan Sukan Tiga Wilayah yang dikurniakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang disempurnakan oleh Pesuruhjaya Polis Diraja Brunei, Dato Paduka Seri Haji Yaakub kepada wakil Pasukan Polis Diraja Brunei selaku pemenang tahun ini.

Dalam acara yang dipertandingkan bagi acara bola tampar, johan jatuh kepada Pasukan Polis Diraja Malaysia (PDRM) kontinjen Sabah, naib johan (PDRM) kontinjen Sarawak dan tempat ketiga jatuh kepada kontinjen Pasukan Polis Diraja Brunei.

Sementara dalam acara sepak takraw, tarik kalat, bola sepak dan golf VIP, Pasukan Polis Diraja Brunei muncul sebagai johan, manakala dalam acara golf berpasukan disandang oleh PDRM kontinjen Sabah dan dalam acara bulu tangkis telah menyaksikan kehandalan para pemain PDRM kontinjen Sarawak untuk muncul sebagai juara.



KETUA pasukan Sekolah Menengah Sultan Hassan, Bangar menerima piala rebutan rentas desa antara kadet tentera ABDB, yang disampaikan oleh Mejar Pengiran Mohd. Noor, Pemangku Ketua Jurulatih Pusat Latihan. - Gambar oleh Halim HS.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama putera-putera baginda (dari kiri Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, YTM Paduka Seri Duli Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim, YTM Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik dan YTM Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen, sambil diringi oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Pemangku Menteri Pendidikan, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, berkenan beramah mesra dan menerima junjung ziarah para guru yang sama-sama hadir di majlis tersebut (atas). Sementara gambar kanan, baginda berbual mesra bersama Cikgu Awang Haji Mokhtar, seorang guru yang menerima Anugerah Guru Cemerlang sempena Sambutan Hari Guru yang lepas.



KEBERANGKATAN tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan putera-putera baginda di Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah telah dijunjung dan dialu-alukan oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Pemangku Menteri Pendidikan dan Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama serta pegawai-pegawai kanan Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama (atas). Sementara gambar kiri, baginda dan putera-putera baginda berkenan menerima junjung ziarah para guru wanita yang sama-sama hadir di majlis itu.



Duli Yang Maha Mulia dan putera-putera baginda berkenan menerima junjung ziarah dan berbual mesra dengan para guru wanita di negara ini yang juga banyak berjasa dalam mendidik anak bangsa supaya berjaya (atas). Sementara gambar kanan, semasa Sambutan Hari Guru yang memperingati telah diadakan telah diadakan bagi menyertikan sambutan itu, antaranya dan Merhaban Hari Guru.



MESYUARAT SOM APEC MESYUARAT SOM APEC



Halangan teknikal akan dikurangkan

Laman Web IAP

Oleh Abdullah Asgar

BERAKAS, 21 September. - Satu seminar Latihan Pelan Tindakan Individu (IAP) diadakan hari ini untuk memberikan latihan kepada peserta bagi membantu mereka untuk membiasakan diri dengan Laman Web IAP yang mengandungi laporan-laporan yang dikemaskini setiap tahun.

Di laman web ini juga ada mencatatkan tindakan-tindakan APEC dalam merealisasikan matlamat yang diputuskan di Bogor, Indonesia ketika Sidang APEC berlangsung di sana.

Latihan sehari itu diadakan di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas yang dikendalikan oleh seorang pegawai yang arif dalam IAP bagi APEC ini.

Di laman web ini juga mengandungi kebebasan dan keterbukaan perbincangan dan pelaburan. Ahli-ahli ekonomi APEC akan mengenalpasti Pelan Tindakan Individu masing-masing yang bertujuan mengurangkan rintangan-rintangan perdagangan di Internet menjelang November nanti untuk menggalakkan ketelusan.

Projek Internet IAP ini dijangka akan dilancarkan semasa Sidang Kemuncak APEC di Bandar Seri Begawan November nanti yang bertujuan bagi menggalakkan semua anggota APEC memasukkan IAP masing-masing dalam laman web.

E-dagang mustahak mengurangkan kos perniagaan

BERAKAS, 19 September. - Isu e-dagang dalam promosi perdagangan menjadi tajuk utama dalam kumpulan kerja APEC bagi Promosi Perdagangan WGTP.

Perkembangan ekonomi sejagat, kebangkitan e-dagang tidak dapat dihindarkan dan pertukaran pengalaman mengenai isu di kalangan APEC menjadi salah satu agenda perbincangan dalam mesyuarat hari itu.

Isu-isu promosi perdagangan di kalangan negara-negara APEC termasuk isu-isu latihan bagi meningkatkan mutu barangan dan meningkatkan kemahiran mereka dalam beberapa bidang perdagangan.

Perkara ini telah dijelaskan oleh Ketua Delegasi Negara Brunei Darussalam, Pengiran Haji Metali bin Pengiran Haji Damit semasa ditemu bual oleh beberapa wakil media di negara ini di Pusat Persidangan Antarabangsa di sini.

Menurut beliau kegunaan e-dagang adalah sangat mustahak untuk mengurangkan kos-

kos perniagaan di mana pada masa kini bukan lagi berurusan dengan menggunakan telefon atau faks tetapi sekarang kita berurusan melalui Internet, dengan demikian semua data-data dan cara-cara yang ada di dalam perniagaan akan disalurkan kepada perusahaan kecil dan sederhana (SME) supaya mereka akan lebih berkesan dalam membuat strategi perniagaan.

Australia kata beliau, sedang membuat satu projek untuk mengumpulkan data-data badan ataupun agensi promosi perdagangan supaya digunakan sebagai buku rujukan APEC yang boleh digunakan di masa akan datang.

Matlamat rundingan ialah mendapatkan projek-projek baru dan apabila mereka sudah mendapatkan keputusan konkrit barulah mereka menyebarkan di kalangan negara-negara ekonomi.

BERAKAS, 19 September. - Jawatankuasa Kecil Piawaian dan Persesuaian (SCSC) telah membentangkan beberapa isu yang berkisar semata-mata untuk memudahkan lagi perdagangan dengan mengambil kira bagi mengurangkan halangan-halangan yang berunsur teknikal.

Pengerusi Mesyuarat SCSC, Pengiran Haji Metussin bin Pengiran Haji Metassan ketika menyatakan perkara itu kepada pihak media selepas membentangkan laporan kepada Jawatankuasa Perdagangan dan Pelaburan CTI, menjelaskan SCSC telah mencari jalan bagaimana untuk mengambil kompromi untuk sama-sama memudahkan perdagangan yang bukan saja daripada pihak pengeksport tetapi juga kepada pihak pengimport, semata-mata kita mahu perdagangan di rantau ini berjalan lancar tanpa halangan-halangan yang berunsur teknikal.

Semasa mesyuarat dua hari itu, katanya, ahli-ahli telah bekerjasama menyampaikan hasrat masing-masing dengan semangat permutazakarahen sebagaimana objektif yang dikehendaki SCSC.

"Mereka memanglah ada di antaranya menyuarakan kerisauan atau igauan ekonomi masing-masing tetapi dengan semangat permutazakarahen, perkara-perkara tersebut dapatlah dicari jalan tengah dan

Oleh Haji Ahat HI

syukur alhamdulillah banyaklah persetujuan yang diperolehi dan tindakan-tindakan lanjut dapat disampaikan kepada CTI untuk pertimbangan dan persetujuan semata-mata untuk memudahkan perdagangan," terangnya.

Beliau menambah, "Dalam huraian kepada Pengerusi CTI saya telah pun membentangkan persetujuan-persetujuan dan tindakan-tindakan yang perlu dipertimbangkan oleh CTI dan seterusnya dipersetujui semata-

mata untuk mengambil tindakan yang lanjut kepada tindakan-tindakan yang dipersetujui."

Menyentuh mengenai halangan-halangan, Pengerusi SCSC itu menyatakan bahawa segi piawaian atau 'standard' merupakan halangan berunsur teknikal.

Negara-negara maju yang menjadi pengeksport terbesar, katanya, telah pun memperolehi standard-standard yang mereka gunakan manakala negara-negara baru membangun menghadapi masalah-masalah dari segi penggunaan standard-stan-

dard dan piawaian tersebut.

"Jadi SCSC telah pun dimandatkan untuk mencari jalan bagaimanakah perkara ini dapat dipermudahkan. Salah satu caranya ialah untuk menggunakan piawaian-piawaian antarabangsa atau ISO, ISC Standard," jelasnya.

Dengan demikian, tambahnya semua ahli-ahli ekonomi digesa untuk menggunakan standard ataupun piawaian antarabangsa dan ini akan memudahkan perdagangan bagi perkara-perkara yang telah dibentangkan.



PENGERUSI Mesyuarat SCSC, Pengiran Haji Metussin bin Pengiran Haji Metassan ketika ditemu ramah oleh para wakil media tempatan menjelaskan peranan Jawatankuasa Kecil Piawaian dan Persesuaian (SCSC) dalam memudahkan lagi perdagangan. - Gambar oleh Halim HS.

Pembangunan sumber tenaga manusia diutamakan

Oleh Aliddin HM

BERAKAS, 20 September. - Mesyuarat Jawatankuasa Ekonomi APEC telah membincangkan tiga laporan mengenai dengan tinjauan ekonomi 2000, ekonomi APEC selepas krisis kewangan Asia dan kajian ke arah ekonomi berasaskan pengetahuan di rantau APEC.

Dalam tinjauan ekonomi APEC, semua ahli ekonomi menjalani pertumbuhan yang menggalakkan termasuklah negara-negara yang

terjejas oleh krisis kewangan Asia telah pulih dan ada di antaranya dalam proses pemulihan ekonomi.

Ketua Delegasi Negara Brunei Darussalam, Dayang Hajjah Rosni binti Haji Tungkat ber-



DAYANG Hajjah Rosni binti Haji Tungkat, Ketua Delegasi Negara Brunei Darussalam di Mesyuarat Jawatankuasa Ekonomi APEC menyokong inisiatif dan cadangan yang terkandung dalam laporan kajian ekonomi APEC. - Gambar oleh Halim HS.

kata, Negara Brunei Darussalam menyokong inisiatif dan cadangan yang terkandung dalam laporan kajian ke arah ekonomi yang berasaskan pengetahuan di rantau APEC kerana katanya, negara memang memberi keutamaan ke arah pembangunan sumber tenaga manusia, teknologi maklumat dan mass komunikasi.

Ketiga-tiga kajian itu nanti tambahnya, akan dihadapi pada mesyuarat menteri-menteri APEC November nanti bagi pertimbangan dan pengesahan selanjutnya.

Jawatankuasa ekonomi katanya, merupakan badan penyelidikan bagi APEC di mana ianya adalah forum bagi ekonomi APEC dalam bertukar-tukar maklumat, pandangan dan analisa mengenai isu-isu pertumbuhan ekonomi di rantau ini.

MESYUARAT SOM APEC MESYUARAT SOM APEC



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, Yang Dimulakan Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Paduka Awang Lim Jock Seng ketika ditemu ramah oleh media tempatan di sidang akhbar yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas. - Gambar oleh Halim HS.

SOM APEC selesaikan perdagangan dan liberalisasi pelaburan

BERAKAS, 20 September. - Mesyuarat Pegawai-pegawai Kanan APEC Ke-3 yang dimulakan hari ini akan menggariskan beberapa tajuk perbincangan yang akan diselesaikan selama bermesyuarat sebelum diserahkan kepada pemimpin-pemimpin anggota-anggota APEC di Sidang APEC November nanti.

Antara agenda utama yang akan diselesaikan ialah bidang perdagangan dan liberalisasi pelaburan dan pemudahannya, di mana bidang ini kebanyakan ahli-ahli APEC masih menghadapi

Oleh Abdullah Asgar

beberapa masalah memandangkan bidang ini hanya memanfaatkan sebahagian ahli-ahli saja.

Namun dengan hal demikian dalam Mesyuarat SOM III terakhir ini akan menghuraikan segala permasalahan iaitu dengan mengemukakan langkah-langkah yang boleh diterima oleh semua anggota APEC.

Demikian dijelaskan oleh Setiausaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, Yang Dimulakan Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Paduka Awang Lim Jock Seng ketika mengadakan sidang akhbar bersama PELITA BRUNEL dan media setempat tengah hari tadi di Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC), Berakas.

Menurutnya, bagi prospek Negara Brunei Darussalam, bidang perdagangan dan liberalisasi pelaburan dan pemudahannya memanglah mempunyai halangan sedikit, ini kerana Negara Brunei Darussalam, hanya bergantung pada pengeksporan minyak mentah dan gas cecair aslinya manakala pengeksporan barangan lain tidaklah sebanyak seperti negara-negara maju umpamanya Amerika, Jepun, China dan Republik Korea.

Akan tetapi beberapa perkara atau usaha telah dikenal pasti untuk mengimbangi bidang ini supaya ianya boleh memberi manfaat kepada semua anggota APEC.

Selain itu, katanya, mesyuarat juga akan memberi tumpuan utama pada Pelan Tindakan Elektronik Individu yang terkandung dalam Sidang APEC berlangsung di Republik Indonesia.

Dalam hal ekonomi baru katanya, SOM III juga akan membincangkan perkara tersebut yang berkait rapat dengan teknologi maklumat, di mana bidang sedemikian menjadi tumpuan para peniaga negara-negara maju untuk menjalankan usaha mereka melalui Internet dalam perdagangan tanpa kertas seperti yang terkandung dalam Blueprint Bagi Tindakan Perdagangan Elektronik APEC akan boleh dicapai menjelang 2010.

Di sinilah jelas Yang Dimulakan, peniaga-peniaga di negara ini harus menyediakan diri untuk bersaing dengan rakan-rakan yang lain di luar negara memandangkan cara ini adalah mudah, cepat, murah dan memuaskan.



Pemudahan perdagangan APEC dibincangkan

Oleh Abdullah Asgar

BERAKAS, 18 September. - Mesyuarat Pegawai-pegawai Kanan APEC Ke-3 yang kini sedang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC), Berakas hari ini memulakan mesyuarat mengenai beberapa perkara dan antara yang diberi tumpuan ialah Agenda Pembaruan Pemudahan Perdagangan.

Ini diharapkan boleh memberikan sumbangan kepada pembaruan kepada Agenda Pemudahan Perdagangan APEC, yang mana ia juga akan mengutarakan tujuan-tujuan baru dan cabaran-cabaran di dalam mengajukan rintangan-rintangan tidak bertarif yang merupakan halangan-halangan utama pada pembangunan ekonomi dan perdagangan, dengan penumpuan khusus pada halangan-halangan dan peluang-peluang dalam APEC bagi ahli-ahli ekonomi membangun.

APEC mendapati bahawa pemudahan perdagangan dikenali sebagai salah satu dari tiga keutamaan-keutamaannya di mana yang dua adalah liberalisasi pelaburan dan perdagangan dan kerjasama teknikal dan ekonomi.

Di sidang kemuncak pemimpin APEC di Auckland tahun lalu, mereka mengulangi peritunya bagi penegasan pada pemudahan perdagangan dan jaminan bagi mengeratkan Agenda Pemudahan Pembangunan APEC.

Manakala peritunya mengurangkan rintangan-rintangan tidak bertarif akan diwujudkan, di mana ada satu perkaitan bukti yang baru bahawa keuntungan-keuntungan langkah-langkah pemudahan, ini termasuk dengan meniadakan rintangan-rintangan pengawalan dan piawai pada perdagangan, di mana ia ada sahutan yang memberi kebajikan yang besar daripada meningkatkan pengurangan tarif.



LAWATAN para peserta Mesyuarat APEC ke Kampong Tamoi Ujong telah dialu-alukan oleh ketua kampung tersebut, Pengarah Awang Haji Mokti bin Mohd. Salleh beserta anak-anak buah kampung. - Gambar oleh Abdullah HAD.

Delegasi APEC tinjau Kampong Ayer

Oleh Abu Bakar HAR

BANDAR SERI BEGAWAN, 18 September. - Peserta-peserta yang menghadiri mesyuarat APEC bagi Komiti Kecil Mengenai Tatacara Kastam (SCCP) hari ini mengadakan lawatan ke salah sebuah destinasi tarikan pelancong dalam dan luar negeri di negara ini.

Tempat yang sering dan merupakan salah satu mercu tanda

kebanggaan negara yang didiami oleh hampir tiga puluh ribu orang penghuninya iaitu Kampong Ayer.

Setelah menghadiri mesyuarat yang berlangsung di

Pusat Persidangan Antarabangsa, para peserta berkenaan yang melakukan lawatan itu sekali gus menjadi pelancong kepada negara ini yang berkesempatan untuk mendekati kehidupan orang-orang di Kampong Ayer apabila Kapal Tanjong Bekarang yang membawa mereka singgah di Kampong Tamoi Ujong.

Ketibaan para peserta ke Kampong Tamoi Ujong telah dialu-alukan oleh ketua kampungnya, Pengarah Awang Haji Mokti bin Mohd. Salleh beserta anak-anak buahnya.

Sewaktu di sana, para peserta telah berkesempatan berbual mesra di samping dapat menyaksikan pelbagai persembahan tradisi negara ini seperti mukul dan joget.

Dengan adanya pendekatan seumpama ini, dengan memberikan layanan dan tutur kata yang sopan sedikit sebanyak akan dapat menarik minat para peserta mesyuarat tersebut untuk datang ke negara ini di masa akan datang, dan akan menjadi ristaan dan bualan mereka apabila berada di negaranya sendiri, serta tentunya memberi gambaran yang baik, tambahan pula negara akan menjadikan 2001 sebagai Tahun Melawat Brunei.



PARA peserta yang menghadiri Mesyuarat APEC bagi Komiti Kecil Mengenai Tatacara Kastam menaiki kapal khas bagi lawatan ke Kampong Ayer. - Gambar oleh Abdullah HAD.



TIMBALAN Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Dimuliakan Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Yahya ketika menyampaikan hadiah kepada seorang pemenang dalam Peraduan Ujian Membaca Ayat Suci Al-Quran Peringkat Kementerian Pertahanan yang berlangsung di Pusat Da'wah Islamiyah, Berakas. - Gambar oleh Masri Osman.



KETUA Pengarah Sekretariat Majlis Ekonomi Negara Brunei Darussalam (BDEC), Awang Haji Abdul Wahab bin Juned (tengah) ketika berucap meraiakan kejayaan 85 orang pelatih tempatan yang baru sahaja menamatkan peringkat awal Program Latihan Industri Layanan dan Pelancongan. - Gambar oleh Masri Osman.

Al-Quran panduan bagi kebahagiaan hidup

Oleh Aliddin HM

BERAKAS, 15 September. - Faedah Al-Quran yang paling besar ialah membuka minda manusia untuk mencari jalan dan panduan bagi memperoleh kebahagiaan hidup, kesempurnaan rohani dan jasmani bagi penyusunan cara-cara kehidupan yang sempurna dalam semua bidang termasuklah politik, ekonomi, kesihatan, kemasyarakatan, kehidupan berkeluarga, hal ehwal persendirian, keselamatan, pendek kata apa saja yang diperlukan oleh manusia tiada yang dilupakan oleh Allah di dalam Al-Quran.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Dimuliakan Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Yahya berkata demikian di Majlis Ujian Membaca Ayat Suci Al-Quranul Karim Peringkat Kementerian Pertahanan yang berlangsung di Pusat Da'wah Islamiyah di sini.

Membaca Al-Quran jelas Yang Dimuliakan, walaupun sedikit pada waktu pagi, insya-Allah akan menjadi pendinding dan pengawal dari mara bahaya hingga ke petang dan kalau membaca pada waktu petang, Al-Quran akan menjadi pendinding dan pengawal diri seseorang itu dari waktu petang sampai esok pagi. Jadinya kalau ada seseorang itu membacanya setiap hari, maka sepanjang masa ia ada pengawal dari sebarang berkemungkinan yang merbahaya dan membina di mana bahaya bukan sahaja datang dari luar tetapi juga dari dalam diri.

"Apabila seseorang itu mendapat berkat dari Al-Quran, ia juga dengan sendirinya dapat memelihara batin-tangan, lidah, kakinya dan jantungnya dari berkemungkinan berlakunya maksiat," ujar Yang Dimuliakan.

Dalam perkara-perkara yang besar tambah Yang Dimuliakan, Al-Quran memandu manusia memajukan ilmu pengetahuan yang serba luas, umpamanya mempelajari ilmu-ilmu moden dari hal kekuasaan (power and energy) untuk terbang

ke angkasa lepas atau dari hal penyiagaan hasil-hasil kekayaan yang ada di dalam perut bumi dan lain-lain lagi.

Enam orang peserta telah terpilih di peringkat akhir ini dan akan bertanding pada malam ini yang terdiri daripada tiga qari dan tiga qariah.

Johan dalam bahagian qari membaca Al-Quran peringkat Kementerian Pertahanan disandang oleh Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Tahir, wakil Penanjong/Tutong, naib johan dimenangi oleh Pengiran Haji Metali bin Pengiran Momin, wakil Bolkiah/Muara/Sungai Akar dan tempat ketiga oleh 346 Kapten Pengiran Haji Hamdiah bin Pengiran Haji Hashim, wakil Berakas/Bangar.

Sementara johan bahagian qariah pula disandang oleh Dayang Nor'aini binti Haji Abd. Latif, wakil Berakas/Bangar, naib johan dimenangi oleh Dayang Siti Dora binti Duraman, wakil Berakas/Bangar dan tempat ketiga oleh 20998 Soldadu Mariah binti Haji Ismail, wakil Bolkiah/Muara/Sungai Akar.

Penyampaian hadiah kepada para pemenang dalam peraduan itu telah disempurnakan oleh Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Dimuliakan Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Yahya.

Tema peraduan pada malam itu ialah 'Mengukuhkan Jati Diri Ummah Menurut Ajaran Islam.'

Memulakan majlis pada malam itu dengan persembahan bacaan ayat suci Al-Quran oleh 8663 Sarjan Haji Jafaruddin bin Haji Sabtu dan diserikan dengan persembahan Asma Ul-Husna dan Rawi oleh murid-murid Sekolah Ugama Pantai Berakas.

Oleh Aliddin HM

latihan ini.

Jumlah ini telah berjaya di - profil dan ditemuduga untuk keperluan tenaga kerja menjelang APEC ini. Bilangan ini masih bertambah, sementara itu bilangan keperluan yang ditunjukkan oleh syarikat-syarikat dalam industri layanan dan pelancongan seperti hotel, agensi pelancongan

dan catering berjumlah 1,250 orang.

Lebih 50 kelas yang terdiri dari 10 jenis kursus dijangkakan akan dilaksanakan sehingga minggu pertama bulan November ini nanti dan jenis-jenis kursus yang akan dikendalikan termasuklah front office, food and beverage, house keeping, bell boys, stewards, cooks, cashiering, telephonist, tour guides dan special skills.

Tunjukkan komitmen dalam menjalankan tugas

BERAKAS, 19 September. - Pelatih tempatan yang berjaya mengikuti Program Latihan Industri Layanan dan Pelancongan diseru supaya menunjukkan komitmen mereka dalam menjalankan tugas yang diamanahkan kepada mereka itu dengan penuh keikhlasan dalam melayani tetamu negara yang akan menghadiri Persidangan Kemuncak Ketua Negara APEC yang dijadualkan November depan.

Mereka perlulah menunjukkan sikap yang bersungguh-sungguh dalam menyokong APEC 2000 ini bagi mengikis tanggapan negatif di kalangan sebahagian majikan terhadap pekerja yang terdiri daripada anak-anak tempatan.

Mereka mestilah pandai menyesuaikan diri dengan menggunakan kemahiran yang ada pada mereka dalam menghadapi acara peringkat negara itu nanti.

Ketua Pengarah Sekretariat Majlis Ekonomi Negara Brunei Darussalam (BDEC), Awang Haji Abdul Wahab bin Juned berkata demikian ketika meraiakan kejayaan 85 orang pelatih tempatan yang baru sahaja menamatkan peringkat awal Program Latihan Industri Layanan dan Pelancongan bidang front office dan food and beverage yang berlangsung di Kementerian

Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama di sini.

Beliau berharap mereka ini akan menjadi anak tempatan yang berkemahiran dalam industri layanan bagi APEC 2000 dan selepasnya.

Katanya, dari minggu ketiga bulan September ini hingga minggu ketiga Oktober depan sebanyak 44 kelas telah dijadualkan bagi melatih lebih 1,200 lagi anak tempatan dalam pelba-

gai bidang perhotelan.

Bagi peringkat kedua program ini para pelatih yang sudah dilatih akan menjalani program latihan sambil bekerja di hotel-hotel dan kemudahan penginapan di negara ini bagi mengasah kemahiran yang telah mereka perolehi dan juga bagi membina keyakinan mereka sewaktu APEC 2000.

Sekretariat Majlis Ekonomi Negara Brunei Darussalam telah

membuat rundingan dengan industri perhotelan dan penginapan bekerjasama bagi menempatkan anak-anak tempatan yang dilatih akan diambil bekerja sewaktu APEC 2000 kelak.

Sejak pengumuman pelancaran di hujung bulan Julai yang lalu, Program Latihan Industri Layanan dan Pelancongan ini telah menarik minat 1,224 orang anak tempatan yang berminat untuk menyertai program



PARA pelatih tempatan yang baru menamatkan peringkat awal Program Latihan Industri Layanan dan Pelancongan bidang front office dan food and beverage yang berlangsung di Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama. - Gambar oleh Masri Osman.

PPP akan menganjurkan Hari Kedamaian

BANDAR SERI BEGAWAN. - Persatuan Pandu Puteri Negara Brunei Darussalam akan menganjurkan Majlis Sambutan Hari Kedamaian 2000 bertempat di Sekolah Menengah Pengiran Anak Puteri Hajjah Masna, Kampong Lambak Kanan, Berakas pada 29 September, 2000.

Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajjah Masna selaku Yang Dipertua Persatuan Pandu Puteri Negara Brunei Darussalam dijangka berangkat dan mengurniakan sabda, seterusnya menyempurnakan pelancaran Projek Alam Sekitar dan Pembangunan Masyarakat.

Projek Alam Sekitar dan Pembangunan Masyarakat merupakan projek berterusan Persatuan Pandu Puteri Negara Brunei Darussalam yang dikehendaki untuk dijalankan oleh Pek Tunas Puteri, Pasukan Pandu Puteri dan Unit Pemimpin Muda yang akan dilartakan ke maktab-maktab dan sekolah-sekolah di seluruh negara.

Unit ABDB laksana latihan persiapan APEC



PEMANGKU Pemerintah Angkatan Tentera Darat Diraja Brunei, Leftenan Kolonel Awang Haji Mohd. Jamil ketika berucap merasmikan Latihan Siap Waspada ATDDDB yang berlangsung di Padang Kawad, Berakas Garrison. - Gambar oleh Haji Masmaleh HMA.

BERAKAS, 11 September - Anggota Angkatan Tentera Darat Diraja Brunei (ATDDDB) baik di peringkat pegawai mahupun di peringkat bawahan diseru supaya akan bersungguh-sungguh menjalankan Latihan Siap Waspada dalam mendukung amanah yang diberikan khususnya semasa Sidang APEC nanti.

Pemangku Pemerintah Angkatan Tentera Darat Diraja Brunei, Leftenan Kolonel Awang Haji Mohd. Jamil membuat seruan ini semasa merasmikan Latihan Siap Waspada ATDDDB yang berlangsung di Padang Kawad, Berakas Garrison di sini.

Beliau seterusnya berharap agar aspek-aspek keselamatan juga diambil kira semasa latihan dijalankan terutama dalam keselamatan anggota, senjata, peluru, peralatan dan lain-lain.

"Tatertib dan disiplin semua peringkat juga perlu diambil kira dalam melaksanakan latihan ini dan begitu juga dengan kawad-kawad gerakan keselamatan dalam negeri," tegasnya menekankan kepentingan disiplin.

Latihan Siap Waspada yang berakhir pada 17 September lalu diadakan di Bandar Seri Begawan, beberapa kawasan di Daerah Brunei-Muara dan kawasan sempadan negara ini.

Ianya tertumpu kepada perlaksanaan gerakan-gerakan Memelihara Keselamatan Dalam Negeri atau 'Internal Security' (IS) berdasarkan senario-senario yang dihubungkan dengan Sidang APEC 2000.

Kira-kira dua ribu anggota ATDDDB terlibat dalam latihan ini

Oleh Siti Muslihat HS

dengan dibantu oleh Angkatan Tentera Laut Diraja Brunei, Angkatan Tentera Perkhidmatan Bersenjata Diraja Brunei dan juga Pasukan Polis Diraja Brunei.

Latihan ini merupakan salah satu persiapan yang dijalankan oleh semua unit ATDDDB sebelum sidang APEC dijalankan yang antaranya bertujuan untuk meningkatkan tahap perancangan dan pelaksanaan gerakan, mengemaskinikan kerjasama antara ATDDDB dengan unit-unit luar daripada Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.

Antara kegiatan-kegiatan yang dilaksanakan sepanjang latihan ialah mengepung dan mengeledah, menyuraikan perhimpunan, memusnahkan bom dan sekatan jalan raya di kawasan Daerah Brunei dan Muara.

Sementara itu pada 7 September lepas, pendedahan mengenai latihan ini disebarluaskan melalui taklimat kepada para penghulu mukim dan ketua-ketua kampung di Daerah Brunei dan Muara bagi pengetahuan penduduk kampung khususnya.

Melalui taklimat ini ATDDDB berharap para penghulu mukim dan ketua kampung dapat memberikan maklumat kepada penduduk kampung di kawasan masing-masing dengan harapan latihan ini tidak akan mencemaskan penghuni kampung yang terlibat dalam kegiatan latihan.

ATDDDB disaran terus kendalikan latihan

BERAKAS, 16 September. - Anggota Angkatan Tentera Darat Diraja Brunei (ATDDDB) dikehendaki agar tidak berpuas hati dengan latihan yang baru dijalankan.

Pemerintah Angkatan Tentera Darat Diraja Brunei, Yang Dimulikan Pehin Orang Kaya Lela Pahlawan Brigedier Jeneral Dato Seri Laila Jasa Haji Mohd. Jaafar menyeru unit-unit di bawahnya untuk meneruskan latihan demi menghalusi perkara-perkara yang difikirkan masih lemah.

Dengan cara ini katanya, ianya akan dapat menggambarkan sifat profesionalisme dan juga kemandirian ATDDDB khasnya dan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei amnya.

Berucap di Majlis Penutup Latihan Siap Waspada yang berlangsung di Padang Kawad, Berakas Garrison di sini, Yang Dimulikan seterusnya menekankan supaya latihan sempurna ini akan dapat diteruskan di peringkat kompeni dan juga batalion.

Oleh Siti Muslihat HS

Di waktu yang sama anggota ATDDDB juga diseru untuk terus memberi semangat juang yang tinggi dalam merealisasikan hasrat negara ini.

"Saya ingin menasihatkan kepada pegawai-pegawai begitu juga lain-lain peringkat supaya mempunyai sifat positif dalam mempersiapkan diri masing-masing dalam menempuh operasi-operasi semasa persidangan APEC itu nanti," tegas Yang Dimulikan lagi.

Latihan selama enam hari ini merupakan lanjutan dari Latihan 'Command Post' yang lalu.

Dengan adanya latihan ini, ianya akan dapat menguji ketahanan fizikal dan mental para pegawai dan anggota yang terlibat di mana kejayaannya hanya akan dapat dikecapi dengan adanya perancangan yang teratur dari pihak yang tertentu.



LATIHAN memusnahkan bom dan mengenal pasti kumpulan penentang dan sindiket dari luar yang cuba mengucur-ngacirkan negara di waktu negara sibuk mengendalikan Mesyuarat APEC yang berlangsung di kawasan landasan kapal terbang, Berakas. - Gambar oleh Haji Masmaleh HMA.



LATIHAN menyuraikan perhimpunan penentang di kawasan lapang berdekatan Stadium Negara Hassanal Bolkiah. - Gambar oleh Haji Masmaleh HMA.

MESRA APEC 2000 ... MESRA APEC 2000

6,000 delegasi hadir Sidang Kemuncak APEC



PENGARAH Eksekutif APEC 2000 di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, Yang Dimulakan Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Awang Mohammad bin Haji Daud.

BERAKAS, 14 September. - Beberapa langkah telah dan akan diambil bagi mengatasi masalah kekurangan tempat penginapan dan kekurangan kenderaan bagi menampung lebih kurang 6,000 delegasi ekonomi APEC dan wakil-wakil media yang akan menghadiri Mesyuarat Ketua-ketua Ekonomi APEC yang akan berlangsung di negara ini pada bulan November nanti.

Selain daripada para pegawai anggota ekonomi APEC dan wakil-wakil media antarabangsa, seramai 20 ketua ekonomi APEC dan lebih dari

pada 40 menteri bersama isteri masing-masing juga akan berada di negara ini sepanjang mesyuarat tersebut.

Perkara itu dijelaskan oleh Yang Dimulikan Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Awang Mohammad bin Haji Daud, Pengarah Eksekutif APEC 2000 di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri ketika memberikan taklimat di Majlis Muhibah Penerangan Tahun 2000 Siri Ke-9 bagi ketua-ketua jabatan, timbalan-timbalan ketua jabatan dan penolong-penolong ketua jabatan.

Menurut Yang Dimulikan, sebahagian besar ketua-ketua ekonomi dan menteri-menteri dijangka akan ditempatkan di kediaman VIP di Assarraa dan Jerudong Park, sementara sebahagian besar lagi delegasi akan ditempatkan di rumah pangsa Ong Sum Ping dan Jalan Tasek.

Yang Dimulikan menjelaskan, perjanjian juga telah ditandatangani dengan empat syarikat perhotelan untuk menjadikan rumah pangsa Ong Sum Ping dan Tasek sebagai tempat kediaman bertaraf empat bintang dan pada masa yang sama Majlis Ekonomi Negara Brunei

Darussalam dan Jabatan Buruh akan membantu melatih tenaga kerja bagi industri perhotelan.

Bagi mengatasi kenderaan yang tidak mencukupi untuk kegunaan ketua-ketua ekonomi, menteri-menteri, isteri-isteri serta para delegasi, maka Syarikat QAF Sendirian Berhad akan menaja sebahagiannya, manakala kelonggaran juga diberikan bagi kereta persendirian untuk disewakan.

"Ketika ini hanya 200 buah kenderaan sahaja yang baru

diperolehi daripada 800 buah yang diperlukan," jelas Yang Dimulikan.

Sementara itu persiapan-persiapan logistik lain termasuklah bagi jamuan dan pemakanan yang menghendaki 300 ke 400 pekerja, kemudahan-kemudahan persidangan dan kelengkapan, kemudahan telekomunikasi dan IT, perubahan dan kesihatan, lapangan terbang dan pelabuhan, tajaan korporat, media dan publisiti, keselamatan, akreditasi, protokol serta sambutan dan acara khas.

Setiap lapisan rakyat bertanggungjawab jayakan APEC

BERAKAS, 14 September. - Kejayaan Mesyuarat Ekonomi Asia Pasifik - APEC 2000 yang akan diadakan di negara ini pada bulan November nanti adalah menjadi tanggungjawab setiap lapisan rakyat dan penduduk negara ini.

Pengarah Penerangan, Abd. Ghani Pg. Hj. Metusin menyatakan demikian ketika memperkerusi Taklimat Muhibah Penerangan Tahun 2000 Siri Ke-9 bagi ketua-ketua jabatan, timbalan-timbalan ketua jabatan dan penolong-penolong ketua jabatan berlangsung di Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama di sini.

Beliau menambah, setiap individu mempunyai peranan dan tanggungjawab masing-masing terhadap apa jua usaha berkebiasaan yang boleh meningkatkan kemajuan dan pembangunan negara apatah lagi dalam menghadapi persidangan seperti APEC 2000 ini.

"Sebahagian besar daripada pemimpin-pemimpin dunia akan datang ke negara ini bukan sahaja untuk bermesyuarat malahan juga akan mengambil kesempatan membuat pendekatan terhadap negara kitani, bangsa kitani dan budaya kitani," ujar Pengarah Penerangan.

"Bahkan mereka akan menilai kitani dari pelbagai sudut dan aspek kehidupan yang akan mereka jadikan oleh-oleh dan kenangan setelah mereka kembali ke negara masing-masing," jelas Abd. Ghani.

Di sinilah letaknya peranan dan tanggungjawab rakyat dan penduduk tambanya, walaupun sebahagian besarnya tidak terlibat secara langsung dalam Mesyuarat APEC tetapi sekurang-kurangnya atau paling tidak akan dapat sama-sama menunjukkan sifat-sifat yang positif dari

segi perpaduan dan kerjasama yang selama ini memberikan kekuatan dalam kehidupan berbangsa dan bernegara.

Selain itu masyarakat di negara ini katanya, juga perlu memberikan gambaran yang baik serta dapat membuktikan yang walaupun negara ini mempunyai saiz dan penduduk yang kecil, tetapi mampu bukan sahaja sebagai negara dan bangsa yang berdaulat dan merdeka malahan juga mampu menaati tanggungjawab antarabangsa dan serantau.

Terdahulu Abd. Ghani menerangkan bahawa langkah-langkah mengimbu dan memberigakan APEC 2000 telah pun diungkayahkan yang diharatkan untuk menyebarkan maklumat mengenai kesediaan, kesungguhan dan persiapan negara dalam menghadapi cabaran-cabaran APEC 2000.

Ia juga bertujuan mengimbu dan mencetus cita rasa rakyat dan penduduk agar lebih peka dan komited terhadap kesediaan serta kesungguhan negara menjadi tuan rumah APEC 2000 nanti.

Jabatan Penerangan menumpukan sasaran taklimat serupa kepada para penuntut Institut Teknologi Brunei, mahasiswa Universiti Brunei Darussalam, para penghulu dan ketua kampung seluruh negara, para pengetua, timbalan pengetua serta guru-guru besar sekolah kerajaan dan bukan kerajaan.

Taklimat yang sama juga telah diadakan bagi pegawai-pegawai kerajaan yang berkhidmat di ke empat-empat daerah di samping mengungkayahkan Peraduan Mewarna Logo APEC 2000 di kalangan murid-murid sekolah rendah yang mendapat sambutan yang amat menggalakkan.

Di peringkat antarabangsa pula, penyebaran

dibuat dengan mengundang wartawan-wartawan dari setiap negara anggota APEC yang dilaksanakan melalui program 'PRE-APEC VISIT' yang pertama pada 20 hingga 23 Februari lepas dan '2nd PRE-PRESS VISIT' yang diadakan pada pertengahan bulan Julai lepas.

Oleh Sahari Akim.
Gambar-gambar
oleh Halim HS



PENGARAH Penerangan, Abd. Ghani Pg. Hj. Metusin (kanan) dan Awang Haji Mohd. Hamid bin Haji Mohd. Jaafar, Pengarah Sekretariat Kebangsaan APEC, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri (kiri) ketika berucap dan seterusnya memberikan taklimat.



KETUA-KETUA jabatan, timbalan-timbalan ketua jabatan dan penolong-penolong ketua jabatan ketika hadir di Majlis Taklimat Muhibah Penerangan Tahun 2000 Siri Ke-9 yang berlangsung di Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama (gambar atas dan bawah).

APEC 2000 tumpukan tiga aspek utama

BERAKAS, 14 September. - Negara Brunei Darussalam selaku tuan rumah APEC 2000 akan menumpukan kepada tiga aspek penting seperti Pembangunan Sumber Tenaga Manusia (HRD), Perusahaan Kecil dan Sederhana (SME) serta Teknologi Maklumat dan Perhubungan (ICT).

Selain daripada itu selaku pengerusi persidangan, tumpuan juga akan diberikan kepada proses meneruskan usaha-usaha bagi meningkatkan pelaburan dan perdagangan terbuka dan kerjasama ekonomi yang telah dijalankan oleh pengerusi-pengerusi terdahulu.

"Tema yang telah kitani pilih ialah 'Delevering To The Community' atau dalam bahasa Melayunya 'Menyampaikan Kepada Masyarakat'," jelas Awang Haji Mohd. Hamid bin Haji Mohd. Jaafar, Pengarah Sekretariat Kebangsaan APEC, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri.

Antara faedah yang boleh didapati selaku tuan rumah katanya, termasuklah mengenalkan proses APEC secara khusus kepada peniaga-peniaga tempatan, para pengubal dasar dalam kerajaan dan kepada masyarakat umumnya.

Awang Haji Mohd. Hamid menambah, proses APEC sebenarnya mengandungi ciri-ciri yang terdapat dalam laporan Majlis Ekonomi Negara Brunei Darussalam dari segi pembangunan jangka panjang mahupun sederhana.

Wawasan jangka panjang APEC, terang Awang Haji Mohd.

Hamid ialah untuk mewujudkan rantau Asia Pasifik yang terbuka di mana ekonomi besar dan kecil seperti Negara Brunei Darussalam boleh berniaga dan melabur antara satu sama lain dalam suasana yang selamat dan stabil bagi meningkatkan taraf kehidupan yang berdaya tahan.

Bagi jangka pendek dan sederhana, APEC bukan hanya mengenai pembukaan sempadan semata-mata tetapi ia juga menyediakan asas kukuh bagaimana cara untuk membangun kemahiran dan peluang bagi merealisasikan wawasan melalui rancangan-rancangan kerjasama ekonomi dan teknikal di samping bertukar pengalaman dan pengetahuan.

Dalam jangka serdahana dan panjang pula, ia selaras dengan perancangan negara untuk mengembangkan pelaburan luar negeri dan pelancongan di mana proses APEC itu setentunya akan meletakkan negara dalam peta dunia.

Selain daripada itu, laporan-laporan berita melalui media-media elektronik dan cetak akan tertumpu ke negara ini semasa Persidangan APEC 2000 nanti di mana para peniaga dan pelabur luar negeri akan mendapat maklumat yang jelas mengenai negara ini.

Dari segi pelancongan pula, Persidangan APEC 2000 juga akan dapat membantu mempromosikan negara ini sebagai destinasi pelancongan yang unik dan menarik.





SETIAUSAHA Tetap Kementerian Perhubungan, Dato Paduka Awang Haji Abdullah (tengah) yang juga selaku Pengerusi Majlis Keselamatan Jalan Raya Negara Brunei Darussalam ketika hadir merasmikan 'ASAP' yang berlatarbelakangkan di Ibu Pejabat Jabatan Pengangkutan Darat. Juga kelihatan dalam gambar ialah Pesuruhjaya Polis Diraja Brunei dan Pengarah Pengangkutan Darat. - Gambar oleh Haji Masmaleh HMA.

Bangunan kekal tol Rasau

KUALA BELAIT, 9 September. - Bangunan kekal pondok pembayaran perkhidmatan tol Rasau yang dibina satu kilometer dari Simpang Seria By-Pass - Pandan Lima - Rasau mula beroperasi petang ini.

Sebanyak tiga buah pondok pembayaran disediakan di situ yang dikendalikan oleh Jabatan Kerja Raya dijangka beroperasi selama 24 jam sehari bagi memudahkan lagi pengendalian pembayaran tol dengan lebih lancar.

Kadar pembayaran tol bagi satu perjalanan untuk semua kenderaan termasuk motosikal \$1.00, kereta persendirian \$3.00, teksi \$5.00, kenderaan yang beratnya antara 3,000 kilogram hingga 5,000 kilogram \$10.00 dan kenderaan yang beratnya 5,000 kilogram ke atas serta bas yang muatannya 22 penumpang atau lebih dikenakan bayaran \$20.00.

Oleh
Dk. Hjh. Saidah PHOA

Bagaimanapun penduduk Kampung Sungai Teraban dan Kawasan Sungai Dua serta kenderaan kerajaan yang menjalankan urusan rasmi dan kenderaan yang digunakan untuk kecemasan dikecualikan daripada membayar tol.

Bangunan serta kemudahan yang disediakan berharga \$180,000 itu bagi menggantikan pondok sementara pembayaran tol yang terletak di Persimpangan Jalan Lencongan Seria By-Pass dan Jalan Kuala Belait.

Pembayaran tol Rasau mula diperkenalkan awal bulan April lalu kepada para pengguna jalan raya yang menggunakan laluan melalui Jambatan Rasau.

Pembinaan bangunan pondok kekal berkenaan juga dise-

laraskan dengan kerja pembinaan Simpang Seria By-Pass - Pandan Lima - Rasau, Simpang Rasau - Sungai Teraban dan Simpang Sungai Dua - Sungai Tujuh - Sungai Teraban.

Selain itu juga dilaksanakan kerja membina jalan sejauh 5.5 kilometer bermula dari Jambatan Rasau menuju ke Simpang Rasau - Sungai Teraban diturap semula dengan pembubuhan dua lapisan asfalt dan dua kilometer jalan pasir - tanah bermula dari Simpang Rasau - Sungai Teraban menuju ke Simpang Sungai Dua - Sungai Tujuh - Sungai Teraban dibina dengan lapisan asfalt serta pemasangan papan-papan tanda mengikut piawaian yang direka bentuk oleh Unit Pengurusan Trafik Jabatan Kerja Raya.

Semua kerja-kerja tersebut bermula bulan Jun tahun lalu dengan menelan belanja lebih \$2 juta dan dijangka siap dalam bulan ini.



BANGUNAN kekal pondok pembayaran tol Jambatan Rasau berharga \$180,000 dibina satu kilometer dari Simpang Seria By-Pass - Pandan Lima - Rasau mula digunakan jam 2.00 petang hari Sabtu lalu. - Gambar ihsan Law Hui Yun.

Pemeriksaan kenderaan diperketatkan

Oleh Abdullah Asgar

GADONG, 16 September. - Jabatan Pengangkutan Darat (JPD), Kementerian Perhubungan pada masa ini sedang menimbangkan bagi membuat perubahan pemeriksaan dari tujuh tahun kepada tiga tahun.

JPD mendapati kebanyakan kenderaan yang berusia kurang dari tujuh tahun adalah juga tidak berkelayakan untuk dipandu di jalan raya, ini adalah disebabkan oleh kurangnya penjagaan dan pengubahsuaian yang tidak dibenarkan serta perkara ini boleh mendatangkan bahaya seperti terlibat dalam kemalangan jalan raya.

Kenyataan tersebut dijelaskan oleh Setiausaha Tetap Kementerian Perhubungan, Dato Paduka Awang Haji Abdullah yang juga selaku Pengerusi Majlis Keselamatan Jalan Raya (MKJR) Negara Brunei Darussalam ketika berucap merasmikan Operasi 'ASAP' di Ibu Pejabat JPD di sini.

Menurutnya, JPD dalam usahanya mengurangkan kes-kes kemalangan jalan raya di negara ini akan memperketatkan lagi pemeriksaan kenderaan ke arah yang lebih efektif dan berkesan supaya keadaan kenderaan akan lebih selamat untuk dipandu di jalan raya.

Katanya lagi, sejak bulan Januari hingga Ogos tahun ini menunjukkan peningkatan sebanyak empat peratus iaitu sejumlah 1,907 kes kemalangan jalan raya sehingga bulan Ogos 2000, berbanding 1,835 kes kemalangan jalan raya bagi tempoh yang sama tahun 1999.

"Manakala kes kemalangan yang melibatkan kematian sehingga bulan Ogos tahun ini sebanyak 26 orang berbanding 36 orang meninggal pada bulan Ogos 1999, iaitu menunjukkan penurunan kepada 28 peratus," jelas Dato Paduka.

Alhamdulillah jelasnya, penurunan kematian ini membuktikan satu petanda yang baik dan inilah yang sebenarnya diharapkan bukan saja oleh kerajaan bahkan oleh masyarakat.

Tetapi ujarnya, kita seharusnya merasa ngeri dengan kejadian kemalangan yang dahsyat yang melibatkan golongan-golongan remaja yang di bawah umur 16 tahun yang juga merupakan aset negara yang sangat berharga.

"Menyedari hakikat ini, MKJR telah bertindak secara agresif bagi menyampaikan mesej kepada penuntut-penuntut sekolah akan keadaan kemalangan jalan raya yang melibatkan kaum belia.

"Mesej disampaikan untuk memberikan panduan-panduan yang berguna bagi mengelakkan diri mereka dari terjerumus dalam kemalangan jalan raya.

"Usaha ini akan terus diadakan ke semua sekolah di negara ini dalam daya 'ingat-beringat' dan tegur-menegur dan di bibir-bibir, semoga langkah ini akan mendapat sambutan yang positif dari mereka yang berkenaan," tambahnya.

Katanya, lapan kemalangan jalan raya berlaku

setiap hari, atau satu kemalangan setiap tiga jam di negara ini.

Ia menunjukkan jelasnya, satu petanda buruk di mana hampir separuh dari kes-kes kemalangan ini berpunca dari perilaku diri sendiri, ia akan terus meningkat jika penggunaannya masih tidak menghiraukan tanda-tanda dan peraturan lalu lintas.

"Maka Operasi ASAP atau 'As Soon As Possible' ini dihasratkan untuk menangani fenomena kemalangan jalan raya tersebut, dengan mengambil langkah-langkah atau tindakan serta merta pencegahan dan membetulkan terhadap beberapa faktor utama yang difikirkan penyebab kemalangan jalan raya," tegasnya.

Beberapa agensi terlibat telah mula dan sedang bertindak dalam bidang kuasa yang ada secara mudah dan dalam bidang kuasa jabatan.

Ke arah ini katanya, beberapa strategi telah diatur secara bersepadu antaranya ialah memperketatkan tindakan penguatkuasaan undang-undang di samping mengadakan 'sport check' dan sekatan jalan raya.

Di kempen ini menurutnya, penguatkuasaan undang-undang juga akan lebih proaktif dan ketara dengan mengadakan rondaan di jalan-jalan raya dan lebuh raya untuk menegakkan pengguna-pengguna jalan raya yang melanggar peraturan.

Seperti memandu tidak menggunakan tali pinggang keselamatan, memandu berbahaya, pengubahsuaian kenderaan, menegur pemandu yang menggunakan telefon bimbit, menegur kontraktor yang tidak memasang papan tanda dalam jarak yang selamat serta menasihati pekerja-pekerja yang tidak menggunakan alat-alat serta tanda-tanda keselamatan.

Setakat ini, katanya, perangkaan menunjukkan hanya lapan orang pemandu saja yang diambil tindakan kerana tidak menggunakan tali pinggang keselamatan dan pada tahun lalu ianya telah meningkat pada 13 pemandu, jika diamati jumlah ini tidaklah mencerminkan keadaan yang sebenarnya.

Oleh yang demikian tegasnya, beliau menyeru kepada pegawai penguatkuasa undang-undang akan lebih peka bagi mengambil tindakan kepada mereka yang tidak menggunakan tali pinggang keselamatan ketika memandu.

Operasi ASAP ini diharapkan akan dapat menyedarkan semua pengguna jalan raya di negara ini supaya lebih peka akan keselamatan diri dan orang lain iaitu serasi dengan harapan dan tujuan MKJR melalui JPD, Pasukan Polis Diraja Brunei, Jabatan Kesihatan dan Perubatan dan Jabatan Kerja Raya (Bahagian Jalan Raya) untuk mengurangkan kes-kes kemalangan jalan raya.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan watahik perantikan Duta Besar Negara Brunei Darussalam ke Republik Persekutuan Jerman, Tuan Yang Terutama Dato Paduka Awang Haji Mohd. Adnan bin Buntar (kiri) dan kepada Duta Besar Negara Brunei Darussalam ke Republik Demokratik Rakyat Lao, Tuan Yang Terutama Pengiran Indera Perkasa Pengiran Haji Hamdan bin Pengiran Haji Ismail (kanan). - Gambar oleh Halim HS.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima watahik perantikan daripada Pesuruhjaya Eropah Yang Tidak Menetap, Tuan Yang Terutama Tuan Sabato Della Monica (kiri) dan Duta Besar Republik Chile Yang Tidak Menetap, Tuan Yang Terutama Tuan Roberto Ibarra Garcia (kanan) - Gambar oleh Abdullah HAD.

\$11.3 juta bagi laksana projek komputer

BANDAR SERI BEGAWAN, 23 September. - Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerna Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Md. Zain berkata, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia baru-baru ini telah memperkenankan sejumlah \$11.3 juta bagi melaksanakan projek komputer sekolah-sekolah di seluruh negara.

Ini tambah Yang Berhormat, adalah sebagai meneruskan perlaksanaan secara berperingkat-peringkat sejak tahun 1997 bagi peringkat rendah yang dibekalkan dengan komputer lengkap dengan networknya.

Yang Berhormat berkata, semua sekolah rendah kerajaan akan rapus dibekalkan dengan komputer pada tahun depan, manakala di peringkat pendidikan menengah, pendidikan Information Communication Technology (ICT) secara lebih bersistematik akan diteruskan.

Ia tidak hanya jelasnya, sebagai mata pelajaran pilihan sematamata, bahkan ia akan diselenggarakan dengan keperluan pembelajaran seumur hidup atau 'long-life learning'.

Yang Berhormat juga berharap agar kepesatan penggunaan dan kemahiran ICT akan menjadi satu budaya pembelajaran dan pengajaran di semua sekolah-sekolah di negara ini.

Di bidang pendidikan agama, kata Yang Berhormat, penekanan akan terus dilaksanakan dalam pendidikan Al-Quran dan amali agama yang merupakan nadi pendidikan agama agar setiap murid dapat menguasainya dengan sempurna sebagai asas kehidupan beragama setiap hari, kerana itu juga usaha-usaha yang berkesan

Oleh Abdullah Asgar

bagi meningkatkan kualiti ilmu dan kebolehan guru-guru agama akan diteruskan.

Umpamanya jelas Yang Berhormat, dengan mengadakan beberapa kursus dan bengkel jangka pendek dan jangka panjang, seperti Kursus Seni Membaca Al-Quran dan Kursus Lanjutan Ilmu Tauhid.

Manakala itu bagi meningkatkan lagi kemajuan pendidikan tegasnya, usaha pesat sedang dijalankan bagi menyiapkan Draf Undang-undang Pendidikan yang lebih komprehensif, dengan hasrat terwujudnya undang-undang pendidikan yang lebih lengkap dan sesuai agar perjalanan perkhidmatan pendidikan akan bertambah lancar dan sempurna bagi mencapai matlamat pendidikan dengan lebih berkesan.

Yang Berhormat menambah kata, pihak swasta tidak dapat dilupakan selain penglibatan mereka dalam menubuhkan sekolah-sekolah dan sebagai penaja dalam perkara-perkara tertentu, mereka juga memainkan peranan penting dalam projek-projek bagi kemajuan pendidikan di negara ini.

Umpamanya dalam Skim Latihan Perantis, Projek Skim Usahawan Muda (YES) dan yang terkini usaha sama antara kerajaan dengan institusi kewangan melalui Skim Pinjaman Pendidikan dengan tiga buah bank iaitu Hongkong dan Shanghai Bank, Tabung Amanah Islam Berhad (TAIB) dan Bank Pembangunan Islam Brunei Berhad (IDBB).

Duta Brunei yang baru ke Jerman, Laos

Oleh Haji Ahmad HS

BANDAR SERI BEGAWAN, 25 September. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan dan menerima watahik perantikan Duta Besar Negara Brunei Darussalam dan duta besar dari negara sahabat yang berlangsung di Istana Nurul Iman.

Baginda berkenan mengurniakan watahik perantikan Duta Besar Negara Brunei Darussalam ke Republik Persekutuan Jerman, Tuan Yang Terutama Dato Paduka Awang Haji Mohd. Adnan bin Buntar.

Selepas itu, diikuti junjung mengadap ke hadapan majlis baginda ialah Duta Besar Negara Brunei Darussalam ke Republik Demokratik Rakyat Lao, Tuan Yang Terutama Pengiran Indera Perkasa Pengiran Haji Hamdan bin Pengiran Haji Ismail.

Sementara itu, baginda juga berkenan menerima watahik perantikan yang disembahkan oleh Pesuruhjaya Tinggi Eropah Yang Tidak Menetap ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Tuan Sabato Della Monica yang beribu pejabat di Jakarta.

Juga menyembahkan watahik perantikan ke hadapan majlis baginda ialah Duta Besar Republik Chile Yang Tidak Menetap, Tuan Yang Terutama Tuan Roberto Ibarra Garcia yang beribu pejabat di Kuala Lumpur.

Di majlis berasingan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Duta Besar Negara Brunei Darussalam ke Republik Persekutuan Jerman, Tuan Yang Terutama Dato Paduka Awang Haji Mohd. Adnan.

Tuan Yang Terutama, mempunyai kelulusan M.A. Undang-Undang dan Diplomasi 1987 dan mula berkhidmat dengan kerajaan 1974 dan sebelum itu memegang jawatan Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri. TYT juga pernah menjadi Pesuruhjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam ke India dalam tahun 1994 sehingga 1997.

Duta Besar Negara Brunei Darussalam ke Republik Demokratik Rakyat Lao, Tuan Yang Terutama Pengiran Indera Perkasa Pengiran Haji Hamdan, berusia 54 tahun mula berkhidmat dengan kerajaan sebagai Inspektor Polis 1965 dan ditukar ke Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri sebagai Timbalan Pengarah Hal Ehwal Protokol dan Kaunselor.

Baginda juga berkenan menerima mengadap duta-duta besar asing secara berasingan. Mendahului mengadap ke hadapan majlis baginda ialah Tuan Yang Terutama Tuan Sabato Della Monica.

Tuan Yang Terutama berusia 57 tahun mempunyai kelulusan doktor dalam bidang ekonomi dan perdagangan di Universiti Naples. Tuan Yang Terutama sebelum dilantik menjadi Pesuruhjaya Tinggi Eropah, beliau pernah memegang jawatan sebagai Penasihat Teknikal di Pejabat Perdana Menteri dan menjadi Menteri Perancangan Popular Republik Congo dalam tahun 1971 dan 1977.

Kemudian diikuti mengadap ialah Tuan Yang Terutama Tuan Roberto Ibarra Garcia dari Negara Chile yang berusia 47 tahun mempunyai pengalaman yang bertaraf profesional dengan memegang beberapa jawatan penting antaranya ialah dalam tahun 1992 sehingga 1994 menjadi Kaunselor di Kedutaan Besar Chile di Itali dan menjadi Menteri Kaunselor bagi misi Chile ke Kesatuan Eropah dalam tahun 1997.

Perutusan tahniah kepada Arab Saudi

BANDAR SERI BEGAWAN, 23 September. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar perutusan tahniah kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Fahd bin Abdul Aziz Al-Saud, Raja Arab Saudi sempena dengan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Arab Saudi.

Dalam perutusan itu, baginda merakamkan perasaan gembira di atas hubungan mesra dan persefahaman yang erat yang sentiasa terjalin sejak sekian lamanya di antara Negara Brunei Darussalam dengan Arab Saudi. Baginda seterusnya berdoa semoga keadaan sedemikian akan berkekalan dan dipertingkatkan lagi di masa-masa yang akan datang demi kepentingan kedua-dua buah negara serta rakyat masing-masing.

Seterusnya dalam perutusan baginda, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mendoakan ke hadrat Allah Subhanahu Wataala, semoga Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Fahd bin Abdul Aziz Al-Saud dipanjangkan umur, sentiasa dalam perlindungan Allah, sihat sejahtera dan semoga rakyat Arab Saudi akan sentiasa menikmati kemakmuran dan kesejahteraan yang berterusan.



MENGUKUHKAN JATI DIRI
BANGSA DI ALAF BARU



دربیتکن اوله جباتن فراعن، جباتن فردان متري دان دجيتق اوله جباتن فرجيتقن کراجان، نگارا بروني دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.